

**MRSM: SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA SEBAGAI USAHA
MENGALAKKAN PELAJAR MELAYU DALAM BIDANG SAINS**

JULIA BIN ZAINAL ABIDIN

**DIHADIAHKAN KHUSUS BUAT
TUAN HJ. GHAZALI b. MANAF**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

1998

**MRSM: SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA SEBAGAI USAHA
MENGALAKKAN PELAJAR MELAYU DALAM BIDANG SAINS**

JULIA BINTI ZAINAL ABIDIN

41177

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SASTERA DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1998**

PENGAKUAN

**“ Saya akui latihan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya”.**

25 FEBRUARI 1998

JULIA BINTI ZAINAL ABIDIN

Hak Milik MARA

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Segala puji bagi Allah, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah kerana dengan limpah kurniaNya, saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Haji Wan Rusik bin Wan Yussof, selaku penyelia yang memberi teguran, bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar dari awal hingga akhir penulisan latihan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga, saya tujukan kepada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA), Persatuan Bekas Pelajar MRSM (ANSARA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang terlibat dalam kajian ini.

Sekalung doa dan sejunjung kasih buat ayahbonda, Zainal Abidin bin Jantan dan Rafeah binti Embi. Pengorbanan dan asuhan serta kasih sayang yang diberikan tidak dapat dibalas dengan wang ringgit dan di luahkan dengan kata-kata. Doaku moga ayahbonda beroleh keberkatan dan perlindungan Allah di dunia dan di akhirat.

Untuk Kak Long, Nor dan Adek (Nurul) terima kasih di atas bantuan, dorongan dan semangat yang diberikan. Kejayaan kalian banyak mendorongku dalam meneruskan

perjuangan ini. Untuk adik-adikku, moga kalian akan mengikut jejak-jejak ini dan moga kalian akan lebih cemerlang.

Istimewa buat Mohd Arafat Bakarudin yang menjadi pendengar setia keluhanku serta bersama-sama berkongsi suka-duka di sini dan memberi kepercayaan menggunakan komputer.

Setulus ingatan buat kawan-kawan tersayang, Ina, Shikin, Aiza, Shima, Sal, Tie, Kak Da, Kak Zhu dan lain-lain. Sesungguhnya kita yang lebih memahami erti kehidupan. Segala kerjasama, bantuan, tunjukajar, gelaktawa serta kenangan pahit manis kita akan tetap abadi selamanya. Terima kasih untuk satu pertemuan yang singkat ini. Sesungguhnya kenangan antara kita sukar dilupakan dan tetap abadi untuk selamanya. Persahabatan ini mengajar kita erti sebuah kedewasaan dan ketabahan.

Akhir sekali, segala kekurangan dalam latihan ilmiah ini adalah datangnya dari saya sendiri, dan segala kebaikan adalah datangnya dari Allah jua.

Julia Binti Zainal Abidin

29, Jln 1/6,

Taman Sri Layang,

Mentakab, Pahang.

LATAR DIRI

Julia Binti Zainal Abidin dilahirkan di Sibu, Sarawak pada 6hb. Jun 1974. Beliau telah mendapat pendidikan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Pakit Kem, Semanggang, Sarawak sehingga darjah empat. Beliau kemudian mengikut keluarganya berpindah ke Semenanjung dan meneruskan persekolahan di Sekolah Rendah Panglima Adnan, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pada tahun 1987, beliau memulakan persekolahan peringkat menengah di Sekolah Menengah Datuk Bahaman, Lanchang, Pahang sehingga ke tingkatan empat dan meneruskan pengajian serta mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah Sultan Omar, Dungun, Terengganu. Beliau menjejakkan kaki ke alam pra-universiti dan lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh, Temerloh, Pahang. Pada tahun 1994 beliau telah diterima memasuki Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan di Jabatan Sejarah, Komunikasi dan Persuratan Melayu. Beliau kemudiannya menjurus dalam Jabatan Sejarah pada tahun akhir dan menghasilkan latihan ilmiah bertajuk MRSM : Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya Sebagai Usaha Menggalakkan Pelajar Melayu dalam Bidang Sains. Beliau kemudiannya menamatkan pengajian pada bulan Mac 1998.

ABSTRAK

Tujuan pensejarahan ini ialah untuk membincangkan tentang sejarah MRSM dari peringkat awal gagasan penubuhannya oleh MARA di dalam Kongres Ekonomi Bumiputera dan kemudian persetujuan pihak kerajaan pada tahun 1970. MRSM ditubuhkan apabila kesedaran dikalangan orang-orang Melayu tentang kepentingan pendidikan terutama dalam dekad 1960-an akibat wujudnya jurang antara bangsa-bangsa di Malaysia dalam aspek ekonomi. Bangsa Melayu diakui ketinggalan dalam aspek ini terutama dalam bidang iktisas yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Oleh itu kesedaran tentang pentingnya pelajaran mula timbul sebagai usaha meningkatkan keupayaan bangsa Melayu ini. Semua pihak mula bersepakat untuk melengkapkan sistem pendidikan tanahair agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang terutama dalam bidang sains. MRSM mula diilhamkan sebagai penyambung usaha sekolah berasrama penuh oleh MARA namun MRSM lebih menekankan motif mengeluarkan pelajar sains semaksima mungkin. Penubuhan MRSM mendapat sokongan apabila MARA menunjukkan kecemerlangannya dalam menjayakan projek MRSM pertama di Seremban pada tahun 1972 dan seterusnya memperbanyakkan bilangan MRSM dan pelajarnya. Di dalam belanjawan negara kerajaan telah memperuntukan jumlah wang yang banyak kepada MARA agar kejayaan dan keberkesanannya dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Pada tahun 1997, MRSM telah menyambut Jubli Perak dan membuktikan MRSM terus cemerlang di dalam sistem pendidikan Malaysia.

KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Latar Diri	v
Abstrak	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Daftar Singkatan	xiii
Senarai Lampiran	xv
Pendahuluan	xvi
 BAB SATU - SEJARAH AWAL PENUBUHAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Masalah dan Implikasi Pendidikan Negara	1
1.3 Fenomena Pelajar Melayu dengan Pelajaran sains	9
1.4 Faktor-faktor Pelajar Melayu Lemah dalam Subjek Sains	16
1.5 MARA dalam Program Pendidikan	20
1.6 Sejarah Penubuhan MRSM	24
1.7 Faktor dan Objektif Penubuhan MRSM	28
1.8 Kesimpulan	30

BAB DUA - SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MRSM

2.1 Pengenalan	31
2.2 Penubuhan MRSM Pertama	31
2.3 Penubuhan MRSM Lain di Seluruh Negara	36
2.4 Pelaksanaan MRSM	39
2.5 Pengambilan Tenaga Pengajar dan Peranannya	45
2.6 Peruntukan Kewangan MRSM	50
2.7 Kesimpulan	56

BAB TIGA - PENGISIAN MRSM DAN KEBERKESANANNYA

3.1 Pengenalan	57
3.2 Organisasi MRSM	58
3.3 Organisasi Peringkat Maktab	62
3.4 Sistem Semester	65
3.5 Kurikulum MRSM	66
3.6 Kandungan Kurikulum	68
3.7 Pendekatan Pembelajaran di MRSM	80
3.8 Sistem Penilaian	84
3.9 Syarat graduasi	88
3.10 Keisitimewaan Perkhidmatan di MRSM	90
3.11 Kesimpulan	94

ABSTRAK

Tujuan pensejarahan ini ialah untuk membincangkan tentang sejarah MRSM dari peringkat awal gagasan penubuhannya oleh MARA di dalam Kongres Ekonomi Bumiputera dan kemudian persetujuan pihak kerajaan pada tahun 1970. MRSM ditubuhkan apabila kesedaran dikalangan orang-orang Melayu tentang kepentingan pendidikan terutama dalam dekad 1960-an akibat wujudnya jurang antara bangsa-bangsa di Malaysia dalam aspek ekonomi. Bangsa Melayu diakui ketinggalan dalam aspek ini terutama dalam bidang iktisas yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Oleh itu kesedaran tentang pentingnya pelajaran mula timbul sebagai usaha meningkatkan keupayaan bangsa Melayu ini. Semua pihak mula bersepakat untuk melengkapkan sistem pendidikan tanahair agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang terutama dalam bidang sains. MRSM mula diilhamkan sebagai penyambung usaha sekolah berasrama penuh oleh MARA namun MRSM lebih menekankan motif mengeluarkan pelajar sains semaksima mungkin. Penubuhan MRSM mendapat sokongan apabila MARA menunjukkan kecemerlangannya dalam menjayakan projek MRSM pertama di Seremban pada tahun 1972 dan seterusnya memperbanyakkan bilangan MRSM dan pelajarnya. Di dalam belanjawan negara kerajaan telah memperuntukan jumlah wang yang banyak kepada MARA agar kejayaan dan keberkesanannya dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Pada tahun 1997, MRSM telah menyambut Jubli Perak dan membuktikan MRSM terus cemerlang di dalam sistem pendidikan Malaysia.

KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Latar Diri	v
Abstrak	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Daftar Singkatan	xiii
Senarai Lampiran	xv
Pendahuluan	xvi
BAB SATU - SEJARAH AWAL PENUBUHAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Masalah dan Implikasi Pendidikan Negara	1
1.3 Fenomena Pelajar Melayu dengan Pelajaran sains	9
1.4 Faktor-faktor Pelajar Melayu Lemah dalam Subjek Sains	16
1.5 MARA dalam Program Pendidikan	20
1.6 Sejarah Penubuhan MRSM	24
1.7 Faktor dan Objektif Penubuhan MRSM	28
1.8 Kesimpulan	30

BAB DUA - SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MRSM

2.1 Pengenalan	31
2.2 Penubuhan MRSM Pertama	31
2.3 Penubuhan MRSM Lain di Seluruh Negara	36
2.4 Pelaksanaan MRSM	39
2.5 Pengambilan Tenaga Pengajar dan Peranannya	45
2.6 Peruntukan Kewangan MRSM	50
2.7 Kesimpulan	56

BAB TIGA - PENGISIAN MRSM DAN KEBERKESANANNYA

3.1 Pengenalan	57
3.2 Organisasi MRSM	58
3.3 Organisasi Peringkat Maktab	62
3.4 Sistem Semester	65
3.5 Kurikulum MRSM	66
3.6 Kandungan Kurikulum	68
3.7 Pendekatan Pembelajaran di MRSM	80
3.8 Sistem Penilaian	84
3.9 Syarat graduasi	88
3.10 Keisitimewaan Perkhidmatan di MRSM	90
3.11 Kesimpulan	94

BAB EMPAT - ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN MRSM

4.1 Pengenalan	95
4.2 Analisis Peperiksaan LCE Pertama MRSM	96
4.3 Analisis Peperiksaan SRP 1980	97
4.4 Analisis Peperiksaan SRP 1990	104
4.5 Analisis Penilaian Menengah Rendah 1996	107
4.6 Analisis Peperiksaan MCE Pertama MRSM	109
4.7 Analisis Peperiksaan SPM 1980	111
4.8 Pencapaian SPM 1990	116
4.9 Analisis Peperiksaan SPM 1996	118
4.10 Kesimpulan	121

BAB LIMA - RUMUSAN

122 - 130

RUJUKAN**LAMPIRAN**

Hak Milik MARA

SENARAI JADUAL

No. Jadual		
1.1	Pendaftaran Pelajar Darjah Satu di sekolah-sekolah Malaysia dan sekolah Menengah Bantuan Kerajaan Bagi Tahun 1957-1967 Mengikut Bahasa Pengantar	3
1.2	Bilangan Tenaga Profesional Universiti Malaya	7
1.3	Perangkaan Bilangan Bumiputera Dan Bukan Bumiputera	8
1.4	Keputusan Peperiksaan STP Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh Mengikut Tahun	15
1.5	Keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Pada Tahun 1963 - 1967	19
2.1	Penubuhan MRSM	38
2.2	Program MRSM Mengikut Lokasi	44
2.3	Pertambahan Jumlah Peruntukan Pembangunan Dalam Rancangan Malaysia	51
2.4	Pertambahan Peruntukan Pembangunan MRSM mengikut Tahun dalam Rancangan Malaysia Ke-4 (1980-1985)	52
2.5	Pecahan Bagi Sebuah Projek Persekolahan Menengah Rendah MRSM	54
2.6	Peruntukan Belanja Pembangunan dan Peruntukan Belanja Mengurus	55
3.1	Sistem Semester MRSM	66
3.2	Kurikulum MRSM Bagi Pengajian Menengah Rendah dan Menengah Atas	69
3.3	Matapelajaran Teras Bagi Pengajian Menengah Rendah	71

3.4	Matapelajaran Elektif Mengikut Aliran Bagi Pengajian Menengah Atas	72
3.5	Program Pembangunan Diri dalam Kurikulum Perkembangan Sahsia	76
3.6	Kegiatan dalam Unit Ko - Kurikulum MRSM	79
3.7	Kaedah Penujuan Berpandu sebagai Pendekatan Pembelajaran MRSM	82
3.8	Taburan Gred Bagi Pencapaian Kurikulum MRSM	87
4.1	Keputusan Peperiksaan LCE/SRP Pada Tahun 1974-1979	97
4.2	Keputusan Peperiksaan SRP di MRSM Kota Bharu, Kuantan, Kulim dan Kuala Terengganu Mengikut Agregat	99
4.3	Agregat Mengikut <u>Range</u> bagi peperiksaan SRP 1980	100
4.4	Jumlah Distinction Yang Diperolehi Pelajar di Empat Buah MRSM	101
4.5	Peratus Terbaik dalam Setiap Matapelajaran Yang Mencapai Distinction Mengikut MRSM	102
4.6	Perbandingan Pencapaian Gred Terbaik SRP 1980	105
	i. Pencapaian Gred Bagi Subjek Matematik Mengikut MRSM	106
	ii. Pencapaian Gred Bagi Subjek Sains Paduan Mengikut MRSM	107
4.8	Pencapaian Pelajar Yang Mendapat 8A Dalam peperiksaan PMR 1996	108
4.9	Perbandingan Subjek Mengikut Gred A	109

4.10	Pencapaian Pelajar-pelajar MRSM Dalam Peperiksaan MCE 1976-1979	110
4.11	Pencapaian SPM mengikut kumpulan Agregat	112
4.12	Peratus Pencapaian Distinction Tertinggi MRSM Mengikut Matapelajaran	113
4.13	Pencapaian bagi Keseluruhan Matapelajaran dalam Gred Terbaik, Kepujian, lulus dan Gagal	114
4.14	Perbandingan Peratus Pencapaian Gred Terbaik Bagi Tahun 1986-1990	117
4.15	Perbandingan Pencapaian Pelajar dalam Peperiksaan SPM 1995 dengan 1996	118
4.16	Pencapaian Gred terbaik (A1-A2) Dalam Subjek Mengikut MRSM	120

Hak Milik MARA

DAFTAR SINGKATAN

BPM	Bahagian Pelajaran Menengah
DAP	Democraton Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPK	Dasar Pelajaran Kebangsaan
HSC	High School Certificate
ITM	Institut Teknologi MARA
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
LCE	Low Certificate Examination
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCE	Middle Certificate Examination
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
n.d	no. date
PDRM	Polis Di Raja Malaysia
PMK	Purata Markah Keseluruhan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNG	Purata Nilaiian Gred
RIDA	Rural And Industrial Development Authority
R.M	Rancangan Malaysia
RM	Ringgit Malaysia

SAP	Sijil Am Pelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STP	Sijil Tinggi Pelajaran
TDM	Tentera Di Raja Malaysia
TPMK	Timbunan Purata Markah Keseluruhan
TPNG	Timbunan Purata Nilai Gred
t.t	Tanpa Tarikh
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya

Hak Milik MARA

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Peta Kedudukan MRSM
- Lampiran 2 Logo MRSM
- Lampiran 3 Logo Kolej MARA
- Lampiran 4 Carta Organisasi Bahagian Pelajaran Menengah
- Lampiran 5 Carta Organisasi MRSM
- Lampiran 6 Daftar Pelajar MRSM 1997
- Lampiran 7 Daftar Tenaga Pengajar MRSM
- Lampiran 8 Guru dan Kelayakan Pada 1986/ 1987
- Lampiran 9 Formula Kecemerlangan dalam Rancangan Pembangunan Pendidikan di MRSM Perlis (1980-1990)
- Lampiran 10 Jawatankuasa Pentadbiran dan Pengurusan MRSM
- Lampiran 11 Jawatankuasa Kurikulum MRSM
- Lampiran 12 Jadual Akademik MRSM (hari minggu pada hari Sabtu dan Ahad)
- Lampiran 13 Jadual Akademik MRSM (hari minggu pada Jumaat dan Sabtu)
- Lampiran 14 Lagu MRSM

PENDAHULUAN

Kajian tentang sistem pendidikan di Malaysia telah banyak dijalankan namun bidang yang memperkatakan tentang usaha MARA sendiri sebagai badan berkanun dalam merealisasikan kecemerlangan pendidikan tanahair masih kurang didedahkan.

MRSM: Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya Sebagai Usaha Menggalakan Pelajar Melayu dalam Bidang Sains adalah usaha penulis untuk membongkar dengan lebih lanjut tentang kegiatan Bahagian Pelajaran Menengah, MARA khusus dalam memperkembangkan MRSM.

Penulis mengaitkan faktor-gaktor penubuhan MRSM dengan keadaan sosio ekonomi negara semenjak negara mencapai kemerdekaan. Jurang antara bangsa-bangsa di Malaysia dalam bidang ekonomi dan pendidikan dititik beratkan sebagai usaha memperlihatkan keperluan dan kepentingan sistem pendidikan untuk pelajar Melayu khususnya dalam mengeluarkan bilangan bumiputera yang mahir dalam sains dan teknologi. Ini berikutan bidang sains dan teknologi ini lebih dipelopori oleh bangsa-bangsa lain seperti Cina, India dan Eurasian berbanding bangsa Melayu itu sendiri. Peranan individu, kumpulan, persatuan dan MARA sendiri begitu penting dalam usaha menubuhkan MRSM pertama pada tahun 1972.

Seterusnya penulis memperkembangkan pensejarahan ini dalam aspek perkembangan MRSM dan pengisiannya. Penulis melihat perkembangan akademik, ko-

kurikulum dan perkembangan sahsiah di MRSM. Selepas sepuluh tahun penubuhan MRSM, ternyata kejayaan demi kejayaan dalam mengeluarkan pelajaran yang berkualiti berbangsa Melayu semakin ketara. Untuk itu, MRSM semakin menjadi rebutan para ibubapa untuk mendaftarkan anak-anak mereka belajar di MRSM.

Seterusnya analisis tentang keputusan peperiksaan MRSM menunjukkan prestasi pelajar MRSM yang sangat membeaangsaan. Kini, ramai tokoh-tokoh koperat, ahli-ahli politik, ahli akademik yang berjaya dilahirkan oleh MRSM biarpun usaha MRSM baru 25 tahun.

0.1) Tujuan Kajian

Kajian ini dibuat untuk memperlihatkan kepentingan pendidikan terutama pendidikan sains dikalangan bangsa Melayu sebagai penduduk bumiputera negara ini. Kelemahan dalam bidang pendidikanlah yang telah meletakkan bangsa Melayu sedikit masa dulu jauh ketinggalan di belakang bangsa-bangsa lain. Justeru itu MRSM dianggap satu usaha yang berkesan dalam melahirkan individu yang 'celik' sains dengan memberi pendedahan dan bimbingan yang lebih awal kepada pelajarnya. Kajian ini juga memperlihatkan peranan MARA sebagai sebuah agensi kerajaan yang sangat berjasa kepada sejarah pendidikan tanahair. Penulis berharap daripada penulisan sejarah ini keberkesanan MRSM akan diakui dan disusuli dengan usaha yang lebih giat untuk memperkembangkan dan memajukan MRSM dalam menuju era globalisasi kini dan masa depan.

1.2) Permasalahan Kajian

Oleh kerana penubuhan MRSM baru berusia 25 tahun, masalah sumber menjadi perkara utama kerana tidak banyak kajian lepas yang secara langsung membincangkan tentang MRSM diterbitkan sebagai panduan penulis. Walau bagaimanapun, laporan, minit mesyuarat, risalah-risalah yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelajaran Menengah MARA banyak membantu penulis untuk memberi plot terbaik dalam latihan ilmiah ini.

Selain itu permasalahan timbul dalam membincangkan perkembangan akademik MRSM kerana terdapat beberapa perubahan dalam polisi MRSM dari aspek pengambilan pelajar, kandungan kurikulum dan perbezaan sistem persekolahan bagi setiap negeri. Oleh itu penulis perlu berhati-hati dalam memberi penjelasan dengan bantuan jadual dan notakaki penjelasan tambahan agar pembaca tidak terkeliru. Penulis berharap permasalahan ini telah dapat diatasi setelah pembaca meneliti kajian ini.

0.3) Kaedah Kajian

Penulis menggunakan kaedah penyelidikan di perpustakaan untuk mendapatkan sumber primer dan sekunder semaksima yang ada. Kaedah ini banyak memberi maklumat tentang perkembangan MRSM terutama selepas sistem KBSM dilaksanakan oleh kerajaan. Di samping itu kaedah temubual juga digunakan bagi mendapatkan sumber dan maklumat yang lebih terperinci terutama tentang perkara-perkara terkini

BAB SATU

SEJARAH AWAL PENUBUHAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA

1.1 Pengenalan

Bab ini akan meninjau sejarah awal penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (selepas ini di sebut MRSM). Penubuhan MRSM adalah akibat langsung kesedaran di kalangan pemimpin bumiputera khususnya orang Melayu tentang kekurangan dan ketinggalan komuniti ini dalam bidang pelajaran selepas negara mencapai kemerdekaan. Masalah ini dikaitkan dengan beberapa persoalan iaitu kekurangan dan kelemahan pelajar dalam bidang sains di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Selain itu faktor-faktor penyebab kekurangan bumiputera dalam bidang profesional juga dibincangkan dalam bab ini. Ekoran daripada perkara-perkara inilah MARA dengan inisiatifnya berjaya menubuhkan MRSM pertama di Seremban pada tahun 1972. Bab ini juga melihat bagaimana perkembangan pelajaran di negara ini yang menyebabkan pelajar Melayu terus ketinggalan dalam bidang sains berbanding bangsa lain seperti Cina dan India. Oleh itu usaha memberi pendidikan sains dengan lebih awal di MRSM ini adalah idea yang bernas sebagai langkah menambah bilangan bangsa Melayu dalam aliran sains.

1.2 Masalah dan Implikasi Pendidikan Negara

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957 perkara utama yang menjadi perhatian negara ialah pembangunan negara dari aspek ekonomi. Ini berikutan kebanyakan negara di Asia Tenggara yang baru mencapai kemerdekaan mengalami masalah kemiskinan akibat dasar penjajahan yang mengambil keuntungan dan membawa

balik ke negara masing-masing seperti British di Tanah Melayu.¹ Di samping itu dasar pecah dan perintah Inggeris telah menyebabkan wujudnya jurang ekonomi dikalangan bangsa Melayu, Cina dan India yang sangat ketara. Orang-orang Cina lebih maju dan menguasai ekonomi di Tanah Melayu dengan memiliki lombong bijih timah, perniagaan yang besar dan maju serta mempunyai kebun-kebun getah yang luas. Ini berbeza dengan bangsa Melayu dan India yang lebih ketinggalan dan hidup dalam kemiskinan.

Ekoran daripada masalah ekonomi ini memberi impak kepada penerimaan pembelajaran dikalangan orang Melayu. Bangsa Melayu khususnya tetap ketinggalan dalam merebut peluang-peluang pendidikan yang ditawarkan. Ini lebih ketara dikawasan luar bandar yang mempunyai masalah pengangkutan, kemiskinan penduduk sehingga tidak mampu membiayai kos persekolahan dan kekangan budaya tradisional yang masih menebal iaitu anak-anak tidak diberi pendidikan secara formal yang sempurna terutama bagi anak-anak perempuan.

Permasalahan ini menyebabkan pelajar Melayu terus ketinggalan dalam merebut peluang penerimaan pendidikan yang lebih tinggi. Ini dapat dilihat dalam jumlah pelajar dalam aliran Melayu yang mendaftar di sekolah rendah dan sekolah menengah pada tahun 1957, 1960, dan 1970 berbanding jumlah pelajar di sekolah aliran Cina, India dan Inggeris.

¹ D.G.E Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hlm.1012

JADUAL 1.1 : Pendaftaran Pelajar Darjah Satu Di Sekolah-sekolah Malaysia dan Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan Bagi Tahun 1957-1967 Mengikut Bahasa Pengantar.

Aliran	Sekolah Rendah			Sekolah Menengah		
	1957	1960	1967	1957	1960	1967
Melayu	98 715	93 348	108 579	2 515	4 953	128 069
Cina	19 549	3 911	1 161	30 052	38 828	-
Tamil	224	171	158	440	-	-
Inggeris	130 360	177 348	389 579	48 235	72 499	-

Sumber : Educational Statistics of Malaysia, 1938 to 1967 p.p 32- 35 & 41-43

Jadual 1.1 yang ditunjukkan di atas menunjukkan jumlah bilangan pelajar aliran Melayu tidak dapat menandingi jumlah aliran Inggeris yang jauh lebih banyak. Keadaan semakin rumit apabila pelajar-pelajar Sekolah Rendah itu tidak melanjutkan pelajaran pula ke sesi Persekolahan Menengah pada tahun 1960. Keadaan ini disebabkan Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) dianggap tidak dilaksanakan dengan tegas kerana Kerajaan Perikatan pada masa itu memberi layanan istimewa kepada pendidikan aliran Inggeris. Ini berikutan daripada peratusan didapati pendidikan aliran Inggeris telah berkembang 300% lebih pesat daripada pendidikan aliran Melayu baik dari segi murid, guru ataupun sekolah.²

Oleh itu kesedaran mula timbul di kalangan bumiputera terutama masyarakat Melayu yang peka seperti penulis-penulis, wartawan, aktivis sosial, pelajar universiti dan

² Zainal Abidin bin Abdul Wahid, *Educational in the National Development of Malaysia; A Study of Policy vs. Implementation di dalam Lim Teck ghee and Vincent Lowe (ed.), Towards a Modern Asia: Aims Resources and Strategies*, Heinemann Educational Books, Kuala Lumpur, 1976. Hlm. 146

tokoh-tokoh politik tentang pentingnya penguasaan dalam pendidikan di kalangan orang Melayu agar keseimbangan ekonomi dapat diwujudkan.

Justeru itu, kebangkitan semangat baru ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap sistem pendidikan bagi orang Melayu. Ini menjadi salah satu faktor berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 yang meminta kerajaan menimbang kembali masalah orang Melayu dan sistem pendidikannya. Apabila peristiwa 13 Mei ini berlaku, kerajaan berusaha memulihkan keadaan dengan Pembentukan Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh semua parti politik, kerajaan dan pembangkang kecuali Parti Tindakan Demokrasi (DAP) dan orang-orang kenamaan.³ Majlis ini telah berjaya melaksanakan DPK dibawah pimpinan Menteri Pelajaran, Y.B Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub dengan tegas dan berkesan.

Walau bagaimanapun di akhir 1960-an, masih kedengaran masalah dalam sistem pendidikan kerana didapati orang Melayu amat kurang terlibat dalam bidang profesional yang berlandaskan ilmu sains. Keadaan ini mula disedari apabila negara semakin maju dan memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang mahir dalam sains dan teknikal. Kekurangan ini terlalu nyata di kalangan orang Melayu sehingga untuk mendapatkan seorang guru sains di sekolah menengah juga menjadi masalah terutama yang mempunyai ijazah. Guru-guru sains yang berkelulusan maktab juga terhad. Kekurangan guru-guru ini berpunca daripada

³ *Ibid*

kecenderungan pelajar-pelajar sains bekerja di firma-firma dan badan-badan swasta daripada menjadi guru.⁴

Umumnya negara masih kekurangan guru-guru khas untuk mengajar sains di peringkat menengah atas. Keadaan ini memaksa negara mengambil guru-guru dari luar negara termasuklah dari Indonesia.⁵ Kekurangan guru-guru telah dinyatakan dalam Kajian Semula Kemajuan untuk tahun 1966 sehingga 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) di ceraiian 706 yang menyatakan;

...Bilangan guru-guru siswazah yang terlatih terutama sekali dalam bidang sains dan ilmu hisab bagi pelajaran menengah atas dan menengah tinggi masih belum mencukupi walaupun lebih dari 2000 guru golongan ini telah dilatih didalam dan luar negeri dalam tempoh itu.⁶

Kekurangan guru-guru yang mahir dalam bidang sains dikalangan bumiputera ini cuba diatasi dengan menggalakkan mereka (guru-guru) yang ada ini melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti. Namun dari tahun 1966-1970, tidak terdapat seorang pun guru-guru Melayu yang melanjutkan pelajaran dalam bidang sains di universiti tempatan. Tahun 1970, hanya tiga orang sahaja guru Melayu yang melanjutkan pelajaran dalam aliran sains di universiti luar negara. Dalam tempoh lima tahun, jumlah ini sangat sedikit dan ini berbeza dengan jumlah guru-guru bukan Melayu yang berjaya melanjutkan pelajaran di

⁴ Kenyataan ini daripada Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad pada 20hb. Oktober 1975 dalam ucapannya di majlis Perasmian Expo Sains - Hisab bagi sekolah-sekolah Kebangsaan kumpulan Slim-River ketika beliau menjadi Ketua Menteri Pelajaran Malaysia yang menyatakan kekesalannya terhadap fenomena ini.

⁵ Haji Harndan bin Sheikh Tahir, *Perkembangan dan kemajuan Pelajaran di Malaysia*, Dewan Masyarakat, Jilid VII, Bil. 3-5 Mach, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, Hlm. 5

⁶ Rancangan Malaysia kedua 1971-1975, Jabatan Chetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971. Hal. 253

⁷ Ibrahim Saad, *Isu Pendidikan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, Hlm. 311

universiti-universiti tempatan dan luar negara pada tempoh yang sama. Oleh itu kekurangan bilangan guru-guru terus berlaku sehingga tahun-tahun 1970-an. Ini memberi kesan kepada perkembangan pendidikan sains dikalangan pelajar Melayu kerana guru-guru bukan Melayu yang mengajar mata pelajaran sains di sekolah-sekolah Melayu mempunyai masalah bahasa kerana dari era selepas merdeka sehingga tahun 1980 semua mata pelajaran diajar dalam Bahasa Malaysia kecuali sains dan matematik yang masih diajar dalam Bahasa Inggeris.⁸ Jadi guru-guru ini mempunyai masalah dalam proses mengajar kerana mereka dahulu terdidik dalam bahasa Inggeris. Di samping itu masalah kekurangan istilah-istilah sains di dalam Bahasa Malaysia menyulitkan lagi proses pemahaman dalam pembelajaran sains di sekolah-sekolah terutama sekolah Melayu.

Selepas lebih 20 tahun negara merdeka, kegiatan ekonomi lebih kukuh dan memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang mahir dalam sains dan matematik. Namun akibat sistem pendidikan yang telah dilaksanakan, didapati kaum Melayu sangat sedikit dalam bidang ini berbanding kaum-kaum lain seperti Cina dan India. Kekurangan ini dikatakan berpunca dari sistem pendidikan yang dilaksanakan itu telah menganak-tirikan pendidikan Melayu. Oleh itu jurang antara bangsa Melayu dan bangsa-bangsa lain seperti Cina dan India sangat ketara.⁹

Masalah jurang antara kaum di dalam pendidikan terutama tentang kelemahan orang Melayu ini semakin hangat diperkatakan terutama pada tahun 1970-an kerana orang

⁸ *Ibid*, hlm. 310

⁹ *Ibid*, hlm. 165

Melayu terlalu sedikit yang menceburi dan menguasai bidang yang berkaitan sains dan matematik. Pada tahun 1976 di Universiti Malaya hanya 14 orang sahaja tenaga pengajar bumiputera dalam aliran sains berbanding 352 orang bukan bumiputera.¹⁰ Ini dapat dilihat dalam 1.2 jadual dibawah:

JADUAL 1.2 : Bilangan Tenaga Pengajar Profesional di Universiti Malaya

Fakulti	Bumiputera	Peratus	Bukan Bumiputera	Peratus
Perubatan	3	1.9	154	98.1
Pergigian	3	14.3	18	85.7
Kejuruteraan	3	6.5	43	93.5
Sains	5	3.5	137	96.5
Undang-Undang	10	66.6	5	33.3
Pendidikan	9	21.4	33	78.6

Sumber: Ibrahim Saad, *Isu Pendidikan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986.

Jadi jelaslah bilangan kaum bumiputera khasnya orang Melayu terlalu kurang dalam bidang profesional sedangkan negara memerlukan tenaga kerja yang mahir dalam bidang sains. Keadaan ini berbeza dengan kaum-kaum lain seperti kaum Cina yang lebih mendahului dalam aspek pendidikan di Malaysia semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehingga tahun 1970-an.

Keadaan yang sama juga berlaku pada bidang-bidang seperti kedoktoran, kejuruteraan, pertanian, pemakanan dan sebagainya lagi adalah masih belum mencukupi. Fenomena ini lebih ketara pada tahun 1970-an kerana pada tahun 1970, keahlian bumiputera dalam kumpulan profesional secara peratusan adalah sangat rendah

¹⁰ *Ibid*, hlm. 166

berbanding kaum bukan bumiputera. Bidang kedoktoran cuma 3.7% , doktor gigi hanya 3.1 % , jurutera pula 7.3 % , dan doktor veterina 40 %. Peratusan doktor bertambah sedikit dalam tahun 1975 kepada 4.4% tetapi dalam bidang selebihnya semakin berkurangan.¹¹ Namun sehingga 1980 bilangan doktor di kalangan Melayu cuma sebanyak 503 (12.7 %) orang sahaja. Jumlah ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan bukan Melayu sebanyak 3438 orang atau 87.3 %. Perangkaan ini menunjukkan negara kekurangan tenaga mahir dalam bidang sains dari kalangan Melayu semenjak selepas merdeka hingga ke penghujung dekad 1970-an. Jadi jelaslah orang Melayu terus ketinggalan dalam bidang sains sehingga ada yang mengatakan Melayu ketinggalan 100 tahun ke belakang dalam bidang ini berbanding bangsa lain di tanah air sendiri. Perangkaan yang lebih jelas dapat dilihat dalam jadual 1.3 di bawah;

Jadual 1.3 : Perangkaan Menunjukkan jumlah bilangan bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang iktisas pada tahun 1970

BIDANG	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA
Arkitek	4.3	95.7
Akauntan	6.8	93.2
Jurutera	7.3	92.7
Doktor Gigi	3.1	96.9
Doktor	3.7	96.3
Doktor Veterinar	40.0	60.0
Peguam	12.8 (1975)	87.2 (1975)
Jurukur	29.9 (1980)	70.1 (1980)

Sumber : Zainal Abidin bin Abdul Wahid, *Perkembangan Pendidikan dan Masa Depan Malaysia...*

¹¹ Chamhuri Siwar dan Surtahman Hasan, *Ekonomi Malaysia (edisi ketiga)*, Gains Print Sdn.bhd, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 259

1.3 Fenomena Pelajar Melayu dengan Pelajaran Sains

Selepas merdeka sehingga tahun 1960-an, masyarakat Melayu terus di dalam kemunduran. Hakikat ini tidak dapat dinafikan dan kesedaran mula timbul untuk meningkatkan taraf ekonomi orang-orang Melayu. Oleh itu melalui sistem pendidikan dijangkakan dapat mencapai matlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu tetapi ia memerlukan jangkamasa yang panjang untuk mendapatkan hasilnya. Justeru itu dalam Rancangan Malaysia pertama lagi telah diadakan perubahan besar dalam sistem pendidikan untuk menyesuaikan keperluan pengeluaran sekolah-sekolah dengan kehendak tenaga buruh seterusnya dapat mengurangkan perbezaan peluang pelajaran di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Kesedaran ini telah memuncak pada tahun 1960-an kerana persaingan ekonomi di antara kaum-kaum di Malaysia semakin sengit. Orang Melayu masih ketinggalan dalam memenuhi peluang-peluang perkerjaan seperti yang telah dibincangkan diawal bab. Berikutan itu, peluang-peluang pendidikan juga terus dikuasai bangsa lain terutama orang-orang Cina. Keadaan ini membimbangkan negara apatah lagi setelah berlaku peristiwa 13 Mei 1969 yang melibatkan permusuhan antara kaum. Oleh itu beberapa langkah telah disusun oleh kerajaan untuk menyeimbangkan semula jurang antara kaum ini seperti perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1965-1970). Masalah kekurangan tenaga kerja yang mahir berlandaskan ilmu sains di kalangan orang Melayu juga semakin disedari dan cuba diselesaikan. Ekoran daripada itu, timbullah idea untuk melatih dan memberi pelajaran yang berorientasikan sains dari peringkat awal lagi dengan memperbanyakkan sekolah-sekolah Sains. Walau bagaimanapun sekolah-sekolah ini tidak mampu untuk menampung pelajar-

pelajar yang semakin bertambah. Ini bermakna terdapat pelajar-pelajar yang layak tetapi tidak berpeluang melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah ini terutama yang tinggal di luar bandar.

Fenomena kekurangan pelajar Melayu dalam aliran sains dapat di lihat dalam tahun 1960-an apabila Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengalami kesukaran untuk mendapatkan calon-calon Melayu bagi menerima biasiswa pengajian tinggi bagi kursus perubatan di Sri Lanka.¹² MARA telah diberi kepercayaan oleh kerajaan bagi memilih calon-calon yang layak berdasarkan prestasi MARA sendiri dalam bidang latihan sebelum ini yang memuaskan. MARA juga merupakan badan berkanun yang paling hampir dengan orang Melayu dan bertanggungjawab dalam memajukan bangsa Melayu jadi Kementerian Pelajaran telah menyerahkan peluang ini untuk MARA memilih pelajar Melayu yang layak ekoran kekurangan doktor-doktor berbangsa Melayu di Malaysia pada lewat 1960-an. Namun biarpun telah lama diiklankan tiada penuntut yang mengisi kekosongan ini. MARA terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan walau satu permohonan sahaja. Keadaan ini menyebabkan MARA lambat menghantar pelajar tajaannya ke Sri Lanka.¹³

Keadaan yang hampir sama juga berlaku apabila Jabatan Perkhidmatan Awam, Lembaga Letrik Negara serta badan-badan berkanun lain berebut-rebut untuk mendapatkan calon yang sama untuk ditaja ke luar negara. Oleh itu daripada 17 calon yang diterima ke Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya pada tahun 1974 berakhir dengan lima orang

¹² Ibrahim Saad, *Isu Pendidikan...* hlm. 49

¹³ *Ibid*, hlm. 49

sahaja yang tinggal kerana 12 lagi telah berpindah ke institusi luar negara kerana peluang lulus di sana adalah lebih mudah.¹⁴

Selain itu fenomena bagi 50 mahasiswa tahun pertama di Universiti Malaya (UM) lulus dalam jurusan kejuruteraan pada tahun 1968 menyaksikan tiada seorang pun pelajar Melayu manakala dalam tahun kedua pula hanya seorang sahaja yang telah lulus. Ini membuktikan kurang dan lemahnya pelajar Melayu dalam aliran sains baik di peringkat menengah mahupun di universiti.¹⁵

Kekurangan pelajar Melayu aliran sains juga dapat dilihat dalam kemasukan ke universiti-universiti tempatan yang sangat sedikit sekali. Semenjak tahun 1959, UM telah mula memperlihatkan ketidak-seimbangan pengambilan pelajar berdasarkan kaum. Fenomena ini bukanlah disebabkan oleh masalah pilih kasih dalam pemilihan masuk sebaliknya pelajar Melayu yang layak dalam aliran sains sangat berkurangan. Pengambilan mahasiswa sesi 1959/1960 berjumlah 323 orang namun penuntut Melayu cuma berjumlah 62 orang atau 19.2 % sahaja. Daripada jumlah itu bilangan pelajar Melayu dalam fakulti sains cuma tiga orang, fakulti kejuruteraan seorang manakala pelajar dari bangsa Cina dalam aliran sains dan kejuruteraan masing-masing berjumlah 22 atau 40.1 % dan 108 atau 83.8 %. Pada tahun berikutnya pula (1960-1961) jumlah pelajar Cina dan pelajar-pelajar lain terus meningkat. Pelajar Cina dalam fakulti sains telah meningkat

¹⁴ *Ibid*, hlm. 162

¹⁵ Kelana Putera, *Kenapa Pelajar Melayu Ketinggalan di dalam Pelajaran Teknik*, Dewan Masyarakat, Jilid VII, Bil. 1-15 Jan, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, hlm. 52.

kepada 73 orang, fakulti kejuruteraan kepada 132 orang dan sains pertanian 20 orang berbanding pelajar Melayu di fakulti sains seramai 10 orang, kejuruteraan 4 orang dan sains pertanian cuma dua orang. Peningkatan bilangan pelajar Cina dan bangsa lain terus berlaku dalam tahun 1960-an ini berbanding pelajar Melayu.¹⁶

Sehingga tahun 1970/ 1971, jumlah pelajar mengikut kaum di UM ini semakin memperlihatkan jurang kerana pelajar Melayu terus berkurangan di fakulti-fakulti yang berasaskan sains. Fakulti sains UM memperlihatkan pelajar Melayu cuma berjumlah 157 orang, pelajar Cina 1118 orang dan bangsa-bangsa lain berjumlah 88 orang. Fakulti kejuruteraan pula menyaksikan pelajar Melayu cuma 5 orang sahaja berbanding pelajar Cina 365 orang dan bangsa-bangsa lain 22 orang. Manakala di fakulti perubatan, pelajar Melayu yang ada cuma seramai 128 orang, pelajar Cina berjumlah 417 orang dan bangsa-bangsa lain berjumlah 86 orang.¹⁷

Kemasukan pelajar Melayu ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam fakulti sains juga memperlihatkan jurang diantara pelajar mengikut bangsa. Penubuhan UKM pada tahun 1970 hampir serentak dengan gagasan penubuhan MRSM. Tujuan penubuhan UKM adalah untuk memberi peluang yang lebih besar kepada pelajar Melayu melanjutkan pelajaran ke Universiti. YB Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub ketika menjadi Menteri Pelajaran Malaysia adalah tunggak kekuatan penubuhan UKM. Beliau

¹⁶ Zarinah Ismail, *Pengajian Tinggi di Malaysia: Satu Kajian Tentang Pembentukan dan Perkembangan Universiti Malaya di Kuala Lumpur (1900 - 1970-an)*, Latihan Ilmiah, UKM, 1991/1992, hlm. 54

¹⁷ *Ibid*

Kemasukan pelajar Melayu ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam fakulti sains juga memperlihatkan jurang diantara pelajar mengikut bangsa. Penubuhan UKM pada tahun 1970 hampir serentak dengan gagasan penubuhan MRSM. Tujuan penubuhan UKM adalah untuk memberi peluang yang lebih besar kepada pelajar Melayu melanjutkan pelajaran ke Universiti. YB Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub ketika menjadi Menteri Pelajaran Malaysia adalah tunggak kekuatan penubuhan UKM. Beliau telah mengumumkan penubuhan UKM pada 18hb. Mei 1970 dengan tapak sementara di bangunan Maktab Perguruan Persekutuan, Kuala Lumpur dan jumlah kumpulan pelajar pertamanya seramai 190 orang. Seterusnya YAB Dr. Sri Dr. Mahathir Mohamad melantik sebuah jawatan kuasa bagi membincangkan kursus-kursus yang perlu diadakan di UKM.¹⁸

Walau bagaimanapun pada awalnya fakulti sains dan perubatan sahaja yang menjurus di dalam aliran sains. Fakulti-fakulti lain seperti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Ekonomi, dan Pengajian Islam. Ini bermakna UKM telah dibanjiri pelajar Melayu dari aliran sastera.

Masalah ini juga dapat di lihat pada prestasi pelajar Melayu dalam mata pelajaran sains di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran (STP) atau High School Certificate (HSC) yang mula ditawarkan sehingga tahun 1970. Pelajar Melayu di dapati sangat kurang dalam tahap dan aliran ini berbanding bangsa lain dan keputusan peperiksaan mereka juga sangat mendukacitakan. Contohnya di sekolah-sekolah jenis Kebangsaan Inggeris dalam

¹⁸ Mohd Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan dalam Pendidikan di Malaysia*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1988, hlm.128

aliran sains, pelajar Melayu berjumlah 277 orang tetapi yang lulus dengan sijil penuh hanya 106 orang sahaja. Keadaan ini berbeza dengan calon bukan Melayu yang seramai 1 689 orang, 1 217 telah lulus dengan sijil penuh.¹⁹ Pelajar Melayu yang mendapat statement iaitu lulus dua principal, dua subsidiary dan lulus Kertas Am seramai 170 orang berbanding 608 orang pelajar bukan Melayu. Walau bagaimanapun hanya sebahagian sahaja daripada golongan ini yang boleh diterima oleh universiti tempatan dan daripada jumlah itu hanya sepuluh orang pelajar Melayu sahaja yang terpilih berbanding bukan Melayu seramai 146 orang.²⁰

Begitu juga di sekolah-sekolah Kebangsaan aliran Bahasa Malaysia dalam aliran sains. Seramai 275 orang yang mengambil peperiksaan hanya 21 yang mendapat sijil penuh. Calon terbaik cuma mendapat;

General Paper	F 7
Fizik	P (E)
Kaji hayat	P (E)
Kimia	P (B)
Ilmu Hisab	S (6) ²¹

¹⁹ Tanpa Pengarang, *Laporan Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan 1970*, Bahagian Perancang dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 2

²⁰ *Ibid*, hlm. 2

²¹ Hj. Hamdan bin Sheikh Tahir, *Perkembangan dan Kemajuan Pelajaran di Malaysia*, Dewan Masyarakat, Jilid VII, Bil. 3-15 Mach, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 5

Keputusan ini sangatlah memeranjatkan kerana pada tahun 1968 kerajaan telah mula mengadakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bagi mata pelajaran sains dan ilmu hisab dalam Bahasa Melayu.²²

Seterusnya, kelemahan pelajar Melayu dalam aliran sains juga dapat dilihat dalam keputusan peperiksaan STP di sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah sains yang terdapat pada tahun 1960-an sehingga 1970. Sekolah-sekolah berasrama penuh walaupun ditubuhkan untuk menampung pelajar-pelajar dalam bidang sains, matematik dan teknikal tetapi keputusan peperiksaan STP terutama dalam aliran sains tidaklah menggalakkan. Keadaan ini berlanjutan sehingga tahun 1970. Contohnya Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh. Ini dapat dilihat dalam jadual 1.4 berikut:

Jadual 1.4 : Keputusan Peperiksaan STP Sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh Mengikut Tahun

Tahun	Sastera	Sains
1963	82%	44%
1964	93%	17%
1965	80.6%	14.3%
1966	87%	12%
1967	90%	24%
1968	64%	23%
1969	44%	41%
1970	33%	23%

Sumber: Keputusan peperiksaan STP 1970 (Appendix A: Sek. Tuanku Abdul Rahman, Ipoh) Bahagian Perancang & Penyelidikan Pelajaran, Kuala Lumpur, 1971.

²² *Ibid*, hlm. 5

Pada tahun 1970, Calon yang mengambil peperiksaan dalam bidang sains seramai 42 orang tetapi yang lulus dengan sijil penuh hanya 10 orang sahaja atau 23.8 % dan yang mendapat statement seramai 32 orang atau 76.2 %.²³

1.4 Faktor-faktor Pelajar Melayu Lemah Dalam Subjek Sains

Dari awal negara mencapai kemerdekaan, isu pendidikan menjadi lagenda penting yang berterusan. Perbezaan penerimaan pendidikan di kalangan penduduk adalah antara isu yang sering diperkatakan. Penduduk di luar bandar di dapati lebih sukar menerima sebarang kemajuan dalam pendidikan berbanding yang tinggal di bandar-bandar dan di pinggir bandar. Pembangunan yang lebih tertumpu di bandar menyebabkan lebih banyak sekolah-sekolah dibina dan dilengkapi daripada di luar bandar. Jadi ramai kanak-kanak yang tidak dapat peluang menerima pendidikan apatah lagi pendidikan yang lebih tinggi.

Selain itu, fenomena ketidak-mampuan masyarakat terutama orang Melayu dalam membiayai kos persekolahan menyebabkan ramai pelajar yang keciciran. Keciciran ini termasuklah disebabkan pelajar terpaksa berhenti sekolah dan menolong keluarga berkerja dikampung seperti menoreh getah dan berhuma.²⁴ Keadaan ini berlaku akibat kurangnya kesedaran bahawa pentingnya pelajaran kepada individu, masyarakat dan bangsa Melayu itu sendiri.

²³ Tanpa Pengarang, *Keputusan Peperiksaan STP 1970*, Bahagian Perancang dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran, 1971, Kuala Lumpur.

²⁴ Kamaruddin Abdul Rahman, (ed), *Mengapa Orang Melayu Lemah dalam Sains*, Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 43

Keadaan ini menyebabkan bilangan pelajar Melayu menurun terutama dalam peringkat yang lebih tinggi. Masalah ini lebih rumit lagi apabila bilangan pelajar yang ada pula tidak cenderung dalam aliran sains. Keadaan ini dapat dilihat dalam perbincangan sebelum ini yang menunjukkan prestasi pelajar Melayu sangat lemah dalam subjek sains berbanding bangsa lain. Sehingga akhir 1980-an sekolah aliran Melayu masih belum mampu mengeluarkan bilangan ahli-ahli sains yang secukupnya sejajar dengan jumlah bilangan murid dari aliran Melayu itu.²⁵

Kelemahan pelajar Melayu di dalam subjek sains ini dibincangkan oleh Ahmad Mahdzan Tub dalam Dewan Masyarakat pada keluaran bulan Mei tahun 1969 yang menyatakan punca-punca kelemahan pelajaran Melayu dalam aliran sains. Beliau menyatakan;

“Banyak sebab-sebab yang kita dengar mengapa terjadi begini. Antara lain, orang berpendapat bahawa makmal-makmal dan alat-alat sains amat berkurangan di sekolah kebangsaan; guru-gurunya tidak begitu terlatih dalam erti-kata mereka itu tidak mendapat latihan khusus. Mungkin juga sikap benci kepada sains itu masih menebal dikalangan murid-murid Melayu, sehingga mereka tidak mahu langsung menitik-beratkan pelajaran itu. Sikap yang negatif ini barangkali juga ditanam (dengan tidak sengaja agaknya) oleh guru-guru yang bencikan sains itu sendiri; mereka itu mungkin terpaksa mengajar pelajar itu kerana tidak ada guru lain yang lebih layak mengajarnya.”²⁶

Beliau juga telah membahagikan kelemahan-kelemahan pelajar Melayu dalam memahami dan menjawab soalan bagi subjek sains di dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia kepada beberapa kategori seperti berikut;

²⁵ Ahmad Mahdzan Yub, *Punca-punca Kegagalan Pelajar Aliran Melayu dalam Matapelajaran Sains*, Dewan Masyarakat, Jilid VII, Bil. 5-15 Mei, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, Kuala Lumpur, hlm. 18

²⁶ *Ibid*, hlm. 18

- i. Murid-murid tidak faham betul-betul tujuan dan maksud soalan.
- ii. Murid-murid kurang persediaan untuk menempuh peperiksaan dan jika ada persiapan pula dalam kaedah yang salah.
- iii. Kesalahan mengenai gambarajah kerana murid-murid tidak pernah melatih diri melukis gambarajah.
- iv. Kekeliruan mengenai ejaan nama bahan-bahan kimia dalam Bahasa Melayu.

Selain itu Dato. Sri Dr. Mahathir Mohammad pula ada menyentuh tentang kelemahan pelajar Melayu dalam aliran sains ini ketika beliau menjadi ketua menteri pelajaran pada tahun 1975. Beliau menyatakan kebanyakan pelajar tidak memahami prinsip ilmu sains itu sebaliknya mereka hanya menghafal nota-nota atau jawapan-jawapan tersebut.²⁷

Di samping itu beliau juga mengatakan kelemahan ini berpunca dari tanggapan pelajar Melayu itu sendiri terhadap subjek sains. Pelajar-pelajar seringkali menganggap pelajaran ini susah dan sentiasa melarikan diri daripada subjek ini.²⁸

Seterusnya isu kelemahan pelajar Melayu dalam aliran sains ini juga diperkatakan oleh Kamaruddin Abdul Rahman dalam Dewan Masyarakat, Jun 1968. Beliau menegaskan faktor kelemahan pelajar-pelajar Melayu ini kerana kekurangan guru-guru

²⁷ Harun Derauh dan Shafie Nor, *Cita-cita dan Pencapaian (dalam ucapannya bertajuk 'Kesan Perubahan Sikap Terhadap Pelajaran Sains)*, Berita Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 179.

²⁸ *Ibid*, hlm. 180

berpengalaman atau pengajar-pengajar yang tidak tetap dan kekurangan peralatan mengajar. Penerimaan guru-guru sukarela Amerika (Peace Corps) tidak memuaskan kerana cara mereka mengajar tidak berkesan kepada pelajar-pelajar terutama kepada pelajar yang lemah dalam bidang sains ini. Keadaan ini berlaku kerana guru-guru dari Amerika mempunyai cara mengajar yang amat berlainan dari sistem pengajaran di Malaysia. Pengutamaan diberi kepada bahagian praktik dan teori manakala kebanyakan penuntut pula lebih memahami sekiranya teori-teori dan hipotesis-hipotesis sains itu diterangkan dengan lebih lanjut dahulu barulah diteruskan dengan kerja-kerja amali.²⁹

Kelemahan pelajar Melayu dalam aliran sains dapat dilihat dalam keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran (STP) pada tahun 1960-an seperti di dalam jadual 1.5 di bawah;

Jadual 1.5 : Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Pada Tahun 1963 hingga 1967

TAHUN	PERATUS
1963	43.8
1964	17
1965	14.3
1966	12.5
1967	21

Sumber: Kamaruddin Abdul Rahman, Dewan Masyarakat, Jun 1968

²⁹ Kamaruddin Abdul Rahman, (ed), *Mengapa Orang Melayu Lemah...* hlm. 45-46

Daripada perangkaan di atas menunjukkan bahawa keputusan peperiksaan H.S.C/S.T.P dalam aliran sains yang lulus sijil penuh adalah amat rendah. Peratus kelulusannya memperlihatkan ketidak-stabilan pencapaian di peringkat rendah ini. Situasi ini memberi kesan kepada jumlah pelajar di institusi yang lebih tinggi.

1.5 MARA Dalam Program Pendidikan

Pada tahun 1950, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan sebuah Lembaga Kemajuan Perkampungan dan Perindustrian atau Rural and Industrial Development Authority (RIDA) yang bertujuan membangunkan dan memajukan kawasan luar bandar agar seimbang dengan kemajuan di bandar-bandar.³⁰ Pada tahun 1959 pula kerajaan Tanah Melayu telah mengadakan sebuah kementerian baru iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang diketuai oleh Timbalan Pedana Menteri ketika itu, Abdul Razak b. Hussein.³¹

Penubuhan RIDA dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini pada umumnya dapat membantu dan menggalakkan kemajuan ekonomi negara amnya dan khususnya bagi masyarakat luar bandar terutama kepada orang Melayu dan bumiputera. Penubuhan kedua-dua badan ini adalah atas kesedaran bahawa bangsa Melayu masih ketinggalan dalam bidang ekonomi semenjak negara mencapai kemerdekaan berbanding kaum lain. Oleh itu berbekalkan matlamat untuk memajukan bangsa Melayu, kerajaan berusaha menggalakkan persaingan antara bangsa-bangsa di negara ini terutama kepada bangsa

³⁰ Gilbert Khoo & Dorothy Lo, *Asia dalam Perubahan: Sejarah Tenggara, Selatan dan Timur Asia*, Heinemann Educational Books (ASIA) LTD, Kuala Lumpur, hlm . 275

³¹ Beliau kemudiannya menjadi Pedana Menteri Malaysia ke-3 pada tahun 1970 sehinggalah kematiannya pada 14hb. Januari 1976.

Melayu agar golongan ini bertambah dalam bidang-bidang iktisas seperti doktor, jurutera, arkitek, peguam dan sebagainya.

RIDA kemudiannya ditukarkan kepada MARA atau Majlis Amanah Rakyat pada tahun 1960 dengan matlamat yang lebih jelas untuk memajukan orang-orang Melayu dengan mengadakan aktiviti-aktiviti dalam pelbagai bidang sosial dan ekonomi. Aktiviti-aktiviti ini diletakkan di bawah program-program utama tertentu untuk kemudahan perancangan dan pelaksanaan projek yang berkesan. Ianya disusun mengikut bidang pembangunan yang tertentu dan mempunyai matlamat dan peranan yang khusus tetapi semuanya menuju ke satu haluan yang sama iaitu menggerakkan nadi pembangunan di setiap peringkat dan sektor pendidikan bumiputera. Program yang telah disusun meliputi program usahawan, program pendidikan, program pengangkutan luar bandar dan program perlaburan.³²

Program Latihan & Pendidikan adalah program tertua MARA yang bermula daripada penubuhan Dewan Latihan RIDA. Apabila MARA dibentuk, dewan ini yang beroperasi sejak 1956 telah bertukar kepada Institut Teknologi MARA (ITM) dan bahagian Latihan MARA diwujudkan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti lain dalam bidang latihan. Bahagian ini terus menambahkan aktiviti-aktivitinya sehingga namanya diubah menjadi Bahagian Latihan dan Pendidikan pada tahun 1974. Walau bagaimanapun

³² Tanpa Pengarang, *MARA*, Unit Perhubungan koperat, Ibu Pejabat MARA, (n.d), Kuala Lumpur.

pada tahun 1983, Bahagian Latihan dan Pendidikan MARA ini telah dikenali sebagai Bahagian Pelajaran Menengah MARA.³³

Setelah merdeka, MARA lebih agresif dalam setiap program-programnya kerana menyedari bumiputera mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memperbaiki kedudukan ekonomi mereka. Program pendidikan pula mempunyai ideanya yang tersendiri iaitu ingin menyalurkan para pelajar bumiputera ke dalam bidang pendidikan yang sesuai bagi keperluan negara. Di bawah program pendidikan ini disediakan kurikulum yang sesuai untuk memberi laluan kepada bumiputera dalam mempelbagaikan kemahuan dan membuka peluang perkerjaan yang lebih luas.

Seterusnya Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1968 telah menurunkan cadangan khusus bersabit dengan aktiviti-aktiviti latihan dan pendidikan MARA sebagai satu usaha untuk mencapai keseimbangan dalam ekonomi dan masyarakat negara ini. Tiga aspek asas ditekankan dalam cadangan-cadangan tersebut yang mencakupi:-

- i. Menambahkan bilangan biasiswa dan pinjaman di samping memperbesarkan asas kewangan untuk disalurkan kepada aktiviti latihan dan pendidikan bumiputera.
- ii. Meluaskan lagi rancangan-rancangan latihan kemahiran menerusi sekolah-sekolah latihan kemahiran MARA.

³³ Tanpa Pengarang, Laporan Unit Perancang Koperat, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 5

- iii. Mengadakan sekolah-sekolah kolej rendah dan pra-universiti untuk menyediakan penuntut-penuntut bumiputera memasuki kolej-kolej atau universiti-universiti di dalam dan luar negeri.

Tiga aspek asas ini adalah bukti usaha MARA untuk mencapai matlamat melaksanakan rancangan-rancangan latihan dari peringkat yang serendah-rendahnya hingga ke peringkat yang lebih tinggi secara lengkap dan intensif.³⁴ Oleh itu usaha-usaha telah dijalankan bagi melaksanakan tiga cadangan tersebut dan penekanan dibuat terhadap aspek ketiga.

Sementara itu Bahagian Latihan dan Pendidikan pula terus mengembangkan aktiviti dan MARA telah diakui mempunyai kredibiliti yang tinggi dalam melaksanakan program-program pendidikan. Ini dapat dilihat dalam perkembangan Institut Teknologi MARA (ITM) selepas di ambil-alih oleh MARA daripada RIDA. ITM terus berkembang pesat dengan penambahan kursus-kursus profesional sehingga ianya di asingkan dari MARA dan diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran pada tahun 1975.

Prestasi MARA ini tidak dapat dinafikan kerana sebagai sebuah badan berkanun, MARA berjaya menjalankan aktiviti-aktivitinya terutama dalam Bahagian Latihan dan Pendidikan sehingga pada tahun 1984 setiap program pendidikan MARA telah membentuk bahagian dan struktur organisasi masing-masing. Jadi tidak hairanlah MARA

³⁴ Nor Rohani Mohamed, *MARA dan Pendidikan Menengah: Kajian Ke Atas MRSM Kuantan dari Tahun 1974-1990*, Latihan Ilmiah, UKM, 1991/1992, hlm.10

diberi kepercayaan penuh oleh Kementerian Pelajaran untuk menubuhkan sebuah sekolah yang berorientasikan sains biarpun sekolah-sekolah berasrama penuh telah ada. Walaupun pada awalnya Kementerian Pelajaran tidak bersetuju dengan idea penubuhan sekolah menengah berorientasikan sains di bawah MARA kerana kerajaan sedang menambah sekolah-sekolah sains di Malaysia namun akibat ketegasan MARA dan kemajuan yang ditunjukkan, kerajaan bersetuju dengan gagasan penubuhan MRSM pada tahun 1970.³⁵

1.6 Sejarah Penubuhan MRSM

Pada tahun 1965, Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama telah berlangsung yang membawa beberapa perubahan kerana MARA telah mengambil-alih tugas-tugas latihan yang sebelumnya di bawah kelolaan RIDA. Matlamat MARA antara lainnya adalah untuk membangunkan ekonomi dan sosial masyarakat khususnya di kawasan luar bandar. Seterusnya pada tahun 1968, Kongres Ekonomi Bumiputera yang kedua pula berlangsung yang menurunkan cadangan-cadangan khusus bersabit aktiviti-aktiviti latihan dan pendidikan termasuklah mengadakan sekolah-sekolah kolej rendah dan pra-universiti kepada pelajar bumiputera.

Ekoran daripada Kongres Ekonomi Bumiputera ini, idea bagi penubuhan MRSM semakin rancak dilaksanakan. Pengarah Pendidikan MARA iaitu Encik Wahab Alwi adalah orang yang bertanggungjawab mengemukakan idea penubuhan MRSM pada akhir tahun

³⁵ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*, Bahagian Pelajaran Menengah MARA, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, (n.d) hlm. 4

1960-an. Proposal pertama telah dibuat pada tahun 1968 dengan mengemukakan satu sistem persekolahan berasaskan sistem persekolahan di Amerika Syarikat.

Seterusnya perbincangan di antara beberapa pakar dalam bidang pelajaran dari universiti tempatan, kerajaan Inggeris melalui Rancangan Bantuan Khas (Colombo Plan) dan pakar-pakar dari Amerika Syarikat melalui Rancangan Fullbright telah dilaksanakan. Oleh itu konsep MRSM yang dikehendaki telah dikenalpasti. Seterusnya pada Ogos 1970, Bahagian Ekonomi Kementerian Pelajaran, Perdana Menteri iaitu Yang terhormat Tun Abd Razak dan pihak Inter Agency Planning Group (IAPG) di bawah Unit Perancang Ekonomi dan semua agensi yang berkaitan dengan pelajaran telah dijemput untuk berbincang dan mendapat sokongan.³⁶ Perbincangan ini telah menggariskan projek MRSM ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua dengan objektif menyediakan sistem pendidikan yang selaras dengan kepentingan negara bagi mendapatkan tenaga kerja mahir dalam bidang sains dan teknologi. Projek MRSM ini dijangkakan dapat menyediakan sistem pendidikan sains yang efisien dari peringkat persekolahan menengah. Sesungguhnya penubuhan MRSM ini adalah atas kesedaran bahawa kurangnya penuntut bumiputera dalam bidang sains dan teknologi.

Penubuhan MRSM ini juga sebenarnya adalah lahir daripada desakan dan peranan beberapa tokoh-tokoh negara di badan-badan kerajaan dan swasta. Pelajar-pelajar lepasan Sekolah berasrama penuh, pegawai MARA dan Kementerian Pembangunan Luar

³⁶ Abdul Wahab Alwi, *Penubuhan Maktab Rendah Sains Mara*, (naskah salinan fotostat), BPM, Ibu Pejabat Mara, Kuala Lumpur, (n.d), hlm.1

Bandar pada tahun 1960-an. Golongan ini telah mengadakan pelbagai desakan untuk mengukuhkan pendidikan bumiputera. Tun Abd Razak dan Abd Rahman Yaakub contohnya adalah dua orang tokoh yang banyak berjasa kerana berpengaruh dalam memajukan pelajaran bumiputera. Tun Abdul Razak jika dinilai dalam bidang pelajaran telah terukir sebagai pelopor dan penggerak yang gigih kerana dasar dan tindakan yang dijalankan.

Pada 9hb. Ogos 1955, beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran Tanah Melayu dan beliau cuba menyeragamkan sekolah-sekolah di Tanah Melayu. Tugasnya ini begitu mencabar kerana terdapat banyak jenis sekolah tetapi tidak ada satu pun dasar pelajaran.³⁷ Oleh itu beliau berusaha meninjau keperluan dan aspirasi rakyat daripada berbagai kaum dalam negeri ini dan membentuk satu dasar pelajaran yang dapat diterima oleh semua.

Pada 31hb. Ogos 1957, Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Timbalan Pedana Menteri. Beliau telah menyedari tentang ketidak-seimbangan ekonomi dan keadaan taraf hidup masyarakat luar bandar yang jauh ketinggalan di belakang. Justeru itu beliau telah merangka satu rancangan pembangunan yang kemudiannya diterima oleh kabinet. Lanjutan daripada itu, pada tahun 1959 sebuah kementerian baru ditubuhkan iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai menterinya. Beliau gigih menjalankan tugas pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar sehingga digelar sebagai 'tokoh pelaksana yang gigih'. Pembangunan luar bandar Tun

³⁷ J. Victor Morais, (ed.), *Tun Razak: Strategy for Action*, Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 198.

Abdul Razak inilah yang berkait rapat dengan penubuhan MRSM. Beliau telah menyokong penubuhan MRSM sehingga wujudnya MRSM pertama di Seremban pada 1972.³⁸

Penubuhan MRSM ini merupakan satu daripada usaha-usaha pelaksanaan objektif MARA dalam bidang Latihan dan Pendidikan seperti yang terkandung dalam Akta Majlis Amanah Rakyat Bil. 20, Tahun 1966. Maktab ini di rancang untuk memberi kemudahan pelajaran diperingkat menengah kepada pelajar-pelajar yang tinggi kecerdasan otaknya dan menitik-beratkan mata pelajaran matematik dan sains dari awal lagi. Ini bermakna MRSM adalah kolej pertama bagi orang Melayu di bawah pengawasan MARA sepenuhnya dan dipercayai oleh pribumi. Ia juga merupakan salah satu institusi yang ditugaskan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bermula daripada pendidikan menengah yang menawarkan subjek berorientasikan sains kepada orang Melayu atau bumiputera.

Pada awal perbincangan penubuhan MRSM, persetujuan telah dibuat untuk menubuhkan sekurang-kurangnya tiga buah MRSM. Oleh itu dalam Rancangan Malaysia kedua telah menggariskan peruntukan perbelanjaan untuk pembinaan satu sistem persekolahan berorientasikan sains di bawah pengurusan MARA. Justeru itu sehingga tahun 1970, beberapa projek pembukaan MRSM telah dikenalpasti iaitu di Seremban, Johor Bharu, Kota Bharu, Kuala Lumpur dan negeri-negeri di utara Malaysia barat.

³⁸ Ab. Alim Abdullah, *Tun Razak : Peranan Tun Razak dalam Pembangunan Luar Bandar*, Latihan Ilmiah, UKM, 1981/1982, hlm. 55

Peringkat awal ini, kerajaan bersama MARA perlu berhati-hati dan menghadkan peruntukan kerana projek ini masih dalam percubaan. Walau bagaimanapun sehingga 1972 pembukaan MRSM Seremban telah berjaya dilaksanakan. Maktab baru ini terpaksa menggunakan bangunan yang sedia ada bersama-sama bangunan baru di Lorong Green yang kini bergelar Jalan Aminuddin Baki, Seremban. Bangunan ini kemudiannya diubahsuai agar bersesuaian dengan pembelajaran yang mementingkan sains. Seterusnya pengambilan penuntut dibuat untuk pengajian menengah rendah (tingkatan satu hingga tiga) pada tahun 1973 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 7.3 juta sahaja. Peruntukkan ini termasuk dalam jumlah perbelanjaan dalam Peruntukan bagi Pelajaran dan Latihan 1971-1975 (dalam Rancangan Malaysia kedua) yang memberikan RM 370.11 juta kepada Kementerian Pelajaran dan dari jumlah itu RM 43.2 juta khas untuk MARA.

1.7 Faktor dan Objektif Penubuhan MRSM

Datuk Sulaiman Daud telah mendefinisikan MRSM sebagai;

“MRSM adalah projek sekolah menengah yang menyediakan pelajar yang telah menghabiskan enam tahun pertama persekolahan di sekolah rendah... ia adalah usaha untuk menyediakan kemudahan latihan yang memadai dan peluang untuk pelajar-pelajar Melayu. Selain daripada merupakan satu keistimewaan yang diberikan kepada pelajar miskin dan luar bandar MRSM juga memberi penekanan khas bagi mata pelajaran sains, matematik, teknikal dan mata pelajaran lain yang berkaitan.”³⁹

Pada umumnya terdapat beberapa faktor langsung yang menyebabkan rancangan pendidikan di peringkat menengah ini dilaksanakan di bawah pengawasan MARA. Datuk

³⁹ Zoraini Wati M. Abas, *MRSM, Curricula (other): A theoretical Model of a Computer Literacy Curriculum and in Service Teacher Education Program for MARA Junior (MRSM) in Asia*, Latihan Ilmiah, 1985, hlm. 130

Sulaiman Daud telah memberikan tujuh faktor yang boleh digabungkan menjadi:-

- i. Kukurangan anak-anak bumiputera dalam bidang sains dan teknikal di kelas-kelas tingkatan enam, sekolah kerajaan atau berasrama penuh dan institusi pengajian tinggi.
- ii. Kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam subjek sains dan matematik sedangkan subjek ini penting di dalam peperiksaan SPM
- iii. Kurangnya wakil orang Melayu dalam bidang iktisas.
- iv. Memberi peluang dan kemudahan kepada pelajar Melayu di kawasan luar bandar yang berkelayakan mendalami ilmu sains dan matematik.

Jadi pada asasnya MRSM didirikan untuk memberi kemudahan pelajaran diperingkat menengah dan pra-universiti dalam bidang sains kepada pelajar bumiputera terutama dari kawasan luar bandar. Rancangan ini dilaksanakan berasaskan tanggapan bahawa pelajar bumiputera perlu diberi pendedahan secara lebih awal dalam bidang sains agar mereka mempunyai keyakinan yang lebih untuk menceburkan diri di dalam perkerjaan yang berasaskan sains dan teknologi.

Oleh itu kewujudan MRSM ini diharapkan akan dapat memupuk perkembangan mentaliti dan sahsiah pelajar seterusnya dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang kritis, kreatif, terbuka, sihat, luas dan mendalam di samping mempunyai semangat patriotik dan nasionalisme yang tinggi.

Di samping itu daripada falsafah pendidikan MRSM juga dapat dilihat tujuan penubuhannya iaitu,

‘untuk mengeluarkan individu dinamik yang bebas dalam pemikirannya dan bertanggungjawab dalam tindakannya’

Justeru itu, MRSM menekankan aspek kecemerlangan akademi kesempurnaan sahsiah dan kecekapan keusahawanan bagi memenuhi tujuan dan falsafah pendidikan MRSM itu sendiri.

1.8 Kesimpulan

Umumnya perubahan masa membawa kepada pelbagai perubahan suasana dan tingkahlaku manusia. Fenomena ini diakui oleh semua orang seperti pepatah Melayu mengatakan sekali air bah sekali pantai berubah. Isu pendidikan di tanahair juga mengalami nasib yang serupa. Walau bagaimanapun perubahan yang positif telah diperolehi daripada fenomena ini. Kerajaan dan pihak MARA telah mencipta sejarah pendidikan di rantau ini dengan usaha-usaha mengembalikan kedudukan bangsa Melayu yang ketinggalan dalam arus ekonomi dan sosial terutama dalam bidang pendidikan. Justeru itu penubuhan MRSM adalah bukti usaha-usaha MARA dengan persetujuan kerajaan mengikut keperluan rakyat negara ini. MRSM dijangka akan dapat meningkatkan jumlah pelajar Melayu dalam aliran sains segandingan dengan kaum lain di Malaysia. Seterusnya membawa perubahan kepada jumlah pelajar bilangan golongan iktisas Melayu di tanahair sendiri.

BAB DUA

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MRSM

2.1 Pengenalan

Bab dua ini akan membincangkan sejarah penubuhan MRSM pertama di negara ini dan kejayaannya memberi jaminan untuk penubuhan MRSM selanjutnya. MRSM Seremban adalah institusi di bawah MARA yang pertama telah membuah hasil dengan pengaplikasian subjek sains khas untuk pelajar Melayu. Perbincangan juga mencakupi aspek-aspek pengambilan pelajar MRSM dan penjawatan tenaga pengajar. Bab ini juga akan meninjau perkembangan MRSM seterusnya dengan melihat pada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada MARA untuk penubuhan dan pertambahan MRSM seterusnya.

2.2 Penubuhan MRSM Pertama

Fenomena-fenomena bersejarah pada tahun 1960-an seperti kekurangan pelajar Melayu dalam aliran sains, ketandusan bumiputera dalam bidang-bidang profesional serta desakan tokoh-tokoh intelek Melayu yang peka tentang masalah Melayu dalam kemajuan pendidikan menyebabkan idea penubuhan sebuah institusi di bawah MARA segera dilaksanakan.

Mengimbas kembali sejarah penubuhan MRSM pertama pada tahun 1972 sehingga pada tahun 1997 terdapat 23 buah MRSM yang telah ditubuhkan. MRSM adalah hasil dari usaha melaksanakan objektif MARA dalam bidang latihan dan pendidikan. Gagasan

penubuhan MRSM telah bermula dari bahagian Latihan MARA sejak tahun 1968. Oleh itu pada tahun 1970, kerajaan telah memberi persetujuan untuk menubuhkan MRSM.¹ Selaras dengan matlamat dan keperluan negara, penubuhan MRSM ini diharapkan dapat melengkapkan lagi kemudahan persekolahan berasrama penuh di negara ini.²

Justeru itu bermula tahun 1971, kerja-kerja pembinaan MRSM yang pertama telah dijalankan di Lorong Green yang kini dikenali sebagai Jalan Aminuddin Baki, Seremban Negeri Sembilan. Pada tahun 1972, MRSM Seremban ini telah berjaya menempatkan seramai 150 orang pelajar yang dipilih melalui cara pemilihan yang telah direncanakankan. Pengambilan kumpulan pelajar pertama di MRSM Seremban ini berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Pemilihan. Di bawah jawatankuasa pemilihan inilah bagi setiap tahun berikutnya pengambilan pelajar telah dibuat. Ia dipengerusikan oleh Pengarah Latihan Pendidikan MARA. Tugas jawatankuasa ini mencakupi perancangan dan pelaksanaan program pengambilan dan penempatan pelajar-pelajar MRSM.

Pengambilan pertama pelajar MRSM Seremban ini bagi memenuhi murid-murid tingkatan satu dan ini bermakna MRSM Seremban menyediakan pelajaran bagi peringkat menengah rendah di awal penubuhannya. Rancangan ini dilaksanakan berasaskan tanggapan bahawa pelajar bumiputera yang berkebolehan dalam bidang sains dan teknologi perlu diberi pendedahan lebih awal kepada bidang-bidang tersebut supaya mereka

¹ Tanpa Pengarang, *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1994/1995, hlm. 7

² *Ibid*, hlm. 11

mempunyai keyakinan yang lebih untuk menceburkan diri di dalam perkerjaan yang berasaskan sains dan teknologi.³

Pengambilan pelajar ini dibuat selepas pelajar telah lulus dengan kelayakan yang dikehendaki di dalam peperiksaan penilaian darjah lima. Pelajar yang layak memohon haruslah lulus sekurang-kurangnya mendapat 2A 2B 1C dengan pangkat B dalam mata pelajaran sains dan matematik. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang mendapat 5A dan 4A 1B dari kawasan luar bandar.⁴ Tumpuan diberikan kepada pelajar-pelajar dari luar bandar untuk menduduki MRSM pertama ini memandangkan objektif asas penubuhan MRSM ini antara lainnya untuk menambahkan bilangan pelajar-pelajar bumiputera terlatih terutama dari luar bandar bagi mengikuti pelajaran tinggi yang mirip kepada sains dan teknologi khusus untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian dan perdagangan.⁵

MRSM Seremban ini dibina dengan keadaan kekurangan serba terutama kemudahan persekolahan. Maktab ini cuma menggunakan bangunan yang sedia ada yang kemudiannya diubahsuai untuk dijadikan sebuah maktab yang sesuai dengan pembelajaran yang mementingkan sains.⁶

³ Tanpa Pengarang, *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1986/1987, hlm. 4

⁴ Syarat pengambilan pelajar ke tingkatan satu MRSM bergantung kepada kuota pelajar di sesuatu kawasan. Syarat kemasukan umumnya adalah wajib lulus 5A, 4A 1B, 3A 2B atau 2A 2B 1C. Walau bagaimanapun pelajar dari luar bandar sering diberi kelonggaran dengan mengambil-kira aspek lain dalam syarat kelayakan masuk ini.

⁵ Tanpa Pengarang, *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP: Sekolah Menengah Sains dan Kelas Rancangan Khas*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 83

⁶ Temubual dengan Encik Ruzlan bin Haji Abd Malek, Ketua Setiausaha Majlis MARA, Di Unit Urusetia Majlis MARA, Kuala Lumpur pada 17hb. Julai 1997

Sementara itu, jumlah tenaga pengajar juga kecil yang cuma sepuluh orang sahaja telah dipilih. Walau bagaimanapun kesemua tenaga pengajar tersebut adalah berkelulusan ijazah. Jadi purata bagi seorang guru dan murid ialah 1 : 15 . Ini bermakna seorang guru bertanggungjawab terhadap 15 orang pelajar. Langkah ini adalah strategi awal MRSM dalam membentuk dan mengawasi pelajar MRSM agar lebih berkualiti dari aspek akademik dan sahsiah.

Dalam Rancangan Malaysia kedua, kerajaan telah memperuntukkan RM 370.11 juta kepada Kementerian Pelajaran dan sebanyak RM 42.2 juta dikhaskan untuk MARA bagi menjalankan aktiviti-aktivitinya. Oleh itu agihan telah dibuat oleh MARA ke setiap bahagian termasuklah kepada Bahagian Pelajaran Menengah (BPM) MARA. Justeru itu, sebanyak RM 7.3 juta telah diperolehi untuk penubuhan dan pelaksanaan MRSM pertama di Seremban ini.⁷

Dari aspek kurikulum, MRSM Seremban dari awal lagi telah membuat penekanan terhadap subjek sains dan matematik. Matlamat kurikulum MRSM ialah untuk mencapai kecemerlangan akademik, keseimbangan sahsiah, kecenderungan keusahawanan dan kecergasan fizikal; untuk mewujudkan pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang kritis,

⁷ Di dalam Rancangan Malaysia ke-2, di bawah Rancangan Pelajaran yang lain ceraihan 765 mengatakan peruntukan telah dibuat untuk membolehkan MARA menubuhkan sebuah Maktab Rendah bagi mengadakan pelajaran menengah atas dan tingkatan 6 supaya masalah yang dihadapi oleh institusi-institusi pengajian yang lain, termasuk ITM, dalam mendapatkan calon-calon Melayu yang berkecayaan boleh diatasi.

kreatif, terbuka, sihat, luas dan mendalam; serta mempunyai semangat patriotik dan nasionalisme yang tinggi.⁸

Pembentukan kurikulum dalam MRSM ini menekankan kecemerlangan kepada pelajar-pelajar yang dipilihnya. Oleh itu usaha -usaha telah dilaksanakan bagi melahirkan pelajar bumiputera yang sempurna dan berketrampilan serta dapat berkhidmat kepada diri-sendiri, masyarakat, agama, bangsa dan negara.⁹

Percubaan terhadap MRSM pertama ini tidak sia-sia sekiranya dilihat daripada keputusan peperiksaan LCE dan MCE bagi kumpulan pertama pelajar MRSM Seremban ini. Bagi peperiksaan LCE seramai 150 orang pelajar tingkatan satu telah diambil pada tahun 1972 tetapi hanya 148 orang sahaja yang menduduki peperiksaan tersebut pada tahun 1974 dengan mendapat kelulusan 100% pangkat A. Ini bermakna dua orang pelajar MRSM telah kecikiran dalam meneruskan pelajaran hingga ke tingkatan tiga di MRSM Seremban. Walau bagaimanapun pada tahun-tahun selepasnya sehingga tahun 1977, MARA telah memastikan tiada lagi kecikiran pelajar lagi berlaku di MRSM.

Seterusnya bagi peperiksaan MCE / SPM pelajar-pelajar ini sekali lagi memperlihatkan prestasi akademik yang membanggakan selaras dengan imej pelajar perintis MRSM. Ini berikutan pada tahun 1976, semua calon MCE telah berjaya lulus dan

⁸ Tanpa Pengarang, Bahagian Pelajaran Menengah Mara, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm.1

⁹ Abdul Razak Din, MRSM : Sejarah Penubuhan, *Utusan Malaysia*, 4hb. Ogos 1997, hlm. 39

memperolehi keputusan peperiksaan gred satu yang memuaskan. Seramai 148 calon yang menduduki peperiksaan SPM/MCE, 109 daripadanya telah lulus dengan gred satu atau sebanyak 73.6 %. 30 orang lulus gred dua atau 20.3 % dan hanya sembilan orang atau 6.1 % telah mendapat gred tiga.¹⁰ Kejayaan ini telah menggalakkan lagi penubuhan MRSM yang lain untuk membina empayar pendidikan kepada pelajar Melayu menjelang era pemodenan negara yang lebih mencabar.

2.3 Penubuhan MRSM Lain Di Seluruh Negara.

Setelah MRSM Seremban terbukti berjaya melaksanakan objektif dan matlamat penubuhannya dengan cemerlang, kerajaan dan MARA bergabung dalam membina MRSM-MRSM lain seperti yang telah dirancangan. Oleh itu pada tahun 1973 MRSM Kota Bharu telah ditubuhkan dengan pengambilan kumpulan pelajar pertama bagi Persekolahan Menengah Rendah. Ia diikuti pula oleh MRSM Kuantan pada tahun 1974.

Kejayaan menubuhkan tiga MRSM pada pertengahan tahun 1970-an ini memberi jaminan untuk penubuhan MRSM lain. Ini dapat dilihat dalam jadual satu. Dilihat daripada jadual tersebut sehingga tahun 1978, terdapat empat buah MRSM yang berjaya dibina. Keempat-empat buah MRSM ini menawarkan sistem persekolahan Menengah Rendah. Ini bermakna penekanan terhadap objektif penubuhan MRSM yang kedua iaitu untuk mendedahkan pelajar-pelajar dari awal lagi kepada pelajaran yang memberatkan mata pelajaran sains bagi membolehkan mereka menikmati keselesaan, kemudahan dan

¹⁰ *Ibid*

kebebasan intelek selaras pelajaran mereka, khususnya dalam bidang sains telah dilaksanakan. Oleh itu sistem pendidikan MRSM dari tahun ke tahun semenjak tahun 1970-an sehingga kini sentiasa diperbaharui dan dimajukan.

Pada tahun 1980-an, kerajaan bersama MARA memepergiatkan lagi aktiviti pendidikan negara dengan menubuhkan lebih banyak lagi MRSM di seluruh negara. Cita-cita MARA adalah untuk membina sekurang-kurang sebuah MRSM disetiap negeri agar keseimbangan pengambilan pelajar dapat dibuat. Oleh itu bermula tahun 1980 MRSM Muar telah dibina diikuti pula oleh MRSM Jasin pada tahun berikutnya. Pada tahun 1982, dua buah MRSM lagi telah dibina iaitu MRSM Taiping dan MRSM Balik Pulau. Sementara itu pada tahun berikutnya (1983) MRSM Terendak pula dibina atas usahasama MARA dengan Angkatan Tentera Diraja Malaysia dan pada tahun 1985, MRSM Beseri pula telah ditubuhkan. Kepesatan penambahan jumlah MRSM di seluruh negara semakin ketara apabila ekonomi negara semakin pulih di akhir tahun 1980-an apabila tiga buah MRSM telah ditubuhkan pada tahun 1987 iaitu MRSM Kerteh/Kuala Berang, MRSM Kuala Klawang dan MRSM Pasir Tumbuh. Dalam era 1990-an pula menyaksikan pertambahan sebanyak lapan buah MRSM lagi iaitu MRSM banting yang kini menjadi kolej MARA Banting, MRSM Gerik, MRSM Kuching, Serting, Kolej MARA Kuala Nerang, MRYT-MARA Dungun, MRYT-MARA Besut dan MRSM Muadzam Shah.

Pada umumnya, bilangan MRSM yang wujud kini membuktikan kesungguhan kerajaan dan usaha MARA dalam memajukan bangsa Melayu melalui sistem

pendidikannya. Bilangan MRSM yang telah ditubuhkan terdapat di dalam jadual 2.1 di bawah ini;

JADUAL 2.1 : Penubuhan MRSM

BIL	NAMA	TAHUN
1.	MRSM/kolej MARA Seremban	1972
2.	MRSM Pengkalan Chepa	1973
3.	MRSM Kuantan	1974
4.	MRSM/Kolej MARA Kulim	1977
5.	MRSM Kuala Terengganu	1978
6.	MRSM Muar	1980
7.	MRSM Jasin	1981
8.	MRSM Taiping	1982
9.	MRSM Balik Pulau	1982
10.	MRSM Terendak	1983
11.	MRSM Beseri	1985
12.	MRSM Kerteh / Kuala Berang	1987
13.	MRSM Kuala Klawang	1987
14.	MRSM Pasir Tumbuh	1987
15.	MRSM PDRM Kulim	1991
16.	MRSM / kolej MARA Banting	1992
17.	MRSM Gerik	1993
18.	MRSM Kuching	1993
19.	MRSM Serting	1993
20.	Kolej MARA Kuala Nerang	1994
21.	MRYT-MARA Dungun	1995
22.	MRYT-MARA Besut	1995
23.	MRSM Muadzam Shah	1995

Sumber : Utusan Malaysia, 4 Ogos 1997.

2.4 Pelaksanaan MRSM

Penambahan MRSM diseluruh negara adalah selaras dengan peningkatan pelajar MRSM yang diambil setiap tahun. Semenjak tahun 1972, pengambilan pelajar terus dilakukan pada tiap-tiap awal tahun. Pengambilan kumpulan pelajar pertama bermula hanya seramai 150 orang sahaja bertujuan mengisi kekosongan di MRSM Seremban dan telah meningkat dari setahun ke setahun. Sepanjang tahun 1972 hingga 1985 terdapat 12 446 orang pelajar MRSM dan dari jumlah itu 5 430 orang telah berjaya menamatkan pengajian di seluruh MRSM. Pada tahun 1990 dengan jumlah 14 buah MRSM sebanyak 2 249 orang pelajar telah diambil. Sehingga tahun 1995, sebanyak 4 302 orang telah diterima masuk di semua MRSM dan pada tahun 1997 pelajar MRSM yang telah mendaftar berjumlah 11 927 orang. Secara kasarnya MRSM telah mengambil pelajar yang ramai setiap tahun dan semenjak ditubuhkan seramai 39 078 orang telah menamatkan pengajian.¹¹

Pelajar-pelajar yang layak memohon adalah yang terdiri daripada warganegara Malaysia yang sedang belajar di dalam darjah enam di sekolah rendah dan telah mencapai kelayakan yang dikehendaki di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Kelayakan minima untuk memohon telah ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan yang biasanya bergantung kepada pencapaian keseluruhan pelajar-pelajar yang telah mendudukinya. Ia juga bergantung kepada kuota di setiap negeri dan tumpuan lebih kepada pengambilan pelajar dari kawasan luar bandar. Jawatan kuasa pemilihan dipengerusikan oleh Pengarah

¹¹ Tanpa Pengarang, Unit Perancang MARA, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

Latihan dan Pendidikan MARA. Jawatan kuasa ini dipertanggungjawabkan bagi merancang dan melaksanakan program pengambilan dan penempatan pelajar-pelajar MRSM.¹²

Pada amnya cara pengambilan pelajar dibuat sentiasa berubah setiap tahun berdasarkan kepada keputusan Jemaah Jawatan kuasa Pemilih. Walau bagaimanapun pada asasnya faktor-faktor seperti berikut sering dipertimbangkan iaitu ujian penilaian darjah lima, ujian bertulis MARA dan latar belakang keluarga. Namun pada tahun 1981, kelainan telah dibuat dimana Ujian Pemilihan mewakili peratusan pemilihan terbesar iaitu 75 % dan latar belakang keluarga dan ekonomi mewakili 25 %. Kriteria ini membuktikan perubahan-perubahan sering dilakukan dalam aspek pemilihan pelajar ke MRSM. Perubahan pemilihan pelajar ini sebenarnya disesuaikan dengan objektif Rancangan Pengembangan dan Dasar Ekonomi Baru.¹³

Dalam proses pemilihan pelajar ini, pemohon-pemohon dikehendaki mengambil satu 'ujian pemilihan' yang menyerupai Aptitude test. Dalam ujian ini pelajar diberikan soalan-soalan yang menguji kecerdasan otak pelajar-pelajar dari segi minat dan kecenderungan dan berkehendakkan daya pemikiran pelajar yang kreatif. Ujian pemilihan ini diharapkan akan menghasilkan calon yang benar-benar layak. Seterusnya sistem mata digunakan untuk menilai kedudukan sosio-ekonomi keluarga pemohon. Cara pemilihan

¹² Tanpa Pengarang, *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP...*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 90

¹³ *Ibid*, hlm. 90

sebegini adalah mengikut jumlah pendapatan sebulan gaji ibubapa / penjaga pelajar dan jumlah bilangan tanggungjawab mereka.¹⁴

Penyelarasan dalam pengambilan calon juga telah dibuat setiap tahun berasaskan kriteria-kriteria tertentu. Keutamaan diberikan kepada calon-calon dari luar bandar yang mempunyai kebolehan telah diperketatkan dimana calon-calon yang berkebolehan dipilih daripada sekolah-sekolah kawasan luar bandar dan sekolah-sekolah yang serba kekurangan tetapi berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah.¹⁵

Di samping itu, pihak MARA Bahagian Pelajaran Menengah (BPM) juga telah membuat satu penyelarasan yang berterusan melalui kerjasama dengan pihak Tentera Diraja Malaysia pada tahun 1983 untuk pengambilan pelajar-pelajar dari kalangan anak-anak tentera yang mempunyai prestasi dan kelayakan yang memuaskan khusus untuk MRSM Terendak, Melaka.

Pengambilan pelajar berdasarkan konsep kerjasama ini diteruskan lagi dan apabila termeterainya perjanjian antara MARA dengan Angkatan Polis Diraja Malaysia pada tahun 1991 dan wujudlah MRSM PDRM, Kulim. Pelajar-pelajar yang terpilih kebanyakannya dari kalangan anak-anak anggota polis di negara ini.

¹⁴ *Ibid*, hlm. 91

¹⁵ *Ibid*, hlm. 91

Seterusnya penyelarasan pengambilan pelajar juga dibuat melalui kerjasama dengan Yayasan Terengganu pada tahun 1995 yang menghasilkan Maktab Rendah Yayasan Terengganu - MARA di Dungun dan Besut. Pengambilan pelajar bagi maktab ini hanya kepada calon yang lahir di negeri Terengganu dan diberi keistimewaan oleh MARA cawangan Negeri Terengganu.

Selain daripada syarat pengambilan, polisi pengambilan pelajar juga berubah dari tahun ke tahun. Pada peringkat awal penubuhan MRSM, pengambilan pelajar bermula dari tingkatan satu sahaja. Namun polisi ini berubah apabila MARA juga menerima kemasukan pelajar bagi tingkatan empat. Walau bagaimanapun kemasukan pelajar tingkatan empat ketika itu dibuat secara tidak rasmi. Ianya bergantung kepada kekosongan yang ada di maktab. Pelajar yang diterima masuk ke MRSM dalam polisi ini terdiri daripada pelajar sekolah menengah harian yang telah lulus cemerlang dalam peperiksaan SRP. Keadaan ini dapat dilihat seramai lima orang pelajar yang telah lulus SRP 1977 di sekolah harian dengan cemerlang di terima masuk ke MRSM dan pada tahun 1978 hingga 1979 pula, seramai 13 orang pelajar dari sekolah menengah bantuan yang lulus cemerlang dalam peperiksaan SRP telah diterima masuk ke MRSM. Pada tahun 1984, pengambilan pelajar bagi tingkatan empat mula dibuat secara rasmi. Ianya bermula dengan 150 orang pelajar dari sekolah menengah harian yang lulus cemerlang dalam peperiksaan SRP ke tingkatan empat MRSM Seremban. Akhirnya pada tahun 1989, MRSM telah mengubah keseluruhan polisi pengambilan pelajar iaitu cuma mengambil pelajar bagi tingkatan empat sahaja. Ini bermakna pengambilan pelajar bagi tingkatan satu di MRSM telah dihentikan.

Penyelarasan ini dibuat oleh MARA dengan objektif menambah pengeluaran pelajar berkualiti di tahap SPM dalam masa yang singkat.¹⁶

Kemasukan pelajar ke tingkatan empat ini terbuka kepada pelajar-pelajar bumiputera dari sekolah kerajaan yang memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan SRP. Ia juga terbuka kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga dari mini-mini MRSM yang telah mencapai keputusan yang memuaskan berdasarkan Timbunan Purata markah Keseluruhan. Iklan dibuat untuk kemasukan pelajar sesi ini dan syarat kemasukannya ialah bumiputera yang memenuhi syarat akademik seperti yang diiklankan. Pemohon-pemohon boleh mendapatkan borang permohonan di pejabat MARA Negeri atau daerah dan di semua MRSM.

Oleh itu, pengambilan pelajar yang telah dilakukan ini menunjukkan ada perubahan di dalam sistem pendidikan di MRSM. Sehingga tahun 1996 terdapat empat jenis program yang telah dilaksanakan iaitu satu hingga tiga, empat hingga lima, satu hingga lima dan pra-universiti. Program ini dijalankan di lokasi MRSM yang tertentu. Lokasi MRSM mengikut jenis programnya dapat dilihat dalam jadual 2.2 di sebelah;

¹⁶ Laporan Tahunan MARA, Ibu pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1989, hlm.6

JADUAL 2.2 : Program MRSM mengikut lokasi.

PROGRAM	LOKASI
1-3	MRSM Pasir Tumbuh MRSM Pasir Tumbuh MRSM Gerik MRSM Muadzam Shah MRYT - MARA Dungun
4 - 5	MRSM Pengkalan Chepa MRSM Kuantan MRSM Kuala Terengganu MRSM Muar MRSM Jasin MRSM Taiping MRSM Balik Pulau MRSM Baseri MRSM Kuala Berang MRSM Serting
1 -5	MRSM Kem Terendak MRSM- PDRM Kulim MRSM Kuching MRSM Besut
Pra-universiti	Kolej MARA Seremban Kolej MARA Kulim Kolej MARA Banting Kolej MARA Kuala Nerang

Sumber : Bahagian Pelajaran Menengah, MARA

Berdasarkan jadual ini didapati lima buah MRSM bagi program tingkatan 1-3, sepuluh buah bagi 4-5, empat buah bagi tingkatan 1-5 dan empat buah bagi program pra-universiti. Jadual ini bagi sebenarnya mewakili program yang telah dijalankan sehingga sesi 1996 / 1997 dan mungkin berlaku perubahan atau pertambahan bilangan MRSM lagi.

2.5 Pengambilan Tenaga Pengajar Dan Peranannya

Pada awal penubuhan MRSM, seramai sepuluh orang guru telah dilantik untuk ditempatkan di MRSM Seremban. Pada ketika itu, negara sedang menghadapi masalah kekurangan guru terutama bagi pelajaran sains dan matematik. Masalah ini adalah cabaran utama MARA dalam memberi pendidikan yang sempurna kepada pelajar-pelajarnya. Walau bagaimanapun MARA telah mempergiatkan usaha menambah bilangan tenaga pengajar ini dari semasa ke semasa. Oleh itu selepas lima tahun penubuhan MRSM Seremban (1976), jumlah sepuluh orang ini telah meningkat kepada 67 orang manakala jumlah guru yang berkhidmat di seluruh MRSM pada tahun 1976 berjumlah 146 orang.¹⁷

Pada tahun 1980 pula sebanyak enam buah MRSM telah beroperasi dan ini bermakna pengambilan pelajar juga semakin bertambah. Oleh itu jumlah guru juga bertambah iaitu seramai 252 orang.¹⁸ Sehingga tahun 1985 dengan sebelas buah MRSM memerlukan lebih ramai tenaga pengajar. Selaras itu pertambahan guru-guru terus berlaku

¹⁷ Tanpa Pengarang, *Bilangan Guru-guru MRSM dari tahun 1972*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

¹⁸ *Ibid*

kepada 679 orang dan pada tahun 1990 meningkat kepada 808 orang.¹⁹ Kini sehingga tahun 1997 pula bilangan tenaga pengajarnya telah meningkat kepada 1145 orang.²⁰

Tenaga pengajar yang ditempatkan di seluruh MRSM terdiri daripada guru-guru siswazah sama ada daripada universiti tempatan dan luar negeri. Guru-guru dilantik oleh pihak MARA sendiri yang mengutamakan pemegang biasiswa MARA dalam fakulti pendidikan. Ini bermakna tidak ada guru-guru yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan. MARA juga menaja pelajar ke luar negara dalam teaching subject. Kumpulan tajaan MARA ini tergolong dalam 'Program Tindakan Guru'. Kini guru-guru dalam program tindakan ini hanya bagi kursus Bahasa Inggeris sahaja.²¹ Selain itu sebuah anak syarikat MARA iaitu Syarikat Teras Budi Sdn Bhd juga merupakan agensi yang berperanan memilih dan melantik maktab seperti guru dan kakitangan am maktab.²² Walau bagaimanapun semua tenaga pengajar di MRSM dari golongan gred DG3. Namun MARA sentiasa memberi dorongan dan peluang kepada guru-guru di MRSM untuk memajukan sistem pendidikan di MRSM.

Pada tahun 1970-an masalah kekurangan guru di negara ini juga memberi impak kepada perkembangan dan pelaksanaan MRSM. Oleh itu MARA bercadang mengadakan program latihan perguruan. Pembinaan pusat Latihan Guru MARA ini pada awalnya ingin

¹⁹ Jumlah MRSM masih sama iaitu sebanyak 11 buah sahaja

²⁰ Tanpa pengarang, Bilangan guru-guru MRSM...

²¹ Temubual bersama Tuan Haji Ghazali bin Manaf pada 3.10.1997 di pejabat beliau di Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

²² Syarikat ini pada asasnya terlibat secara langsung dalam pentadbiran MRSM kecuali dari aspek pengurusan kurikulum yang diletakkan di bawah Bahagian Pelajaran Menengah, MARA.

ditubuhkan di Pulau Langkawi. Pusat guru pelatih ini memainkan peranan penting kerana latihan diberikan kepada guru-guru institusi pendidikan MARA yang sedia ada dan yang akan dirancang untuk masa depan. Oleh itu MARA telah memberi peruntukan yang besar dalam Rancangan Malaysia ke-5 iaitu sebanyak RM 5.2 juta dengan seramai 7 200 guru telah menamatkan latihan. Walau bagaimanapun pusat latihan ini tidak dapat diteruskan kerana MARA ingin memberi tumpuan kepada program Guru Tindakan sahaja dan pusat latihan guru tersebut telah ditukarkan kepada MRSM baru.²³

Pusat Latihan Guru ini menjadi pembekal kepada guru-guru untuk MRSM. Guru-guru pelatih ini diberikan biasiswa mengikut kadar biasa dengan diikat perjanjian selama tiga tahun dan dikecualikan dari pembayaran balik sebanyak 25% dari jumlah biasiswa yang diterima. Walau bagaimanapun akibat beberapa masalah seperti skim gaji yang kurang menarik dan guru-guru pelatih yang sedang mengikut kursus kerap meminta perlepasan kontrak untuk membolehkan mereka dibiayai oleh pihak universiti menyebabkan MARA tidak mempunyai guru yang cukup. Oleh itu Rancangan Latihan Guru-guru Pelatih MRSM di ubahsuai dan guru-guru ini akan diikat perjanjian untuk berkhidmat dengan MRSM selama lima tahun.²⁴

Gabungan guru-guru MRSM sangat penting dalam menjayakan matlamat pendidikan MRSM sehingga ke hari ini. Guru-guru MRSM terutama Guru Kanan

²³ Temubual bersama Encik Rezaidi Ishak bertempat di Dewan Perniagaan Melayu, Plaza Pekeliling pada 16hb. Febuari 1998

²⁴ Tanpa Pengarang, *Belanjawan MRSM dalam Rancangan Malaysia ke-5*, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

Pengajian mempunyai tugas yang berat dan bertanggungjawab dalam memajukan program kurikulum MRSM. Ia juga bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan program akademik.²⁵

Guru Kanan Pengajian MRSM ini bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan Pengajian dalam kerja-kerja merancang, mengusaha, menilai, mengendalikan dan mencadangkan perubahan yang berkaitan dengan program akademik. Ia juga adalah perancang program akademik yang memberi tumpuan khas kepada unit subjek tertentu dan bertindak pula sebagai penyelaras kepada guru-guru subjek yang berkenaan. Peranan guru kanan pengajian ini juga mencakupi pendorong dan pemimpin kepada guru-guru subjek berkenaan dalam menjalankan kegiatan akademik. Di samping itu ia juga bertindak sebagai penilai kepada cara pembelajaran subjek masing-masing dan seterusnya menjadi pemerhati yang sentiasa mengikuti perkembangan kurikulum semasa dalam subjek-subjek berkenaan.²⁶

Selain itu tugas-tugas guru kanan MRSM juga adalah untuk mengenalpasti kursus yang ditawarkan di MRSM, menyusun dan mengatur modul kursus agar sesuai dengan sistem PMK, memastikan sistem penilaian bagi kursus dibuat mengikut peraturan, memberi khidmat nasihat kepada guru-guru berkaitan dengan kursus yang ditawarkan dan menyelaraskan beban kerja guru-guru. Jadi peranan Guru Kanan Pengajian MRSM sangat

²⁵ Buku Panduan Guru, *Maktab Rendah Sains MARA*, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 14

²⁶ *Ibid*, hlm. 15-16

besar dan memerlukan kerjasama guru-guru MRSM lain untuk menjayakan tanggungjawab dalam melaksanakan sistem pendidikan di MRSM sehingga kini.

Oleh itu guru-guru MRSM mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap pelajar MRSM. Pada hari persekolahan, guru-guru perlu menghabiskan masa untuk mengendalikan kursus-kursus tertentu secara formal dari pukul 7.30 / 7.40 pagi sehingga 4.00 petang. Pada waktu terluang terutama di sebelah petang dan hari Sabtu, guru-guru akan mengadakan kelas-kelas tambahan dan usaha melengkapkan dan menyediakan pelajar dalam menghadapi peperiksaan dibuat di kelas-kelas persediaan.²⁷

Tugas guru terhadap pelajaran pula mencakupi aspek mencari dan membuat rujukan bahan-bahan yang sesuai untuk satu-satu pelajarannya. Mereka juga menyediakan perancangan pengajaran seperti sukatan pelajaran, skema untuk semester dan mingguan serta menyediakan pelajaran harian. Rancangan pengajian ini diperlukan kerana ia dapat menolong guru-guru dalam melicinkan pentadbiran pengajarannya. Jesteru itu guru-guru mempunyai panduan dan tidak menyimpang dari tajuk yang diajarnya. Aspek masa juga dapat digunakan dengan terancang dan memberi keberkesanan dalam pengajaran. Ciri-ciri rancangan pengajaran yang baik dilakukan oleh guru-guru di MRSM ini seperti senang difahami, lengkap dan bersesuaian dengan tingkat pencapaian, peringkat umur dan latar belakang murid serta mengandungi beberapa pilihan kaedah penyampaian pengajaran yang boleh diubah-suai mengikut tempat, masa dan persekitaran.²⁸

²⁷ *Ibid*, hlm. 16

²⁸ *Ibid*, hlm. 17

Guru-guru MRSM juga bertindak dalam menilai bahan-bahan pengajaran yang diberi kepada pelajar-pelajar dari masa ke semasa untuk menjamin mutu pelajaran tersebut. Seterusnya ia juga mengemaskini rekod markah pelajar bagi setiap ujian / peperiksaan yang dijalankan serta membuat laporan akademik pelajar bagi semester satu dan dua.²⁹

Seterusnya tugas guru terhadap kegiatan maktab juga merupakan asas kejayaan pendidikan MRSM kini. Semua guru secara langsung atau tidak menjadi penasihat kepada kelab-kelab, Homeroom dan pelbagai agensi-agensi maktab yang ada. Guru juga terlibat dalam pergerakan maktab seperti Hari Sukan, Hari Penyampaian Hadiah dan hari-hari rasmi maktab yang lain.³⁰

2.6 Peruntukan Kewangan MRSM

MRSM menerima peruntukan yang agak besar setiap tahun daripada kerajaan melalui Rancangan Malaysia (RM) semenjak RM ke-2 bahagian Pelajaran dan Latihan. Dalam RM ke-2 (1971-1975) peruntukan diberikan khusus untuk pembinaan dan pembangunan MRSM Seremban berjumlah RM 14.1 juta.³¹ Peruntukan yang diberikan ini diselaraskan untuk pembinaan MRSM-MRSM seperti MRSM Kota Bharu dan Kuantan. Seterusnya peruntukan terus diberikan dan semakin meningkat dalam setiap Rancangan Malaysia. Jadual 2.4 di bawah menunjukkan pertambahan jumlah peruntukan pembangunan MRSM dalam setiap Rancangan Malaysia bermula RM ke-2.

²⁹ *Ibid*, hlm. 17

³⁰ *Ibid*, hlm. 17

³¹ Tanpa Pengarang, *Belanjawan MRSM dalam Rancangan Malaysia ke-3*, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 4.

JADUAL 2.4 : Pertambahan jumlah peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia.

RANCANGAN MALAYSIA	JUMLAH (\$ JUTA)
RM 2	14.1
RM 3	41.6
RM 4	79.9
RM 5	64.6
RM 6	88.89

Sumber : Unit Perancang, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

Peruntukan yang diberikan melalui RM ke-2 dan RM ke-3 lebih memberi tumpuan kepada pembinaan dan pembangunan MRSM-MRSM serta melengkapkan lagi MRSM yang sedia ada. Ini berikutan keperluan terhadap institusi pendidikan seperti MRSM semakin dirasai oleh bangsa Melayu. Keadaan ini jelas apabila kira-kira 16 000 orang penuntut bumiputera berpeluang menikmati faedah pemberian biasiswa dan pinjaman MARA. Angka ini adalah jumlah dari pertambahan pelajar di bawah MARA yang mendaftar semenjak pelancaran RM pertama sehingga RM ke-3.

Dalam RM ke-4 pula, sebanyak RM 79.9 juta telah diberikan dan peruntukan untuk kos pembangunan MRSM adalah RM 5.1 juta. Jadual dibawah jelas memperlihatkan pertambahan peruntukan pembangunan MRSM mengikut tahun dalam Rancangan Malaysia ke-4 (1980-1985).

JADUAL 2.5 : Pertambahan peruntukan pembangunan MRSM mengikut tahun dalam Rancangan Malaysia ke-4

TAHUN	JUMLAH (\$ juta)
1980	51 416
1981	91 972
1982	95 855
1983	10 2476
1984	11 0745
1985	10 8952
JUMLAH	510 000

Sumber : Anggaran kos dan keperluan guna tenaga, Unit Perancang, Ibu Pejabat MARA

Sementara itu dalam RM ke-5 pula, kerajaan memperuntukan jumlah yang besar kepada program pelajaran menengah. Matlamatnya untuk menambah bilangan pelajar bumiputera dalam bidang sains dan teknologi, sebagai sumber ke arah menambah bilangan guna tenaga terlatih dalam bidang perdagangan dan perindustrian.³²

Di dalam RM ke-5, peruntukan dibuat untuk pembinaan MRSM-MRSM yang tidak dapat dilaksanakan di bawah RM ke-4 dahulu. MRSM yang terlibat seperti MRSM di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan, Seremban dan Banting. Selain itu, pembesaran MRSM yang sedia ada juga dilaksanakan dengan menambah kemudahan-kemudahan tertentu supaya dapat menampung jumlah pelajar yang lebih banyak. Seterusnya dalam

³² Tanpa Pengarang, *Belanjawan MRSM dalam Rancangan Malaysia ke-5*, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 2.

RM ke-5 ini pembinaan MRSM Kuantan yang baru juga akan dilaksanakan dengan tapak tanah di UBIYU.³³

Di samping itu, di dalam RM ke-5 ini projek baru bagi pembinaan 45 buah MRSM iaitu khusus untuk menempatkan pelajar menengah rendah di seluruh daerah di negara ini turut dilaksanakan. Mini MRSM ini mempunyai kemudahan fizikal dan kelengkapan bagi menampung maksima 450 orang pelajar khusus untuk tingkatan 1, 2, dan 3. Projek persekolahan menengah rendah ini adalah projek baru dalam RM ke-5. Pemilihan tapak bagi mini-mini MRSM ini sebenarnya ditentukan oleh beberapa kriteria yang berdasarkan beberapa faktor seperti kepadatan penduduk yang tinggi, jumlah penduduk bumiputera yang tinggi dan kurangnya kemudahan perbelanjaan di kawasan tersebut. Pusat ini diharapkan akan menjadi pembekal pelajar MRSM yang ada untuk tingkatan empat dan lima.³⁴

Di dalam projek persekolahan menengah rendah MRSM, sebanyak RM 226 845 000 diperlukan. Ini bermakna setiap sebuah MRSM memerlukan RM 5 041 000. Kegunaannya boleh di lihat dalam pecahan seperti di sebelah;

³³ *Ibid*, hlm 1-3

³⁴ *Ibid*, hlm. 2

JADUAL 2.6 : Pecahan bagi sebuah projek Persekolahan Menengah Rendah MRSM

Tanah	100 000
Bangunan	
* Kos	3 230 000
* Iktisas	485 000
* Contigencies	226 000
Pekakas	1000 000
Jumlah	5 041 000

Sumber : Rancangan Malaysia ke-5, bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA

Selain itu, pembinaan pusat matrikulasi / pra-universiti juga diperuntukan dalam RM ke-5. Cadangan awal penubuhan pusat ini di Gombak. Tujuan penubuhannya adalah untuk menyelaraskan segala program pra-universiti bagi universiti-universiti tempatan. Pusat ini siap dan mula mengambil pelajar pada tahun 1987. Ia mengambil alih fungsi MRSM Seremban dan MRSM Kulim.

Seterusnya peruntukan kewangan yang bertambah juga dapat dilihat di dalam RM ke-6 (1991-1995) dalam program Persekolahan Menengah Atas kepada MARA khusus untuk MRSM. RM ke-6 ini memperuntukan kira-kira RM 88.89 juta untuk menyiapkan MRSM yang tidak dapat disiapkan dalam RM ke-5 dulu. Ianya mencakupi MRSM Banting, Serting, Sabah, Sarawak. Pembesaran MRSM juga dilakukan khususnya bagi MRSM Perlis kerana pengambilan pelajar tingkatan empat telah dimulakan. MRSM yang baru dicadangkan dalam peruntukan ini iaitu di Gerik, Kuala Berang, Jelebu dan Pasir Tumbuh, Kelantan.

Dalam RM ke-6 ini keperluan kewangannya boleh dibahagikan kepada Peruntukan Belanja Pembangunan (PBP) dan Peruntukan Belanja Mengurus (PBM). Pecahan PBP dan PBM dapat dilihat dalam jadual di bawah:-

JADUAL 2.7 : Peruntukan Belanja Pembangunan dan Peruntukan Belanja Mengurus

PERKARA	PBP(juta)	PBM (juta)
Pembinaan MRSM	18 00	37 057
Pembinaan cawangan MRSM	28 60	47 736
Pembesaran MRSM	12 00	4 269
Projek Pendidikan Jarak Jauh	30 29	24 662
Jumlah	88 89	113 724

Sumber : Belanjawan MRSM dalam Rancangan Malaysia ke-6

Pada umumnya melalui program yang dirancang dan akan dilaksanakan di MRSM ini memberi peluang kepada pelajar bumiputera untuk menikmati kemudahan persekolahan yang lengkap dan suasana pembelajaran yang sempurna. Pelajar-pelajar dapat menggunakan teknik moden dengan gaya hidup baru dan membentuk pula keperibadian yang bukan sahaja terlatih dalam bidang sains dan teknologi malah mempunyai asas pelajaran dan pendidikan yang kukuh dan serba boleh. Pelajar-pelajar bumiputera yang cerdas dari kawasan luar bandar juga dapat menikmati peluang pendidikan yang sempurna di bawah MRSM. Oleh itu, MRSM dianggap mampu mewujudkan generasi baru yang bersedia untuk menerajui dan mewarisi pembangunan negara yang lebih cemerlang di masa depan.

2.7 Kesimpulan

Kesimpulannya MRSM hari ini adalah hasil kejayaan usaha-usaha yang terdahulu dalam memajukan sistem pendidikan Malaysia. Perkembangan MRSM pula adalah hasil komitmen semua pihak sehingga MARA dapat menguruskan MRSM dan memperbanyakkan lagi bilangannya di seluruh negara.

Hak Milik MARA

BAB TIGA

Pengisian MRSM dan keberkesanannya.

3.1 Pengenalan

Bab ketiga ini akan membincangkan aspek-aspek organisasi MRSM yang diletakkan dibawah badan induk dan bahagian-bahagian lain dalam pentadbiran MRSM serta fungsi-fungsinya, untuk merancang, mengurus dan melaksanakan perisian MRSM semenjak ia ditubuhkan. Kandungan perisian MRSM juga dibincangkan dengan menampilkan sistem semester yang telah ditetapkan mengikut kalender MRSM. Aspek kurikulum dan kokurikulum di dalam sistem semester ini juga merupakan agenda penting dalam bab ini dengan perbincangan tentang pendekatan pembelajarannya. Oleh itu keterangan akan diperolehi tentang pemupukan aspek sains di MRSM semenjak ia direncanakan lagi. Justeru itu, MRSM didapati mempunyai pendekatan pembelajarannya yang tersendiri dalam mencetuskan idea-idea sains dikalangan pelajarnya. Perbincangan tentang Sistem Penilaian MRSM juga dibuat untuk memperlihatkan syarat-syarat graduasi yang telah ditentukan kepada pelajar MRSM agar kecemerlangan dalam semua aspek diperolehi terutama dalam bidang yang berkaitan dengan sains. Akhir sekali penulis membicarakan tentang kemudahan perkhidmatan yang disediakan di MRSM.

3.2 Organisasi MRSM

Semenjak ditubuhkan MRSM telah berjaya melaksanakan kegiatannya seperti yang telah direncanakan untuk melahirkan generasi yang mahir dalam bidang sains. Keadaan ini boleh dilihat dalam pertambahan kemasukan pelajar-pelajar yang bertambah setiap tahun ke MRSM dan mini-mini MRSM. Kejayaan yang dicapai setakat ini adalah juga hasil sumbangan sistem organisasi MRSM yang berkesan seperti yang telah dibentuk semenjak rancangan penubuhan MRSM diilhamkan.

Pada asasnya sistem pendidikan di MRSM yang mencakupi aspek kurikulum dan perancangan latihan guru adalah di bawah pengawasan Bahagian Pelajaran Menengah (BPM) di Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur. BPM ini merupakan bahagian penting dalam memodifikasikan kurikulum yang sedia ada, tahap pelajaran dan menyusun sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih inovatif, kreatif, dinamik dan progresif.¹

Walau bagaimanapun organisasi MRSM dapat dilihat dengan lebih jelas apabila BPM membentuk satu jentera pentadbiran yang berkesan dan lebih hampir dengan MRSM itu sendiri. Keadaan ini dapat dilihat apabila MRSM di bawah Bahagian Pelajaran Menengah MARA ini ditadbir terus oleh Jawatankuasa Pentadbiran dan Pengurusan MRSM. Jawatankuasa ini bertanggungjawab antara lainya terhadap segala

¹ Nor Rohani Mohamed, *MARA dan Pendidikan Menengah: Kajian ke atas MRSM Kuantan dari tahun 1974-1990*, Latihan Ilmiah, Universiti Kenagsaan Malaysia, 1991/1992, hlm. 12

aspek kepentingan kegiatan pembelajaran di MRSM. Jawatankuasa ini mempunyai ahli-ahlinya tersendiri iaitu sepuluh orang pegawai yang mempunyai peranan masing-masing mengikut pembahagian tugas yang telah ditetapkan. Ahli-ahli jawatan kuasa pentadbiran dan pengurusan MRSM ini terdiri daripada Pengarah BPM MARA, Timbalan Pengarah yang masing-masing bertugas dalam urusan pengajian dan perkhidmatan, BPM MARA, pengetua-pengetua MRSM, ketua pegawai kemajuan bagi urusan projek dan peralatan serta pegawai pelajaran kanan yang masing-masing bertugas bagi urusan hal-ehwal pelajar dan bagi pengurusan latihan dan perkhidmatan guru.²

Bagi memenuhi keperluan perancangan program kurikulum MRSM, Jawatankuasa Tertinggi Kurikulum pula dibentuk di bawah kuasa jawatankuasa pentadbiran dan pengurusan MRSM.³ Ia merupakan badan yang bertanggungjawab terhadap polisi kurikulum MRSM. Jawatankuasa Tertinggi Kurikulum MRSM ini terbahagi kepada dua kumpulan jawatankuasa pula iaitu Anggota Jawatan Kuasa Tertinggi Kurikulum dan Ahli Jawatan Kuasa Kehormat. Anggota Jawatankuasa Tertinggi Kurikulum ini ialah pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli jawatankuasa lain. Jawatan-jawatan ini masing-masing dipegang oleh pengarah BPM, timbalan pengarah pengajian dan perkhidmatan, pengetua-pengetua MRSM serta dua orang ahli Jawatankuasa Kehormat. Manakala Ahli Jawatan Kuasa Kehormat pula terdiri daripada dua orang ahli jawatankuasa yang dilantik oleh

²Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 13

³ *Ibid*, hlm. 13

pengarah BPM. Ahli jawatankuasa Kehormat ini boleh dilantik dari kalangan ibubapa pelajar MRSM.⁴

Pada umumnya Jawatankuasa Tertinggi Kurikulum adalah badan tertinggi yang bertanggungjawab mengawal dan menentukan semua peraturan yang berkaitan dengan polisi kurikulum MRSM. Badan ini berhak membuat sebarang keputusan dan peraturan atau pindaan yang terdapat di dalam semua peraturan akademik dan ko-kurikulum di MRSM.⁵

Seterusnya diperingkat maktab, BPM menyediakan satu jentera pentadbiran yang lebih hampir dalam menguruskan MRSM. Ia terletak di bawah Jawatankuasa Tertinggi Kurikulum yang dipanggil Senat Maktab. Senat Maktab merupakan badan yang tertinggi di dalam kegiatan program akademik dan ko-kurikulum di peringkat maktab. Badan ini terdiri daripada Anggota Senat Maktab dan Ahli Jawatan kuasa Kehormat.⁶ Anggota Senat Maktab pula diwakili oleh pengetua sebagai Pengerusi, penolong pengetua sebagai Naib Pengerusi, Ketua Jabatan Bahasa, Ketua Jabatan Matematik, Ketua Jabatan Sains, Ketua Jabatan Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Ketua Jabatan Pengajian Am, Ketua Jabatan Agama dan Bahasa Arab, Timbalan Ketua Unit Pendaftaran dan Penilaian Maktab (urusetia) serta dua orang ahli jawatan kuasa Kehormat yang bertindak sebagai ahli jawatankuasa dalam Anggota Senat Maktab. Ahli Jawatankuasa Kehormat pula terdiri

⁴ *Ibid*, hlm. 13

⁵ *Ibid*, hlm. 14

⁶ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1986/1987*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 14

daripada dua ahli jawatan kuasa yang dilantik oleh pengetua dari kalangan mereka yang berkebolehan dalam memberi sumbangan kepada Senat Maktab. Ahli jawatankuasa ini sebenarnya boleh dilantik sama ada dari maktab atau institusi luar.

Justeru itu anggota Senat Maktab dan Jawatankuasa Kehormat ini memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kegiatan akademik dan ko-kurikulum berjalan dengan sempurna di setiap MRSM. Ia juga bertanggungjawab dalam mengawal dan memutuskan semua perkara yang berkaitan dengan penilaian di peringkat maktab.⁷ Selain itu Senat Maktab juga berhak membuat sebarang keputusan dan peraturan atau pindaan terhadap penilaian tanpa memberitahu mana-mana pihak terlebih dahulu. Ia juga bertanggungjawab dalam mengawasi perjalanan kursus dan membuat teguran kepada tenaga pengajar yang didapati menyeleweng dari Sistem Purata Markah Keseluruhan serta bertanggungjawab melantik pemeriksa luar atas budi bicaranya. Jadi Senat Maktab merupakan badan yang paling hampir dalam pengurusan di peringkat maktab.⁸

Seterusnya BPM melalui Senat Maktab menyediakan Jabatan Akademik di MRSM yang merupakan pusat penawaran kursus untuk pelajar-pelajar MRSM. Jabatan ini bertanggungjawab secara langsung kepada Pengetua, Senat Maktab dan Jawatankuasa Pusat Sistem PMK dalam kerja-kerja merancang, mengusaha, mengatur, mengenali, menilai dan mencadangkan perubahan, penyesuaian atau penghapusan sesuatu perkara

⁷ Penilaian yang dimaksudkan ialah peperiksaan dihujung semester serta semua penilaian yang digunakan untuk mengukur kemajuan akademik pelajar yang dijalankan secara bertulis, lisan atau praktik.

⁸ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1986/1987*... hlm.15

berkaitan dengan program akademik dan ko-kurikulum di MRSM.⁹ Di peringkat ini tiap-tiap jabatan akademik akan diketuai oleh seorang Ketua Jabatan yang dilantik oleh ketua. Ahli-ahli dalam jabatan akademik ini ialah guru kanan dan guru mata pelajaran untuk kursus-kursus tertentu.¹⁰

Selain daripada Jabatan Akademik, terdapat pula Unit Pendaftaran dan Penilaian Maktab (UPPM) yang merupakan Urusetia Senat Maktab. UPPM bertanggungjawab secara langsung kepada guru dalam merancang, menganjur, menyelaraskan, mengawasi, mengesyorkan dan menyelia segala aktiviti-aktiviti dalam program kurikulum KBSM terutamanya mengenai pendaftaran dan penilaian pelajar di peringkat maktab. UPPM diketuai oleh Penolong Pengetua dan ahli-ahli lain dilantik oleh Pengetua.¹¹

3.3 Organisasi Peringkat Maktab

Biarapun BPM MARA telah menyediakan carta organisasinya di peringkat induk namun di peringkat maktab, MRSM mempunyai carta organisasinya yang tersendiri. Organisasi peringkat maktab ini cuma untuk satu-satu MRSM sahaja. Ia membolehkan pentadbiran MRSM itu berjalan licin dengan perhatian bahagian-bahagian di BPM MARA. Organisasi MRSM peringkat maktab ini mirip sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pendidikan.

⁹ *Ibid*, hlm.15

¹⁰ *Ibid*, hlm. 15

¹¹ *Ibid*, hlm. 15

Organisasi yang dibentuk ini ialah diperingkat Senat Maktab yang mengepalai Jabatan Akademik dan Unit Pendaftaran dan Penilaian Maktab. Pada peringkat ini, pengetua merupakan pengerusi MRSM yang bertindak sebagai penaung kepada semua aktiviti di MRSM. Selain itu bidang tugas yang dijalankan oleh pengetua ini termasuklah dalam menguruskan Jawatankuasa Ketua Jabatan Guru-guru Akademik dalam hal-hal pelajaran dan pembelajaran di MRSM dan menyelaraskan kegiatan luar bilik darjah.¹² Ia dibantu oleh penolong pengetua yang menguruskan beberapa cawangan dalam pentadbiran MRSM iaitu Cawangan Perpustakaan, Pentadbiran, Bimbingan Pelajar dan Cawangan Akademik. Beban tugas penolong pengetua pula ialah menyelaraskan hal-ehwal pelajar-pelajar seperti di dalam kegiatan Badan wakil Pelajar, Jemaah Displin dan Unit Bimbingan.¹³ Carta organisasi MRSM dilampirkan dapat memperjelaskan kedudukan pengetua, penolong pengetua dan jawatan-jawatan lain yang sangat penting dalam melaksanakan aktiviti dan program-program MRSM.¹⁴

Cawangan Perpustakaan adalah cawangan yang menyediakan kemudahan peminjaman dan rujukan buku-buku untuk pelajar-pelajar MRSM. Ia diuruskan oleh Pegawai Perpustakaan MRSM sendiri dan dibantu oleh Pembantu Perpustakaan serta Pelayan Perpustakaan. Kemudahan yang diwujudkan di Perpustakaan MRSM ini membolehkan pelajar-pelajar MRSM mendapat layanan yang selesa dan berjaya mengwujudkan keinginan belajar yang tinggi kepada pelajar-pelajar MRSM. Situasi ini

¹² Tanpa Pengarang, *Laporan Kaji8an Perimbangan Pelajaran Melalui SBP: Sekolah Menengah Sains dan Kelas Rancangan Khas*, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981, hlm. 52

¹³ *Ibid*, hlm

¹⁴ Carta Organisasi MRSM 1981, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm.3

berbeza dengan sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan yang biasa kerana perpustakaan di sekolah-sekolah harian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia hari ini kebanyakannya diuruskan oleh pelajar sekolah sendiri.¹⁵

Cawangan bimbingan pelajar pula dikepalai oleh Pegawai Kemajuan yang bertanggungjawab sebagai badan Penasihat Pelajar. Bahagian Akademik pula boleh dikategorikan kepada guru muzik, guru-guru, ketua unit GCE A Level bagi MRSM Seremban dan Ketua Unit Pra-Universiti di MRSM Kulim. Guru-guru adalah tunggak dalam melaksanakan program-program akademik yang telah diaturkan di MRSM. Ia dibantu oleh juruteknik radio/tv, pembantu makmal kanan, pembantu makmal dan pelayan makmal.¹⁶

Cawangan pentadbiran pula diketuai oleh Pegawai Pentadbir yang menyelaraskan Seksi Makanan dan Asrama dan Seksi Am. Pegawai pentadbir sebenarnya menjalankan tugas pentadbiran yang bukan akademik dan kewangan di samping menyelia gerakerja-gerakerja stor, perpustakaan, Steward dan kerja-kerja am. Seksi Makanan dan Asrama dikelolakan pula oleh seorang Pengelola makanan/asrama atau Pengurus Domestik. Pengurus Domestik ini bertanggungjawab dalam pengurusan dan penyelarasan untuk ketua tukang masak, penolong tukang masak, tukang-tukang masak, dan penolong dapur di

¹⁵ *Ibid*

¹⁶ *Ibid*

MRSM. Selain itu penolong jururawat, pengelola asrama dan pekerja asrama juga adalah di bawah tanggungjawab Pengurus Domestik.¹⁷

Sementara itu bagi Seksi Am pula terdapat kerani kanan yang menguruskan tugas-tugas pentadbiran MRSM agar lebih lancar dijalankan. Di bawah kerani kanan ini pula terdapat jurutrengkas, kerani, penyenggara stor serta juruteknik, jurutaip, pelayan pejabat, 'caretaker' di samping pemandu, mandor, jaga dan perkerja am.¹⁸

3.4 Sistem Semester

MRSM telah memperkenalkan Sistem Semester bagi pelajar Menengah Rendah dan Menengah Atas. Sistem semester yang dijalankan ini membezakan diantara MRSM dengan sekolah kerajaan lain. Di dalam sistem ini, pelaksanaan pengajaran mata pelajaran yang sedikit untuk dihabiskan dalam satu semester. Cara ini di anggap lebih berfaedah dan efektif daripada mengajar semua mata pelajaran dalam satu tahun.¹⁹ Sistem semester yang disediakan ini terbahagi kepada dua semester pada setiap tahun iaitu semester pertama dan kedua. Pada setiap semester mempunyai penggal satu dan penggal dua. Jadual di bawah menunjukkan sistem semester yang dilaksanakan:-

¹⁷ Carta Organisasi MRSM 1986, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

¹⁸ *Ibid*

¹⁹ Tanpa Pengarang, *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP...* hlm. 86

Jadual 3.1 : Sistem Semester MRSM

PERKARA	SEMESTER SATU	SEMESTER DUA
Penggal Satu	10 minggu	10 minggu
Minggu Aktiviti	1 minggu	1 minggu
Penggal Dua	10 minggu	10 minggu
Cuti	5 minggu	5 minggu

Sumber : Bahagian Pelajaran Menengah MARA

3.5 Kurikulum MRSM

Penubuhan MRSM sehingga kini membuktikan kejayaan MARA dalam menghasilkan satu tapak seماian bagi anak-anak bumiputera yang bukan sahaja terlatih dalam bidang sains malah berjaya juga memupuk keseimbangan peribadi yang serba boleh. Ciri-ciri inilah yang dikehendaki dalam masyarakat Malaysia terutama masyarakat Melayu dalam era pemodenan.

Justeru itu, MRSM menyediakan program akademik yang selaras dalam semua aspek agar menepati objektif dan matlamat pendidikan MRSM. Objektif pendidikan MRSM adalah seperti berikut:-

- Pencapaian kecemerlangan akademik
- Pembentukan sahsiah yang sempurna
- Pemupukan minat keusahawanan
- Kecerdasan fizikal

Empat matlamat pendidikan MRSM ini diharapkan akan memperlengkapkan lagi keperluan masyarakat dan negara untuk mendapat tenaga rakyat yang sesuai dengan kehendak negara dari aspek mutu dan bilangan, melahirkan tenaga rakyat yang bertanggungjawab ke atas pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara serta melahirkan sistem pendidikan yang sesuai dengan kehendak masyarakat dari segi penerimaan dan latar belakang hidup.²⁰

Oleh itu, empat matlamat pendidikan ini perlu diberi perhatian khusus agar kurikulum MRSM dapat melahirkan pelajar-pelajar MRSM yang berketrampilan yang boleh berkhidmat kepada diri sendiri, masyarakat, bangsa, agama dan negara.²¹

Seterusnya falsafah pendidikan MRSM pula dapat dilihat seperti falsafah pendidikan negara juga yang berbunyi;

“Pendidikan di Malaysia adalah sesuatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”²²

²⁰ Tanpa Pengarang, Destinasi Pembelajaran MRSM, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

²¹ Tanpa Pengarang, Prospektus MRSM 1994/95....hlm. 16

²² Ibid, hlm. 16

3.6 Kandungan Kurikulum

Kurikulum di MRSM boleh didefinisikan sebagai segala kegiatan pembelajaran am yang dirancang di dalam satu rancangan pengajaran untuk pelajar-pelajar mencapai matlamat-matlamat am dan tujuan-tujuan khas.²³

Semenjak awal penubuhan MRSM sehingga tahun 1984, MRSM masih menekankan tiga perkara utama yang menjadi teras program kurikulum MRSM iaitu Program Pelajaran (Akademik), Program Kegiatan (kokurikulum) dan Program Bimbingan (Rundingan dan Kerjaya).²⁴ Namun semenjak pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988 di seluruh negara, perubahan juga telah dibuat dalam pembentukan kurikulum MRSM yang mencakupi dua bidang utama iaitu Program Akademik dan Kurikulum Perkembangan Sahsia.²⁵

Kurikulum akademik mengandungi kursus-kursus teras KBSM, kursus-kursus elektif KBSM, kursus-kursus khas MRSM dan aktiviti-aktiviti penghayatan akademik. Manakala kurikulum perkembangan sahsiah terdiri daripada program-program pembangunan diri, aktiviti-aktiviti keusahawanan, aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan aktiviti-aktiviti sukan dan permainan.²⁶ Kurikulum akademik dan kurikulum perkembangan sahsiah ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci didalam kandungan kurikulum diperingkat pengajian menengah atas.

²³ Tanpa Pengarang, *Data Bank*, Unit Perancangan MARA, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 7

²⁴ *Ibid*,

²⁵ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*... hlm. 19

²⁶ *Ibid*, hlm.19

Kurikulum MRSM memberi penekanan terhadap bidang sains dan matematik sebagai asas pembangunan intelektual pelajar Melayu dan bumiputera. Ini dapat dilihat semenjak awal penubuhannya kepada pelajar-pelajar menengah di MRSM. Di bawah ini disediakan jadual yang menunjukkan mata pelajaran di MRSM bagi pengajian menengah rendah dan menengah atas dalam program pelajaran (Akademik) sebelum KBSM diperkenalkan.

Jadual 3.2 : Kurikulum MRSM Bagi Pengajian Menengah Rendah dan Menengah Atas

MENENGAH RENDAH	MENENGAH ATAS
Bahasa Malaysia	Bahasa Malaysia
Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
Agama Islam	Agama Islam
Sejarah	Sejarah/ Ilmu Alam
Ilmu Alam	Hisab Moden
Hisab Moden	Hisab Tambahan
Sains Paduan	Fizik
Perdagangan	Kimia
Pendidikan Jasmani	Kajihayat
Senireka	Pendidikan Jasmani
Bahasa Asing Muzik	Bahasa Asing
	Perdagangan
	Muzik
	Senireka

Sumber: Data Bank, Unit Perancang MARA, Kuala Lumpur.

Dibawah kurikulum MRSM peringkat menengah rendah ini, semua kursus yang wujud boleh dikategorikan kepada tugas kumpulan iaitu kursus wajib, kursus elektif dan kursus ko-kurikulum.

Kursus wajib merupakan kursus-kursus yang mesti diambil oleh semua pelajar MRSM yang merangkumi subjek-subjek dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Ianya termasuk juga beberapa kursus tambahan yang telah ditetapkan oleh MRSM termasuklah kursus Al- Quran.²⁷

Kursus Elektif pula terdiri daripada kursus-kursus yang boleh dipilih oleh pelajar-pelajar mengikut minat masing-masing. Setiap pelajar MRSM dikehendaki mengambil tiga kursus yang berlainan dalam masa tiga tahun pengajaran menengah rendah.²⁸

Sementara itu, kumpulan kursus yang ketiga terdiri daripada kursus ko-kurikulum. Ianya terdiri daripada kursus-kursus dalam bidang kemahiran, sukan atau permainan, badan berpakaian seragam dan latihan para militari. Setiap individu di MRSM itu dikehendaki mengambil dua kursus kemahiran, dua kursus sukan atau permainan, satu jenis badan berpakaian seragam dan menyertai latihan para militari untuk tempoh pengajaran menengah rendah.²⁹

²⁷ Tanpa Pengarang, *Buku Panduan Guru*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 60

²⁸ *Ibid*

²⁹ *Ibid*

Walau bagaimanapun selepas pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di seluruh Malaysia, kurikulum akademik MRSM dianjurkan berasaskan kepada KBSM Kementerian Pendidikan dan juga kurikulum yang dibentuk khas oleh MARA untuk pelajar MRSM.

Bagi pengajian menengah rendah KBSM, matapelajaran teras yang perlu di ambil oleh semua pelajar tingkatan satu hingga tiga terdiri daripada yang tertera di dalam jadual 3.3 di bawah:-

Jadual 3.3 : Matapelajaran Teras Bagi Pengajian Menengah Rendah

MATA PELAJARAN TERAS
Bahasa Malaysia
Bahasa Inggeris
Matematik
Pendidikan Islam/Moral
Geografi
Sejarah
Sains
Pendidikan Seni
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
Kemahiran Hidup (Pilihan B)

Sumber: Prospektus MRSM 1994/1995

Seterusnya bagi pengajian menengah atas di dalam kurikulum akademik yang perlu di ambil oleh pelajar-pelajar MRSM tingkatan empat hingga lima terdiri daripada mata pelajaran teras (KBSM) iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan

Islam/Moral, Matematik, Sains dan Pendidikan jasmani dan Kesihatan serta mata pelajaran elektif KBSM. Sementara itu bagi mata pelajaran elektif KBSM menengah atas ialah matematik tambahan, kimia, fizik, biologi, perdagangan/ prinsip akaun dan geografi/ pendidikan seni.

Walau bagaimanapun peringkat pengajian menengah atas MRSM ini telah memberi tiga pilihan jurusan pengajian iaitu sains tulen, sains gunaan dan sains pengurusan. Setiap jurusan perlu mengambil mata pelajaran elektif masing-masing. Mata pelajaran elektif bagi setiap jurusan pula boleh dilihat dalam jadual 3.4 di bawah:-

Jadual 3.4 : Matapelajaran Elektif Mengikut Aliran Bagi Pengajian Menengah Atas

SAINS TULEN	SAINS GUNAAN	SAINS PENGURUSAN
Matematik Tambahan	Matematik tambahan	Matematik Tambahan
Kimia	Kimia	Perdagangan/ Prinsip akaun
Fizik	fizik	Geografi/Pendidikan Seni
Biologi	Prinsip Akaun	

Sumber: Prospektus MRSM 1994/95

Namun MRSM kini tidak lagi menawarkan jurusan sains pengurusan memandangkan tumpuan khusus cuba dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pelajar Melayu dalam aliran sains sepenuhnya.

Di dalam kandungan kurikulum akademik, MRSM juga telah menetapkan mata pelajaran khas dalam jadual waktu persekolahan. Kursus khas ini merupakan kursus tambahan yang diwajibkan ke atas setiap pelajar MRSM. Kursus tersebut termasuk

Kemahiran Berfikir, Sains Komputer, Pendidikan Jasmani, Kenegaraan, Senireka, Perkembangan Kerjaya, Kemahiran berkomunikasi, Kemahiran belajar, Keusahawanan dan Al-Quran.³⁰ Tujuan mata pelajaran ini diwajibkan kerana ia merupakan keperluan semasa yang tidak dapat diabaikan. Ianya amat berfaedah terutama apabila pelajar-pelajar ini meneruskan pengajian di peringkat universiti dan juga dalam kerjaya mereka di masa depan.³¹

Seterusnya program-program penghayatan akademik diwujudkan sebagai usaha mengukuhkan lagi kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Ia merupakan aktiviti yang memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan daya kreativiti mereka selain daripada mengaplikasikan ilmu-ilmu yang telah dipelajari. Oleh itu melalui aktiviti-aktiviti seperti ini membolehkan prestasi pelajar-pelajar dalam bidang akademik dapat dinilai. Program-program yang diwujudkan terbahagi kepada peringkat maktab dan kebangsaan.³²

Aktiviti-aktiviti peringkat maktab yang disambut seperti sambutan hari Maalhijrah, hari maulidur Rasul, hari Israk Mikraj, hari Nuzul Quran, hari graduasi, hari alam sekitar dan sebagainya lagi. Acara pertandingan juga dilaksanakan dalam program

³⁰ Tanpa Pengarang (naskah salinan fotostat), Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 4

³¹ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*... hlm. 21

³² *Kurikulum MRSM Dekad 90-an*, (salinan naskah fotostat, tanpa penulis), Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, (n.d), hlm. 5

penghayatan akademik ini contohnya pertandingan biologi, kuiz sejarah/geografi, kuiz matematik dan pertandingan Buku Sifar. Manakala aktiviti yang sering dilaksanakan pula di MRSM termasuklah aktiviti Amali agama, pameran pengajian agama, Kem Cuti, minggu kerjaya, Majlis Khatam Quran dan banyak lagi.³³

Sementara itu aktiviti-aktiviti dalam program penghayatan akademik diperingkat kebangsaan pula terbahagi kepada dua jenis iaitu aktiviti diantara MRSM seluruh negara dan aktiviti diantara MRSM dengan sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan di seluruh negara. Aktiviti-aktiviti di peringkat kebangsaan yang telah dilaksanakan seperti pertandingan pertandingan Tahfiz Al-Quran, Kuiz Perdagangan, Kuiz Geografi, Kuiz Perdana, Kuiz Perdana, Kuiz Perpaduan dan sebagainya lagi.³⁴

Proram kurikulum perkembangan sahsiah pula merupakan program pengajaran dan pengalaman yang diatur untuk pelajar sebagai usaha mengwujudkan bukan sahaja 'insan yang seimbang dan harmonis' tetapi juga individu yang berpersonaliti dinamis. Ciri-ciri utama personaliti insan yang sedemikian yang diingini ialah ciri-ciri seorang yang berkonsep sendiri positif serta berkeyakinan diri, senang berinteraksi, berpendirian, bermotivasi sendiri dan berfikiran luas. Kurikulum ini berasaskan kepercayaan bahawa punca kemampuan seseorang untuk merealisasikan potensinya ialah imej tentang dirinya yang telah dibina dan dipercayai olehnya iaitu konsep kendirinya. Adalah dipercayai bahawa konsep sendiri seseorang walaupun terbentuk, boleh berubah jika ia mengalami

³³ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*... hlm. 22

³⁴ *Ibid*, hlm.22

pengalaman yang bermakna dan mendalam. Oleh itu program, kursus, bengkel dan pengalaman yang disusun bertujuan untuk mengesan dan menggunakan faktor-faktor serta pengalaman-pengalaman afektif yang dapat mempertingkatkan konsep sendiri pelajar.³⁵

Kurikulum perkembangan sahsiah ini dibentuk untuk menyokong pendidikan efektif yang menekankan pengenalan diri sebagai sebahagian daripada individu masyarakat. Kurikulum ini juga disusun dengan program-program yang dapat menggalakkan peningkatan penghargaan diri dan konsep diri yang positif lagi realistik untuk membolehkan seseorang berfungsi dengan berkesan dalam masyarakat.³⁶

Kandungan kurikulum ini mengambil kira pelajar-pelajar sebagai insan yang sentiasa berkembang, pelbagai dan unik serta sentiasa berkeinginan untuk merealisasikan kemampuan diri.³⁷

Di dalam program kurikulum perkembangan sahsiah ini juga terdapat program-program pembangunan diri dimana kursus-kursus yang menitikberatkan pengurusan diri pelajar dan pembangunan diri berasaskan perhubungan di luar jadual waktu formal disediakan.³⁸ Program-program tersebut boleh dibahagikan mengikut perjanjian menengah atas dan menengah rendah. Ia dapat dilihat dalam jadual di bawah.

³⁵ *Kurikulum Perkembangan Sahsiyah*, (naskah salinan fotostat, tanpa penulis), Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, (n.d), hlm. 1

³⁶ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*... hlm. 57

³⁷ *Ibid*, hlm. 57

³⁸ Perlaksanaan kursus-kursus dalam kurikulum Perkembangan Sahsiyah seperti kursus Penyesuaian Diri termasuklah kursus Jayadiri akan diadakan semasa minggu suai-kenal pelajar baik untuk pengajian menengah rendah mahupun menengah atas.

Jadual 3.5 : Program Pembangunan Diri dalam Kurikulum Perkembangan Sahsi

PENGAJIAN	KURSUS PENGURUSAN DIRI	KURSUS PEMBANGUNAN DIRI BERASASKAN PERHUBUNGAN
Menengah Atas	<ul style="list-style-type: none"> *Kursus Jayadiri *Kursus Penyesuaian Diri 2 *Bengkel Menegenal Diri *Bengkel Pengurusan Tekanan *Modul Homeroom 	<ul style="list-style-type: none"> *Kursus Pembimbing rakan Sebaya *Bengkel Komunikasi Interpersonal *Bengkel Latihan Asertif menghadapi konflik *Etiket (sebahagian modul HR) *Latihan Temuduga
Menengah Rendah	<ul style="list-style-type: none"> *Kursus Penyesuai Diri 1 *Bengkel Mengenal diri *Modul-modul Homeroom berkaitan 	<ul style="list-style-type: none"> *kursus Pembimbing Rakan Sebaya 1 *Bengkel Membentuk Perhubungan *Etika

Sumber: Prospektus MRSM 1994/ 95

berdisiplin. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah koperasi, projek-projek usahasama, projek sains/ rekacipta, penerbit-penerbit majalah dan jualan gerai. Pelaksanaan aktiviti ini diharapkan dapat memupuk kreativiti keusahawanan yang menitikberatkan keuntungan dalam bentuk wang.³⁹

Di samping itu aktiviti-aktiviti ko-kurikulum juga menjadi intipati dalam kurikulum perkembangan sahsiah MRSM. Aktiviti ko-kurikulum ini diwujudkan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat mengembangkan minat pelajar dalam bidang akademik dan bukan akademik dan memberi kemahiran-kemahiran baru kepada pelajar MRSM itu sendiri. Sebahagian daripada aktiviti, kelab dan persatuan merupakan kegiatan pengajaran-pembelajaran formal dalam bidang kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar.

Aktiviti ko-kurikulum ini dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah bergantung kepada kesesuaian kehendak sesuatu aktiviti tersebut. Ia berasaskan andaian bahawa pelajar-pelajar tidak dapat pengalaman tertentu di dalam bilik darjah. Justeru itu, aktiviti ini diharapkan dapat menyediakan pengetahuan dan pengalaman jasmani, rohani dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial budaya yang positif dan dinamik.⁴⁰

Pada tahun 1986, Sistem Purata Markah Keseluruhan (PMK) diperkenalkan yang menyebabkan pengurusan aktiviti ko-kurikulum ini berbeza sedikit daripada tahun-tahun

³⁹ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*... hlm. 58

⁴⁰ Nor Rohani Mohamed, *MARA dan Pendidikan Menengah: Kajian ke atas MRSM Kuantan dari tahun 1974-1990*, Latihan Ilmiah, Universiti Kenagsaan Malaysia, 1991/1992, hlm. 59

sebelumnya. Fenomena ini berikutan pada tahun sebelum 1986, kegiatan ko-kurikulum di MRSM cuma mendaftarkan diri sebagai ahli tanpa mendapat sebarang faedah. Oleh itu dibawah sistem PMK, pengurusan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum diperkemaskan lalu terbentuklah kursus-kursus kemahiran dan badan berpakaian seragam. Persatuan-persatuan akademik dan kelab-kelab kemahiran pula dijadikan kursus-kursus pelengkap graduasi.⁴¹

Justeru itu, kegiatan-kegiatan dalam aktiviti ko-kurikulum di MRSM boleh dilihat dalam beberapa pembahagian iaitu kelab dan persatuan, aktiviti badan-badan beruniform, aktiviti kem cuti dan aktiviti-aktiviti sukan dan permainan. Jadual 3.6 di sebelah menunjukkan jenis-jenis aktiviti ko-kurikulum yang dilaksanakan di bawah program KBSM sehingga kini.

⁴¹ *Ibid*, hlm. 60

Jadual 3.6 : Kegiatan dalam Unit Ko-kurikulum MRSM

KELAB DAN PERSATUAN	AKTIVITI BADAN BERUNIFORM	JENIS-JENIS KEM CUTI
Pers. Bahasa Malaysia	Kadet Bomba	Kem Rekreasi Gunung Ledang
Pers. Bahasa Inggeris	Kadet Polis Diraja	Kem Rekreasi Basikal
Pers. Matematik	PKBM (Darat)	Kem Rekreasi Perkhemahan
Pers. Agama Islam	PKBM (Laut)	Kem Ketahanan Fizikal
Pers. Sains sosial/ kemasyarakatan	Satria Muda	Kem Kajian Luar / masyarakat
Pers. Seni Kreatif	Pandu Puteri	Kem Bina Insan
Kelab Fotografi	Puteri Islam	Kem Astronomi
Kelab Perkebunan	Bulan Sabit Merah	Kem Kreativiti
Kelab Pecinta Alam	Seni Silat Melayu	Kem Komunikasi
Kelab Pertukangan	Karate	Kem Kemahiran Belajar
Kelab Komputer	Taekwan Do	Kem Komputer
Kelab Sains Rumahtangga	St. John's Ambulans	Kem Apresiasi Sains
Kelab Kembara	Pengakap	Kem Ketahanan diri
Kelab Elektronik	Renjer Puteri	Kem Arkeologi Muda
Kelab Mekanik	Kumpulan Brass Band	
Kelab Astronomi		
Kelab Alam Sekitar		
Kelab Muzik		
Kelab Catur		

Sumber: Perspektus MRSM 1994/95

Aktiviti terakhir yang terkandung di dalam kurikulum perkembangan sahsiah pula ialah aktiviti-aktiviti sukan dan permainan. Aktiviti ini bertujuan memupuk kecergasan dan kesihatan jasmani yang seterusnya akan memelihara dan membolehkan pelajar menjadi lebih produktif. Oleh itu, pelajar-pelajar yang berpotensi, berminat dan berbakat serta

ingin mengembangkan lagi bakat mereka digalakkan menganggotai kelab-kelab sukan dan permainan. Jadi sebagai usaha menggalakkan pelajar MRSM aktif dalam bidang sukan/permainan, MRSM telah menetapkan bahawa pelajar-pelajar yang menjadi anggota Pasukan Maktab dikecualikan daripada mengambil sukan dan permainan untuk keperluan graduasi.⁴²

Sebenarnya kelab dan persatuan merupakan 'Persatuan Akademik' yang dipertanggungjawabkan di bawah jabatan akademik. Penubuhan kelab ini terbuka kepada guru yang mempunyai kemahiran atau minat untuk mengendalikan aktiviti kelab tersebut. Penyertaan pelajar hanya dibenarkan untuk satu kelab atau permainan bagi satu tahun sesi akademik. Sementara itu pelajar-pelajar yang menganggotai Badan Wakil Pelajar, Lembaga Disiplin Pelajar, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi, Pembimbing Rakan Sebaya dan Ahli Pusat Sumber Pembelajaran dikecualikan daripada menyertai persatuan atau kelab.⁴³

3.7 Pendekatan Pembelajaran Di MRSM

Secara amnya, MRSM telah melakukan beberapa pendekatan pembelajaran yang berbeza daripada sekolah-sekolah berasrama penuh lain di negara ini. Pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan di MRSM boleh dianggap reformasi kerajaan daripada agensi-agensinya (MARA) untuk pendidikan sains di kalangan pelajar Melayu.

⁴² Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995*... hlm. 60

⁴³ *Ibid*, hlm. 59


Semenjak penubuhan MRSM Seremban pada 1972 , sistem 'Open Classroom' telah diperkenalkan sebagai satu ciri pembelajaran yang unik di MRSM.⁴⁴ Pendekatan ini membuktikan keberkesanan kaedah pembelajarannya yang terbuka di mana kelas tidak disekat-sekat di dalam satu-satu darjah sahaja. Kelas yang terbuka ini diandaikan boleh membuka minda dan perhatian pelajar secara efektif terhadap pelajaran yang dihadapi mereka.⁴⁵ Kaedah ini terbukti berjaya kerana MRSM Seremban telah menunjukkan prestasi akademik yang membanggakan dan diikuti oleh MRSM-MRSM lain selanjutnya.

Kaedah 'Penujuan Berpandu' juga adalah di antara pendekatan pembelajaran yang dilaksanakan di MRSM. Di dalam kaedah ini, MRSM mengaplikasikan program-program kurikulum kepada pelajar-pelajar MRSM dalam usaha membentuk kecemerlangan akademik, kesempurnaan sahsiah dan orientasi keusahawanan kemahiran: motivasi. Pendekatan ini dapat dilihat dalam jadual 3.7 di bawah:-

⁴⁴ Sistem 'Open Classroom' ini tidak dilaksanakan di sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pendidikan.

⁴⁵ Temubual dengan Tuan Haji Ghazali bin Abd Manaf di Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA pada 17hb. Julai 1997.

Jadual 3.7 : Kaedah Penujuan Berpandu Sebagai Pendekatan Pembelajaran MRSM



Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah, MARA, Kuala Lumpur

Selain itu, penekanan terhadap kaedah *enquiry* juga merupakan aspek penting dalam pengajian di MRSM. Kaedah ini merupakan satu metod penyelesaian masalah oleh pelajar melalui penyelidikan yang dijalankan. Pendekatan ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan fakta dan ianya berbentuk pengalaman. Pengalaman dalam bilik darjah dan makmal berkaitan dengan konsep-konsep saintifik adalah tema utama dan pengajian melalui penyelidikan merupakan prinsip penting di MRSM.⁴⁶

Sementara itu sesi persekolahan pula berterusan daripada pagi sehingga petang dengan rehat pada tempoh tertentu. Ini berbeza dengan sekolah kerajaan yang menumpukan pelajaran di sebelah pagi sehingga tengahari sahaja. MRSM membuat

⁴⁶ Nor Rohani Mohamed, *MARA dalam Pendidikan Menengah...* hlm. 40

kelainan ini kerana merasai proses pembelajaran bukan di sebelah pagi sahaja sebaliknya perlu dipanjangkan agar tumpuan terus kepada pelajaran. Selain itu pada awal penubuhan MRSM, tiada pakaian seragam yang ditentukan untuk pelajar MRSM. Kelainan ini diwujudkan kerana menganggap setiap pelajar berbeza dan penafsiran yang berbeza diperlukan dikalangan setiap individu. Namun semenjak tahun 1980 MARA digesa untuk menetapkan satu pakaian seragam kepada pelajar MRSM berikutan pelbagai masalah yang timbul.⁴⁷

Seterusnya perbezaan pendekatan yang wujud di antara MRSM dengan institusi pendidikan lain di negara ini dapat dilihat apabila MRSM telah menetapkan satu minggu dalam penggal satu setiap semester untuk mengadakan 'minggu aktiviti'. Dalam minggu ini pelbagai acara dilakukan untuk memberi peluang kepada pelajar MRSM membuktikan keistimewaan masing-masing.⁴⁸

Selain itu, MRSM juga memperkenalkan program Intergrative Learning kepada pelajar-pelajarnya untuk memahirkan diri dalam bidang sains. Intergrative Learning ini ialah satu sistem pembelajaran berdasarkan penemuan mutakhir dalam bidang sains-neuro, sains sosial dan fizik. Ia berbeza dengan sistem pendidikan tradisional biasa yang hanya memerlukan dua kecerdasan iaitu logik matematik dan linguistik. Falsafah Intergrative Learning ini percaya bahawa setiap individu adalah unik dan mempunyai potensi yang tidak terbatas.. Metodologi Intergrative Learning pula terbahagi kepada tiga iaitu

⁴⁷ *Ibid*

⁴⁸ Tanpa Pengarang, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur.

Pemelajaran Berpasukan (Cooperating Learning), Pemelajaran Berdasarkan Ragam Belajar (Learning Styles) dan Pemelajaran Optima (Accelerated Learning).⁴⁹

3.8 Sistem Penilaian

MRSM telah memperkenalkan sistem penilaian berdasarkan Purata Nilain Gred (PNG) mulai tahun 1986. Ia dikenali sebagai program akademik Purata Markah Keseluruhan (PMK). Sistem ini merupakan purata mata nilai yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam semua peperiksaan yang telah di ambil dalam satu semester.

Dalam sistem PMK ini, sukatan pelajaran persekolahan menengah dibahgikan mengikut modul yang lebih kemas dan teratur pada setiap semester. Oleh itu pemberian penilaian yang lebih menyeluruh dapat dibuat terhadap pencapaian pelajar. Sistem ini juga memberi tekanan kepada penyertaan dalam kegiatan ko-kurikulum dan kursus-kursus elektif agar pelajar benar-benar aktif dan mendapat faedah daripada aktiviti-aktiviti yang terkandung di dalam kursus-kursus tersebut. Selain itu, sistem PMK ini dapat memberi amaran awal kepada pelajar-pelajar yang tidak mencapai prestasi yang memuaskan.

Berdasarkan sistem PMK setiap tahun akademik terbahagi kepada dua semester pengajian. Satu semester mengandungi 20 minggu pengajian. Di dalam setiap semester, pelajar akan mengambil beberapa kursus. Kursus-kursus di MRSM ini mempunyai kod yang tertentu. Umumnya 'kursus' kurikulum MRSM boleh ditakrifkan sebagai satu unit

⁴⁹ Tuan Haji Ruslan bin Abdul Syukur, *Seminar Kemahiran MARA tentang Intergrative Learning*, Bahagian Pelajaran Menengah, MARA, Kuala Lumpur, n.d.

pengajaran atau pelajaran yang mengandungi satu bidang pengetahuan yang tertentu atau beberapa modul dalam bidang pengetahuan itu.⁵⁰

Di bawah program akademik PMK, semua kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kursus wajib, elektif dan kursus ko-kurikulum. Walaubagaimanapun setelah program KBSM diperkenalkan, pengurusan dan pembahagian kurikulum MRSM juga berubah selaras dengan KBSM Kementerian Pendidikan. Justeru itu, kurikulum MRSM yang terbentuk meliputi kursus teras, kursus elektif, kursus khas dan kursus pembangunan sahsiah.⁵¹

Seterusnya dalam PMK, kursus-kursus yang ditawarkan pada sesuatu semester diberi jam kredit sebagai bebanan akademik untuk semester itu. Jam kredit boleh didefinisikan sebagai satu sela masa (45 minit) seminggu sama ada kelas teori atau amali selama 20 minggu tempoh pengajian per semester. Pemberian jam kredit kepada setiap kursus itu bergantung kepada bilangan perjumpaan (kelas) yang diadakan dalam sesuatu semester. Satu jam kredit khusus untuk 20 kali perjumpaan dalam semester berkenaan manakala dua jam kredit untuk 40 kali perjumpaan dan seterusnya. Contohnya kursus Bahasa Malaysia mengadakan empat perjumpaan seminggu atau 80 perjumpaan dalam satu semester jadi ia diberikan empat jam kredit ($4 \times 20 = 80$).⁵²

⁵⁰ Tanpa Pengarang, *Buku Panduan Guru...* hlm. 55

⁵¹ Perbincangan tentang setiap kursus akademik sebelum dan selepas program KBSM diperkenalkan telah dibincangkan sebelum ini di bawah tajuk kurikulum MRSM.

⁵² Tanpa Pengarang, *Buku Panduan Guru...* hlm. 60

Oleh itu pada akhir semester semua kursus akan dinilai dan diberi gred yang menunjukkan pencapaian setiap pelajar mengikut kursus-kursus yang telah diambil. Tiap-tiap gred yang digunakan diberi mata nilai seperti A- 4.0, B+ - 3.5, B - 3.0, C+ - 2.5, C- 2.0, D- 1.0 dan F - 0.0. Gred-gred ini hanya kepada kursus-kursus teras, elektif dan kursus khas MRSM. Kursus Ko-kurikulum dinilai sebagai lulus atau gagal sahaja dan ditandakan dengan L (Lulus) atau G (Gagal). Gred-gred ini diterima oleh pelajar setelah penilaian menyeluruh dibuat.

Ini bermakna ia tidak bergantung kepada peperiksaan akhir semester sahaja sebaliknya mengikut proses penilaian tertentu. Proses penilaian ini dapat dilihat dalam kursus teras dan elektif di mana peperiksaan semester mewakili 60 %, ujian bulanan mewakili 30% dan tugas serta kuiz mewakili 10 %. Justeru itu, taburan bagi gred pelajar bergantung kepada markah yang diperolehinya dalam sesuatu kursus. Jadual 3.8 di bawah menunjukkan taburan markah dan gred yang dilaksanakan di MRSM.

JADUAL 3.8 : Taburan Gred Bagi Pencapaian Kurikulum MRSM

Markah	Gred	Huraian Gred
90 - 100	A	Terbaik
80 - 90	B+	Kepujian
70 - 79	B	
60 - 69	C+	Lulus
50 - 59	C	
40 - 49	D	Lemah
0 - 39	F	Gagal

Sumber: Buku Panduan Guru, BPM, MARA

Justeru itu sehingga akhir semester semua gred yang dicapai oleh pelajar akan dicampurkan dan dibahagikan dengan jumlah jam kredit yang dikumpulkannya. Angka yang didapati daripada pengiraan inilah yang dipanggil purata markah keseluruhan atau PMK. Seterusnya himpunan purata markah keseluruhan (TPMK) pula kan dikira iaitu purata nilai pangkat dalam semua kursus yang telah diambil pelajar sejak memasuki MRSM. Ia adalah hasil jumlah nilai pangkat yang dikumpulkan daripada semester-semester yang lepas setelah dibahagi dengan jumlah kredit yang dibawa dari semester itu. TPMK inilah penentu kepada seseorang pelajar itu sama ada ia layak graduasi atau sebaliknya.

Oleh itu seperti yang dinyatakan dalam syarat graduasi MRSM, pelajar perlu mencapai TPMK tidak kurang dari 2.00. TPMK yang terbaik adalah 3.5 sehingga 4.00 di

mana pelajar yang memperolehi TPMK terbaik ini akan menerima Sijil Penghormatan Pengetua dan dimasukkan ke dalam “senarai kecemerlangan akademik”. Walau bagaimanapun bagi pelajar-pelajar yang gagal mencapai TPMK 2.00 pula akan disenaraikan dalam ‘meneruskan pengajian bersyarat’. Pelajar dalam senarai ini diberi masa satu semester untuk memperbaiki kedudukan dan mesti mencapai TPMK yang ditetapkan bagi mengelakkan tersingkir dari pengajian.⁵³

Sementara itu peperiksaan ulangan akan diadakan bagi pelajar yang gagal dalam sesuatu kursus biarpun memperolehi PMK melebihi 2.0 dan bagi pelajar yang mendapat D atau F dalam sesuatu kursus dengan TPMK kurang dari 2.0 pada semester berikutnya. Peperiksaan ini juga perlu diambil oleh pelajar yang mendapat pangkat “tidak selesai” (TS). Namun pelajar yang menduduki peperiksaan ulangan cuma berpeluang memperolehi setakat gred B sahaja sebagai gred tertinggi kecuali bagi pelajar gred TS sebelum itu. Gred asal pula akan dikekalkan sekiranya pelajar berkenaan memperolehi gred ulangan yang lebih rendah daripada gred asal.⁵⁴

3.9 Syarat Graduasi

Dalam PMK, graduasi adalah matlamat pengajian baik di peringkat menengah rendah mahupun menengah atas. Oleh itu melalui sistem PMK ini, syarat-syarat graduasi bagi kedua-dua program pengajian telah ditetapkan. Pelajar menengah rendah MRSM diwajibkan mendapat Timbunan Purata Nilai Gred (TPNG) tidak kurang daripada 2.0. Ia

⁵³ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1986/1987...*

⁵⁴ *Ibid*

juga mesti lulus sekurang-kurangnya 190 jam kredit daripada kursus teras dan tidak boleh gagal dalam subjek Bahasa Malaysia. Selain itu, ia wajib lulus semua kursus khas MRSM dan mesti mengambil bahagian dalam kursus Pembangunan Sahsia, iaitu setiap satu dalam kelab, persatuan, sukan dan permainan dan satu dalam unit badan beruniform mengikut tempoh yang telah ditetapkan.⁵⁵

Bagi pengajian menengah atas pula, pelajar-pelajar MRSM mesti mendapat TPNG tidak kurang daripada 2.0. Dalam kursus teras, pelajar-pelajar jurusan sains tulen dan sains gunaan mesti lulus 85 jam kredit manakala pelajar sains pengurusan pula mesti lulus 101 jam kredit tanpa gagal dalam Bahasa Malaysia. Manakala bagi kursus elektif pula, pelajar jurusan sains tulen dan sains gunaan ini mesti lulus sekurang-kurangnya 58 jam kredit dan pelajar sains pengurusan mesti lulus sekurang-kurangnya 43 jam kredit. Selain itu, pelajar-pelajar bagi pengajian menengah atas ini diwajibkan lulus semua kursus khas MRSM peringkat menengah atas yang telah ditawarkan iaitu kursus sains komputer, kemahiran berfikir, program keusahawanan, kursus perkembangan kerjaya, dan kursus kemahiran berkomunikasi. Di samping itu pelajar menengah atas yang tidak mengambil subjek pendidikan seni dalam SPM perlu menghadiri kelas kemahiran amalan belajar.

Dari aspek kurikulum perkembangan sahsiah pula, pelajar menengah atas ini perlu lulus 6 jam kredit dalam kursus-kursus tertentu. Ia mencakupi satu jam kredit bagi kelab

⁵⁵ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995...* hlm. 63

dan persatuan, satu jam kredit untuk sukan atau permainan dan empat jam kredit bagi unit badan beruniform.⁵⁶

3.10 Keistimewaan Perkhidmatan Di MRSM

MRSM mewujudkan pelbagai kemudahan kepada pelajar-pelajar selaras dengan konsep penubuhan MRSM dalam menggalakkan pelajar Melayu menceburi bidang sains. Oleh kerana tumpuan bagi pengambilan pelajar ke kawasan luar bandar dari keluarga berpendapatan rendah maka MARA berusaha mempelbagaikan kemudahan di MRSM termasuklah memberi bantuan kewangan. Bantuan kewangan ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan iaitu pelajar yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Bantuan kewangan yang diberikan oleh MRSM ialah pemberian wang yuran persekolahan dalam bentuk pengecualian pembayaran sebanyak RM 30 atau RM 15 bergantung kepada kemampuan pelajar itu sendiri. MRSM juga memberi bantuan wang saku kepada pelajar-pelajar sebanyak RM 25 sebulan.⁵⁷ Selain itu MRSM juga bertanggungjawab dalam membantu pelajar-pelajar dalam pembayaran yuran PMR/SRP dan SPM kepada pelajar yang tidak berkemampuan. Peruntukan bantuan kecemasan juga disediakan kepada pelajar yang ditimpa kemalangan dan terpaksa dimasukkan ke hospital.⁵⁸ Di samping itu MRSM juga menyediakan tambang perjalanan balik kampung dan pulang

⁵⁶ *Ibid*, hlm. 64

⁵⁷ Tanpa pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995...*

⁵⁸ *Ibid*

ke maktab. Peruntukan ini diberikan dua kali setahun iaitu pada cuti semester sama ada menaiki teksi, bas atau keretapi.⁵⁹

Seterusnya dalam memberi kemudahan kepada pelajarinya, MRSM menyediakan program-program lanjutan selepas SPM yang meliputi program melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara. Bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di dalam negeri, MARA menyediakan program pra-universiti (matrikulasi) bersama universiti-universiti tempatan. Ianya mencakupi matrikulasi sains UKM, USM, UPM dan matrikulasi UUM. Seterusnya pelajar boleh melanjutkan pelajaran di peringkat universiti di dalam negeri. Pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara pula, MARA menyediakan pusat-pusat persediaan pelajar dalam program GCE 'A Level' dan Program Baccalaureate (IB) yang kedua-duanya dijalankan di kolej MARA Banting. Selain itu Program American Associate Degree (ADD) yang dijalankan di Maktab Sains MARA Kuantan.⁶⁰

Di samping itu, MRSM juga menyediakan kemudahan perkhidmatan dalam memberi sokongan kepada pelajar agar terus cemerlang dalam pelajaran dan seimbang dengan keperibadian dan akhlak. Dalam konteks ini Unit Perkhidmatan Kaunseling ditubuhkan yang diketuai oleh seorang kaunselor pelajar yang berkeelayakan. Unit ini menyediakan perkhidmatan dalam membimbing pelajar mengenai masalah peribadi pelajar, pekerjaan, perkembangan diri dan perkembangan kerjaya.⁶¹ Perkhidmatan ini diberi

⁵⁹ *Ibid*

⁶⁰ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995...*

⁶¹ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1986/1987...*

dengan menggunakan cara-cara yang sistematik dan profesional yang terdapat dalam konsep-konsep dan matlamat bimbingan dan rundingan bagi menolong seseorang pelajar dalam proses menyesuaikan diri pada situasi-situasi sekitarnya supaya ia boleh memahami perlakuan dan potensi sendiri.⁶²

Pada awalnya penubuhan MRSM, unit ini dikenali sebagai Counseling Services Unit (CSU), kemudiannya dikenali sebagai Unit Bimbingan Pelajar dan kini telah ditukar kepada Unit Perkhidmatan kaunseling (UPK). Semanjak 1980, setiap MRSM mempunyai kainselor khas hasil usaha MARA menaja pelajarannya untuk dilatih sebagai kaunselor MRSM.

Selain itu di dalam menyeimbangkan perkembangan jasmani, rohani dan intelektual di kalangan pelajar, MRSM menubuhkan beberapa badan yang menjalankan aktiviti yang bertujuan memberi kemudahan kepada pelajar MRSM. Keluarga pelajar atau Homeroom adalah salah satu bentuk kemudahan yang wujud di MRSM. Ia diwujudkan bersama-sama dengan kelahiran MRSM sulung Seremban pada tahun 1972 yang menyerupai konsep sistem persekolahan di Amerika Syarikat yang memberi penekanan kepada pendidikan 'Child-Centered'.⁶³ Pada umumnya Keluarga Pelajar ini dapat didefinisikan sebagai,

⁶² Tanpa Pengarang, Unit Perancang Mara, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, hlm. 11

⁶³ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995...*

“Sekumpulan pelajar-pelajar sebaya yang menjalani hidup bersama dalam suasana persaudaraan dengan seorang guru penasihat yang berfungsi sebagai pembimbing dan penjaga dalam ruang dan waktu yang tidak terbatas”⁶⁴

Pembentukan keluarga pelajar dalam satu-satu kumpulan tidak melebihi 15 orang daripada pelajar lelaki dan perempuan sebaya. Setiap keluarga pelajar mempunyai seorang guru penasihat yang dilantik oleh pihak maktab. Guru penasihat ini bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan dengan pelajar-pelajar di bawahnya dan memberikan bimbingan tertentu dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti keluarga pelajar.⁶⁵

Seterusnya perkhidmatan di MRSM yang diwujudkan adalah Badan Wakil Pelajar, Pembimbing Rakan Sebaya, Lembaga Displin Pelajar, Ahli Lembaga Pengarah & Jawatan Kuasa Kecil Koperasi dan Pengawas Pusat Sumber. Semua perkhidmatan ini dilaksanakan oleh pelajar sendiri melalui perlantikan oleh guru. Pelajar-pelajar yang dipilih mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam menjalankan tugas yang diamanahkan demi kebajikan pelajar terjamin.

Selain itu dari aspek persekolahan pula MRSM menyediakan kemudahan seperti mengamalkan ‘floating class’ untuk pemelajaran formal. Kelas-kelas sains dilaksanakan di dalam makmal. Setiap MRSM pula mempunyai makmal komputer dan pusat sumber sebagai usaha menggalakkan pelajar membuat rujukan.

⁶⁴ *Ibid*

⁶⁵ Tanpa Pengarang, *Data bank*, Unit Perancang MARA, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, n.d, hlm. 5

Sementara itu dari dari aspek penginapan pula, MRSM mewajibkan pelajarinya tinggal di asrama. Oleh itu MRSM telah menyediakan kemudahan asrama semaksima yang boleh khusus untuk keselesaan pelajarinya. Keadaan ini dapat dilihat dalam sistem 'privacy' yang diberikan di MRSM dengan menyediakan satu bilik untuk dua orang pelajar sahaja. Ia berbeza dengan sistem asrama sekolah harian dan asrama penuh yang mengamalkan sistem 'dormitory'.

Selain itu kemudahan pengangkutan seperti bas dan van disediakan di setiap MRSM. Pengurusan dan perkhidmatan pengangkutan ini di bawah kendalian Pentadbiran Maktab.⁶⁶ Sebenarnya terdapat pelbagai lagi kemudahan di MRSM bagi keselesaan penghuninya. Walau bagaimanapun pada umumnya MARA masih mempergiatkan lagi usaha melengkapkan kemudahan MRSM terutama bagi yang baru dibina.

3.11 Kesimpulan

Pengisian MRSM dari aspek kurikulum dan kokurikulum ini adalah satu intipati kejayaan MRSM sehingga kini. Pelbagai kandungan kurikulum dan kokurikulum yang disediakan dan terbukti keberkesannya dalam memupuk pelajar yang cintakan ilmu pengetahuan terutama dalam meningkatkan prestasi ilmu sains di kalangan para pelajarinya. MRSM juga sentiasa memperbaiki sistem pendidikannya agar bersesuaian dengan matlamat penubuhannya dan selaras dengan kehendak negara. Justeru itu MRSM dijangkakan boleh mencapai status sekolah bertaraf dunia.

⁶⁶ Tanpa Pengarang, *Prospektus MRSM 1994/1995...*

BAB EMPAT

ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN MRSM

4.1 Pengenalan

Bab empat ini akan menganalisis keputusan peperiksaan Sijil Rendah Malaysia (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) MRSM semenjak bermulanya peperiksaan Low Certificate Education (LCE) dan Middle Certificate Education (MCE) pertama sehinggalah kerajaan mewajibkan pelajar-pelajar di seluruh negara mengambil peperiksaan SRP dan SPM sahaja. Ini bermakna peperiksaan LCE dan MCE telah dihapuskan sama sekali. Kemudian pada tahun 1993, peperiksaan SRP pula digantikan dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Analisis ini dibuat berdasarkan pencapaian keseluruhan pelajar di semua MRSM yang mencakupi pencapaian agregit terbaik bagi LCE/SRP dan pangkat terbaik bagi MCE/SPM. Selepas peperiksaan LCE pertama di MRSM, analisis SRP dibuat mengikut turutan sepuluh tahun iaitu SRP 1980, SRP 1990 dan SRP terkini pada tahun 1996. Analisis SPM pula dibuat dengan dimulai pada analisis MCE pertama MRSM dan diikuti dengan analisis SPM 1980, 1990 dan SPM terkini pada 1996. Pada umumnya analisis ini dibuat dengan melihat perbandingan dalam peningkatan dan penurunan mengikut tahun dalam pencapaian agregat, gred, matapelajaran dan pencapaian 'distinction'. Secara umumnya analisis keputusan peperiksaan ini menekankan peningkatan matapelajaran sains dan matematik di samping subjek lain selaras dengan matlamat untuk mendapat jumlah 'distinction' tertinggi di semua MRSM. Justeru itu, daripada analisis ini didapati ada peningkatan pelajaran bagi pelajar MRSM kerana peratus kelulusan peperiksaan PMR dan

SPM dari setahun ke setahun semakin meningkat dan buat pertama kalinya dalam sejarah MRSM dalam PMR dan SPM 1996 yang lalu terdapat pelajar yang telah mencapai 9A dalam PMR termasuk matapelajaran Bahasa Arab dan 10A1 dalam SPM.

4.2 Analisis Peperiksaan LCE Pertama Di MRSM

Pengambilan pelajar tingkatan satu seramai 150 orang untuk tingkatan satu pada tahun 1972 di MRSM Seremban tetapi hanya 148 orang saja yang dapat meneruskan pelajaran sehingga ke tingkatan tiga dan menduduki serta lulus peperiksaan LCE dengan pangkat A pada tahun 1974.¹ Pada tahun-tahun berikutnya tidak berlaku lagi keciciran pelajar dalam menduduki LCE/SRP sehingga tahun 1977 dimana pada tahun 1975 seramai 244 orang jumlah calon LCE dan 115 orang calon SRP telah lulus 100% dengan pangkat A manakala 275 orang calon LCE dan 103 orang calon SRP pada tahun 1976 juga telah lulus dengan pangkat A. Begitu juga dengan 302 orang calon LCE dan 75 orang calon SRP pada tahun 1977 yang mengambil peperiksaan telah lulus 100 % dengan pangkat A.² Jadual 4.1 di bawah akan menunjukkan kelulusan 100 % peperiksaan LCE dan SRP pada tahun 1974 hingga tahun 1979.

¹ Laporan yang ditulis hanya menyatakan dua orang pelajar telah tercicir daripada meneruskan pengajian tetapi tidak dinyatakan sebab keciciran pelajar itu berlaku.

² Tanpa Pengarang, *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP: Sekolah Menengah Sains dan Kelas Rancangan Khas*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 108

Jadual 4.1 : Keputusan peperiksaan LCE/SRP pada tahun 1974 hingga 1979

Tahun	LCE		SRP	
	Peperiksaan Jumlah Calon	Lulus dengan pangkat A	Peperiksaan Jumlah Calon	Lulus dengan pangkat A
1974	148	148	-	-
1975	244	244	115	115
1976	275	275	103	103
1977	302	302	75	75
1978	-	-	313	313
1979	-	-	499	499

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah

Semenjak tahun 1978, peperiksaan LCE di Semenanjung Malaysia telah dimansuhkan. Justeru itu semua pelajar tingkatan tiga di sekolah-sekolah bantuan dan MRSM dikehendaki menduduki peperiksaan SRP. Walau bagaimanapun MRSM berjaya mengekalkan 100% kelulusan pangkat A ini sehingga memberangsangkan lagi MRSM untuk menambahkan lagi bilangan pelajar di setiap MRSM dan menambahkan bilangan MRSM itu sendiri.³

4.3 Analisis Peperiksaan SRP 1980

Pada tahun 1980, seramai 614 orang pelajar dari empat buah MRSM yang mencakupi 148 orang daripada MRSM Kota Bharu, 151 orang daripada MRSM Kuantan, 157 daripada Kulim dan 158 orang daripada MRSM Kuala Terengganu telah menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia. Keputusannya amat membanggakan kerana semua calon

³ *Ibid*, hlm. 108

peperiksaan itu telah lulus dengan pangkat A.⁴ Agregat terbaik dalam peperiksaan kali ini adalah 5 agregat dan MRSM Kuantan telah mencapai peratusan tertinggi iaitu 19.9% manakala agregat terendah ialah 22 yang terdapat di MRSM Kota Bharu.⁵ Agregat keputusan peperiksaan bagi 4 buah MRSM ini dapat dilihat dalam jadual 4.2 di sebelah;

Hak Milik MARA

⁴ Tanpa Pengarang, *Analisa Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia tahun 1990 bagi MRSM*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 1

⁵ *Ibid*, hlm. 2

Jadual 4.2 : Keputusan peperiksaan SRP di MRSM Kota Bharu, Kuantan, Kulim dan Kuala Terengganu mengikut agregat.

Agregat	Kota Bharu		Kuantan		Kulim		Kuala Terengganu		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
5	9	6.1	30	19.9	20	12.4	13	8.2	72	11.7
6	21	14.2	20	13.2	13	8.3	23	14.6	77	12.5
7	19	12.8	29	19.2	35	22.3	31	19.6	114	18.6
8	17	11.5	20	13.2	24	15.3	24	15.2	85	13.8
9	12	8.1	19	12.6	12	7.6	26	16.5	69	11.2
10	12	8.1	11	7.3	16	10.2	13	8.2	52	8.5
11	10	6.8	9	6.0	14	8.9	15	9.5	48	7.8
12	18	12.2	4	2.6	6	3.8	4	2.5	32	5.2
13	11	7.4	4	2.6	6	3.8	2	1.3	23	3.7
14	3	2.0	1	0.7	4	2.5	2	1.3	10	1.6
15	5	3.4	1	0.7	1	0.6	3	1.9	13	2.1
16	1	0.7	1	0.7	1	0.6	1	0.6	4	0.7
17	3	2.0	2	1.3	1	0.6	1	0.6	7	1.1
18	1	0.7	-	-	-	0.6	-	-	2	0.3
19	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
20	3	2.0	-	-	-	-	-	-	3	0.5
21	2	1.4	-	-	-	-	-	-	2	0.3
22	1	0.7	-	-	-	-	-	-	1	0.2
Jumlah	148	100	151	100	157	100	158	100	614	100

Sumber: Analisa Peperiksaan SRP 1980, Bahagian Pelajaran Menengah, MARA

MRSM Kuantan juga telah mendapat peratus yang tertinggi di dalam 'range' agregat 5-10, iaitu seramai 151 orang yang mengambil peperiksaan bagi tahun tersebut, 29 orang daripadanya mendapat agregat antara 5-10 dengan 85.4%.⁶ ia dapat dirujuk dalam jadual 4.3 di bawah;

Jadual 4.3 : Agregat mengikut range bagi peperiksaan SRP 1980

Agregat (Range)	Kota Bharu		Kuantan		Kulim		K. Terengganu		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
5-10	90	60.8	129	85.4	120	76.4	130	82.3	469	76.4
5-15	137	92.6	148	98.0	154	98.1	156	98.7	595	96.9
5-20	145	98.0	151	100	157	100	158	100	611	99.5
5 ke atas	148	100							614	100

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Pencapaian bagi SRP 1980 mengikut agregat adalah lebih baik daripada peperiksaan SRP pada tahun 1979.

Analisis dari aspek pencapaian 'distinction' memperlihatkan MRSM Kuala Terengganu dan MRSM Kota Bharu mendahului MRSM Kulim dan Kuantan kerana seramai tiga orang telah mendapat lapan 'distinction'. 7 'distinction' pula terdapat di MRSM Kuantan dengan 21.9%. Jadual 4.4 di bawah menunjukkan bilangan 'distinction' secara keseluruhan.⁷

⁶ *Ibid*, hlm. 2

⁷ *Ibid*, hlm. 4

Jadual 4.4 : Jumlah 'distinction' yang diperolehi pelajar di empat buah MRSM

Distinction	Kota Bharu		Kuantan		Kulim		K. Trg		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
8	1	0.7	-	-	-	-	2	1.3	3	0.5
7	14	19.5	33	21.9	32	20.4	19	12.0	98	16.0
6	26	17.6	45	29.8	36	22.9	43	27.2	150	24.4
5	27	18.2	26	17.2	33	21.0	43	27.2	129	21.0
4	20	13.5	26	17.2	22	14.0	22	13.9	90	14.7
3	18	12.2	13	8.6	12	7.6	18	11.4	6	9.9
2	18	12.2	6	4.0	12	7.6	7	4.4	43	7.0
1	18	12.2	2	1.3	8	5.1	2	1.3	30	4.9
0	64.1	4.1	0	0	2	1.3	2	1.3	10	1.6
Jumlah	148	100	151	100	157	100	158	100	614	100

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA.

Merujuk kepada jadual di atas boleh dikatakan MRSM Kota Bharu mencapai peratus tertinggi bagi 5 'distinction' dengan 18.2%. MRSM Kuantan dan Kulim pula memperolehi 6 'distinction' atau 29.85 sebagai 'distinction' tertinggi manakala 'distinction' tertinggi MRSM Kuala Terengganu adalah 6 dan 5 dengan jumlah peratus sebanyak mendapat 27.2%. Secara keseluruhannya 'distinction' 6 mencapai peratus tertinggi yang telah dicapai bagi keseluruhan MRSM dengan 24.4%.⁸ Bilangan 'distinction' bagi SRP 1980 adalah lebih baik daripada SRP 1979. Ini berikutan walaupun pada tahun 1979

⁸ *Ibid*, hlm. 5

seramai 2 orang telah mencapai 8 'distinction' berbanding seorang pada tahun 1980 tetapi 'distinction' 5, 6, dan 7 telah bertambah. Selain itu analisis daripada aspek matapelajaran mengikut 'distinction' memperlihatkan peringkat matapelajaran di semua MRSM yang mengambil peperiksaan SRP 1980. Ia boleh dilihat dalam jadual 4.5 di bawah;

Jadual 4.5 : Peratus terbaik dalam setiap matapelajaran yang mencapai 'distinction' mengikut MRSM.

Matapelajaran	Kota Bharu		Kuantan		Kulim		K. Trg		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
B. Malaysia	100	20.3	135	27.4	126	25.6	132	26.8	493	100
B. Inggeris	80	20.3	108	27.3	114	28.9	93	23.5	395	100
Sejarah	72	19.6	91	24.8	80	21.8	124	33.8	367	100
Ilmu Alam	78	19.8	116	29.5	104	26.5	95	24.2	393	100
Ilmu Hisab	118	22.6	135	25.8	128	24.5	142	27.2	523	100
S. Paduan	109	21.8	127	25.5	133	26.7	130	26.1	499	100
Ugama	25	11.7	72	33.6	66	30.8	51	23.8	214	100
Lukisan	7	20.6	-	-	13	38.2	14	41.2	34	100

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah

Daripada jadual di atas di dapati peratus terbaik dalam setiap matapelajaran yang mencapai distinction mengikut MRSM adalah seperti berikut:

Bahasa Malaysia	- 27.4%	- MRSM	Kuantan
Bahasa Inggeris	- 28.95	- MRSM	Kulim
Sejarah	- 33.8%	- MRSM	Kuala Terengganu
Ilmu Alam	- 29.5%	- MRSM	Kuantan
Ilmu Hisab	- 27.2%	- MRSM	Kuala Terengganu
Sains Paduan	- 26.7%	- MRSM	Kulim
Ugama	- 33.6%	- MRSM	Kuantan
Lukisan	- 41.2%	-MRSM	Kuala Terengganu ⁹

Secara keseluruhannya matapelajaran matematik dan sains paduan mencapai jumlah kelulusan dan 'distinction' yang membanggakan. Seramai 343 orang telah lulus dengan gred A1 dan 50 orang mendapat A2. Bagi matapelajaran sains paduan pula seramai 272 orang mendapat A1 dan 227 orang mendapat A2. Tidak ada pelajar yang gagal dalam kedua-dua matapelajaran ini dan gred terendah yang diperolehi bagi matapelajaran matematik ialah P7 iaitu seramai 2 orang manakala matapelajaran sains paduan ialah C6 tetapi cuma seorang saja. Jelasnya semua MRSM ini telah mencapai peratus 'distinction' yang tinggi bagi matapelajaran Ilmu Hisab /Matematik iaitu sebanyak 85.2% telah dapat di capai. Dibawah ini dapat dijelaskan 'ranking' peratusan 'distinction' matapelajaran yang tertinggi hingga minima.¹⁰

⁹ *Ibid*, hlm.8

¹⁰ *Ibid*, hlm.10

Ilmu hisab	85.2	%,
Sains Paduan	81.35	%,
Bahasa Malaysia	80.3	%,
Bahasa Inggeris	64.3	%,
Ilmu Alam	64.0	%,
Sejarah	59.6	%,
Ugama	36	%
Lukisan	30.9	%. ¹¹

4.4 Analisis SRP 1990

Tahun 1990 merupakan peperiksaan SRP kali ke-16 MRSM yang berlangsung di tujuh buah MRSM iaitu MRSM Terendak, Taiping, Muar, Jelebu, Balik Pulau, Pasir Tumbuh, dan MRSM Kerteh. Seramai 989 orang pelajar dari 7 buah MRSM telah menduduki peperiksaan kali ini dan berjaya lulus dengan 100% pangkat A.

Pencapaian SRP tahun 1990 adalah memuaskan kerana berlaku beberapa peningkatan berbanding peperiksaan SRP tahun 1989. Keadaan ini dapat di lihat daripada 989 calon yang mengambil peperiksaan itu, 193 orang pelajar atau 19.5% telah mendapat 8A. Peningkatan ini berlaku sebanyak 2.0% dari tahun lepas dan 191 orang pelajar atau 19.3% telah mendapat 7A. Peningkatan peratus pelajar yang mendapat peratus 7A tahun ini berbanding tahun 1989 adalah sebanyak 2.1% manakala seramai 160 orang atau 16.2% telah mendapat 6A, dan ini bermakna sebanyak 0.6% meningkat daripada tahun 1989.¹²

¹¹ *Ibid*, hlm.10

¹² Tanpa Pengarang, *Keputusan Peperiksaan SRP 1990*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur, 1991, hlm. 1

Walaupun bilangan calon yang mengambil peperiksaan pada tahun 1990 jauh lebih sedikit berbanding lima tahun sebelumnya, namun kualiti pencapaian agregat calon didapati jauh lebih baik. Situasi ini dapat dilihat apabila terdapat 47 orang pelajar yang mendapat 8A1 dan 54 orang pelajar mendapat 7A1. Pencapaian bagi pelajar yang mendapat agregat 5 juga memuaskan iaitu seramai 313 orang atau 31.7% telah berjaya memperolehi agregat 5 tersebut. MRSM Pasur Tumbuh telah mencatat pencapaian bilangan 5 agregat paling tinggi dengan 79 orang pelajar atau 48.5% dan diikuti oleh MRSM Jelebu, 35.3% serta MRSM Taiping dengan jumlah 33.3%.¹³ Perbandingan prestasi pencapaian gred terbaik calon SRP tahun 1990 dalam peratus boleh dilihat dalam jadual 4.6 di bawah;

Jadual 4.6: Perbandingan pencapaian gred terbaik SRP 1990

Tahun	1986	1987	1988	1989	1990
Jumlah calon	1457	1386	1066	1343	989
8A	8.7	18.6	14.5	17.9	19.50
7A	13.9	18.2	16.0	17.2	19.30
6A	13.0	17.1	14.8	15.6	16.20
5A	16.5	14.1	13.3	12.0	13.30
4A	13.6	10.8	13.4	13.9	11.40
3A	13.1	9.1	10.0	10.0	9.80
2A	11.2	6.6	9.2	7.3	6.00
1A	6.2	3.2	6.9	4.8	3.10
0A	3.8	2.2	1.9	1.4	1.30

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

¹³ *Ibid*, hlm. 1

Analisis dari aspek matapelajaran juga memperlihatkan keputusan yang baik. MRSM Pasir Tumbuh telah mencapai keputusan A1 dan A2 yang paling tinggi bagi matapelajaran Matematik iaitu 92.0% dan Sains Paduan 85.9%, Geografi 89.6%, Pengetahuan Agama Islam 70.4% dan Perdagangan 49.7%. MRSM Kerteh pula telah mencapai keputusan terbaik A1 dan A2 dalam subjek Bahasa Malaysia dengan 92.4% manakala MRSM terendak dalam Bahasa Inggeris 59.8% dan MRSM Balik Pulau mendapat pencapaian paling baik dalam subjek sejarah 88.3%.¹⁴ Selaras dengan objektif kurikulum MRSM dalam mencapai keputusan yang cemerlang dalam subjek Matematik dan Sains, di bawah ini disediakan pencapaian subjek Sains Paduan dan Matematik SRP 1990 bagi tujuh buah MRSM mengikut gred A1-P8.

Jadual 4.7 : i) Pencapaian gred bagi subjek Matematik mengikut MRSM

Gred	Terendak	Taiping	Muar	Jelebu	B.Pulau	P.Tumbuh	Kerteh	Jumlah
A1	37.8	45.6	66.4	41.2	60.0	84.7	48.2	55.8
A2	22.6	19.0	13.1	35.3	18.3	7.4	22.8	18.2
C3	22.6	12.9	12.4	11.8	12.5	4.3	15.2	13.4
C4	5.5	6.1		2.9	1.7		3.6	2.9
C5	4.3	3.4	2.9	5.9	4.2	1.2	2.7	3.1
C6	3.0	7.5	3.6	2.9	2.5	2.5	4.9	4.0
P7	3.7	5.4	1.5		.8		1.8	2.1
P8	.6						0.9	0.3
Jumlah Calon	164	147	137	34	120	163	224	989

¹⁴ *Ibid*, hlm. 1

ii) Pencapaian gred bagi subjek Sains Paduan mengikut MRSM

Gred	Terendak	Taiping	Muar	Jelevu	B.Pulau	P.Tumboh	Kerteh	Jumlah
A1	36.6	42.2	42.3	50.0	30.8	66.3	36.2	42.8
A2	37.8	26.5	22.6	17.6	40.0	19.6	31.3	29.1
C3	20.7	23.1	22.6	29.4	23.3	12.9	24.1	21.4
C4	3.0	5.4	6.6		1.7	.6	4.5	3.5
C5	1.2	1.4	2.2	2.9	2.5	.6	2.7	1.8
C6	.6	1.4	3.6				1.3	1.1
P7					.8			.1
P8					.8			.1
Jumlah Calon	164	147	137	34	120	163	224	989

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

4.5 Analisis PMR 1996

Semenjak tahun 1993, format peperiksaan SRP telah ditukar kepada format peperiksaan baru yang di panggil Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ini bermakna peperiksaan pada tahun 1996, seramai 942 orang pelajar dari 7 buah MRSM telah mengambil peperiksaan tersebut. Ianya adalah MRSM Pasir Tumbuh, Gerik, PDRM Kulim, Kuala Kelawang, Kuching, Terendak dan MRYT- Besut telah menduduki peperiksaan tahun ini serta telah mencapai kelulusan 100%.¹⁵ Seramai 7 daripada 942 calon atau 4.8% telah mendapat 9A (termasuk Bahasa Arab) dan 318 orang pelajar atau 33.8% telah berjaya mendapat 8A dibandingkan dengan 19.4% tahun lepas seperti pecahan jadual 4.8 berikut:

¹⁵ Tanpa Pengarang, *Analisis Keputusan Peperiksaan PMR 1996 MRSM*, Unit Ujian, Bahagian Pelajaran menengah, Ibu Pejabat MARA, 1996, Kuala Lumpur.

Jadual 4.8 : Pencapaian pelajar yang mendapat 8A dalam peperiksaan PMR 1996

MRSM	1996		1995	1996/1995
	Bilangan	Peratus	Peratus	Peratus
Gerik	50	34.7	17.0	+17.7
Terendak	63	43.2	9.6	+33.6
K.Klawang	30	24.4	20.8	+3.6
Pasir Tumboh	50	36.0	25.9	+10.1
PDRM Kulim	35	24.1	23.2	+0.9
Kuching	29	28.7	-	-
MRYT-Besut	61	42.4	-	-
Keseluruhan	318	33.8	19.4	+14.4

Sumber : Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Pada tahun ini seramai 32 orang pelajar dari MRSM Terendak telah mengambil 9 subjek termasuk Bahasa Arab. Daripada jumlah ini seramai 7 orang pelajar telah berjaya mendapat 9A. Peratus pelajar yang mendapat 8A tahun ini adalah yang terbaik sejak PMR bermula pada tahun 1993. Seramai 274 orang pelajar atau 29.1% telah mendapat 7A berbanding dengan 20.9% pada tahun lepas dan 130 orang pelajar atau 13.8% telah mendapat 6A berbanding dengan 17.0% tahun lepas. Terdapat peningkatan dalam pencapaian gred A dalam semua subjek. Peningkatan terbaik ialah bagi subjek sains (18.6%), Bahasa Inggeris (13.8%) dan Pendidikan Islam (13.4%). Tiga subjek terbaik dari segi bilangan gred A adalah Bahasa Melayu (91.5%), Kemahiran Hidup (91.1%) dan Matematik (89.1%).¹⁶ Jadual 4.9 di sebelah menunjukkan perbandingan subjek mengikut gred dalam PMR 1996.

¹⁶ *Ibid*

Jadual 4.9 : Perbandingan subjek mengikut Gred A

Subjek	1996	1995	1996/1995
	Peratus	Peratus	+/-
B. Melayu	91.5	78.9	+12.6
C. Inggeris	66.6	52.8	+13.8
Matematik	89.1	76.4	+12.7
Sains	79.3	60.7	+18.6
Sejarah	80.9	68.8	+12.1
Geografi	81.7	73.2	+8.5
Kem. Hidup	91.1	82.6	+8.5
Pend. Islam	70.8	57.4	+13.4

Sumber: Bahagian Pelajar Menengah MARA

Pada keseluruhan pencapaian PMR tahun ini telah meningkat dari segi peratus pelajar yang mendapat 8A dan pencapaian Gred A bagi semua subjek.

4.6 Analisis Peperiksaan MCE Pertama

Pencapaian bagi peperiksaan MCE pertama MRSM menyaksikan keputusan yang membanggakan telah diperolehi. Ini berikutan seramai 148 orang pelajar yang mengambil peperiksaan MCE pada 1976, kesemuanya telah lulus dengan jumlah pelajar yang berjaya dengan pangkat 1 berjumlah 109 orang atau 73.6%, pangkat 2, 30 orang dengan 20.3% dan pangkat 3 seramai 9 orang atau 6.1%. Tidak ada yang mendapat Sijil Am Pelajaran (SAP) dalam tahun ini. Keputusan yang memberangsangkan ini berterusan sehingga tahun 1979 dengan jumlah pangkat 1 yang tinggi. Walau bagaimanapun pada tahun 1978 dan

1979, 2 orang pelajar mendapat SAP dalam peperiksaan MCE.¹⁷ Jadual pencapaian pelajar-pelajar MRSM dalam peperiksaan MCE pada tahun 1976-1979 dapat dilihat seperti dalam jadual 4.10 di bawah;

Jadual 4.10 : Pencapaian pelajar-pelajar MRSM dalam peperiksaan MCE 1976-1979

Pangkat	1976	1977	1978	1979
Satu	109 (73.6)	165 (68.5)	235 (86.7)	259 (82.2)
Dua	30 (20.3)	57 (23.6)	27 (10.0)	47 (14.9)
Tiga	9 (6.1)	19 (7.9)	7 (2.6)	7 (2.2)
SAP	-	-	2 (0.7)	2 (0.6)
Jumlah	148	241	271	315

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA

Sebenarnya pada tahun 1977 juga terdapat pelajar MRSM yang menjadi calon SPM. Namun jumlahnya adalah lebih kecil. Walau bagaimanapun dari aspek kelulusan mengikut pangkat 1, 2 dan 3, jumlah pelajar yang berjaya dalam peperiksaan ini sangat menggalakkan. Seramai 111 orang telah menduduki SPM pertama di MRSM pada tahun 1977 dan seramai 52 orang telah lulus dengan pangkat 1, 43 orang dalam pangkat 2 dan 14 orang dengan pangkat 3. Dua orang telah mendapat SAP. Sehingga tahun 1979, pelajar MRSM yang menduduki SPM berjaya mengekalkan jumlah dan peratus kelulusan pelajar mengikut pangkat dan tidak ada seorang pun yang mendapat SAP mahupun gagal.¹⁸ Ini menunjukkan peningkatan dalam pelajaran bagi pelajar-pelajar MRSM dari setahun ke setahun.

¹⁷ Tanpa Pengarang, *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP...* hlm. 108

¹⁸ *Ibid*, hlm. 110

Peperiksaan MCE juga telah dimansuhkan iaitu pada tahun 1979, ini bermakna pelajar SPM cuma sempat mengambil peperiksaan MCE daripada tahun 1976-1979 sahaja. Peperiksaan SPM pula telah diambil daripada tahun 1977 dan pada tahun 1980 semua pelajar tingkatan 5 MRSM diwajibkan mengambil peperiksaan SPM sahaja.

4.7 Analisis Peperiksaan SPM 1980

Bagi peperiksaan SPM 1980 pula, MRSM yang terlibat adalah MRSM Kota Bharu, Seremban dan Kuantan. Seramai 308 orang pelajar telah menduduki peperiksaan, dan mendapat kelulusan 100%. Daripada jumlah tersebut 146 orang calon daripada MRSM Kota Bharu, 50 orang daripada MRSM Seremban dan 112 orang daripada MRSM Kuantan.¹⁹ Calon yang mendapat pangkat 1 berjumlah 75.3%, pangkat 2 berjumlah 22.4%, dan pangkat 3 berjumlah 2.3%. Bilangan pelajar yang mendapat pangkat 1 di MRSM Kota Bharu berjumlah 108 orang, MRSM Seremban dan Kuantan 93 orang. Keseluruhan jumlahnya adalah 232 orang atau 75.3%. Pelajar yang mendapat pangkat 2 berjumlah 33 orang di MRSM Kota Bharu, 18 orang di MRSM Seremban dan Kuantan. Ini bermakna 69 orang telah mendapat pangkat 2 atau 22.4%. Manakala pangkat 3, cuma 5 orang saja yang memperolehnya di MRSM Kota Bharu, seorang di Seremban, dan seorang lagi di MRSM Kuantan. Jumlah keseluruhan bagi pelajar yang mendapat pangkat 3 seramai 7 orang dengan 2.3% saja.²⁰ Seterusnya jika dilihat daripada pencapaian agregat, sebanyak 4.5% saja daripada calon SPM tahun ini yang mendapat 5-9 agregat.²¹ Agregat tertinggi

¹⁹ Tanpa Pengarang, *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP...* hlm. 110

²⁰ Tanpa Pengarang, *Analisa Keputusan Peperiksaan SPM 1980: MRSM Kota Bharu, Seremban, dan Kuantan*, Bahagian Pelajaran Menengah MARA, Ibu Pejabat MARA, 1981, Kuala Lumpur, hlm. 1

²¹ Tanpa Pengarang, *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP...* hlm. 111

yang dicapai adalah antara 15-19 iaitu sebanyak 34.4%. Manakala agregat yang melebihi 34 sebanyak 1.7% saja. Di MRSM Kota Bharu seramai empat orang telah mendapat agregat 5-9, tiga orang di MRSM Seremban manakala 7 orang di MRSM Kuantan.²² Di bawah ini, disediakan jadual 4.11 menunjukkan pencapaian pelajar yang mengambil peperiksaan SPM mengikut kumpulan agregat.

Jadual 4.11 : Pencapaian SPM mengikut kumpulan agregat

Agregat	Kota Bharu		Seremban		Kuantan		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
06 - 09	4	2.7	3	6.0	7	6.3	14	4.5
10 - 14	31	21.3	13	26.0	21	18.8	65	21.1
15 - 19	50	34.3	15	30.0	41	36.6	106	34.4
20 - 24	26	17.8	8	16.0	25	22.3	59	19.2
25 - 29	26	17.8	8	16.0	14	12.5	48	13.6
30 - 34	5	3.4	2	4.0	4	3.6	11	3.6
35 & lebih	4	2.8	1	2.0	-	-	5	1.6
Jumlah	146	100.0	50	100.0	112	100.0	308	100.0

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Seterusnya, analisa ini juga dapat memperlihatkan keputusan peperiksaan mengikut matapelajaran. Berdasarkan jadual 4.12 ini peratus 'distinction' yang tertinggi mengikut matapelajaran adalah seperti berikut;

²² Tanpa Pengarang, *Analisa Keputusan Peperiksaan SPM 1980: MRSM Kota Bharu*....hlm. 3

Jadual 4.12 : Peratus pencapaian 'distinction' tertinggi MRSM mengikut matapelajaran

Matapelajaran	MRSM	% Distinction
Bahasa Inggeris	Kuantan	24.1
Bahasa Inggeris	Kuantan	45.5
Ugama	Seremban	34.0
Ilmu Alam	Seremban	18.4
Hisab Moden	Kota Bharu	19.2
Hisab Tambahan	Kota Bharu	60.3
Fizik	Seremban	32.0
Kimia	Kuantan	12.5
Kajihayat	Seremban	10.0

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Berdasarkan jadual 4.12 ini MRSM Seremban telah mencapai peratus 'distinction' yang tertinggi dalam empat matapelajaran iaitu Ugama, Ilmu Alam, fizik dan Kajihayat. MRSM Kuantan pula mencapai peratus 'distinction' dalam tiga matapelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Kimia. Manakala MRSM Kota Bharu mendahului dalam matapelajaran Ilmu Hisab dan Hisab Tambahan.²³ Di dalam jadual 4.13 dibawah akan memperlihatkan pencapaian bagi keseluruhan matapelajaran dalam gred terbaik (distinction), kepujian, lulus dan gagal dengan lebih jelas.

²³ *Ibid*, hlm. 5

Jadual 4.13 : Pencapaian bagi keseluruhan matapelajaran dalam gred terbaik, kepujian, lulus dan gagal

Matapelajaran	Jumlah	Terbaik		Kepujian		Lulus		Gagal	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
B. Malaysia	308	66	21.4	220	71.4	22	7.2	-	-
B. Inggeris	308	104	33.8	190	61.7	14	4.5	-	-
Ugama Islam	281	69	24.6	156	55.5	55	19.6	1	0.3
Ilmu Alam	270	14	5.2	195	72.2	56	20.7	5	1.9
Sejarah	38	-	-	16	42.1	17	44.7	5	13.2
Hisab Moden	307	194	63.2	108	35.2	5	1.6	-	-

Sumber: bahagian Pelajaran Menengah MARA

Walau bagaimanapun subjek Hisab moden, Hisab Tambahan dan Sains yang mencakupi fizik, kimia dan kajihayat, pencapaiannya tidaklah begitu memberangsangkan kerana daripada jumlah 308 orang pelajar yang mengambil lima matapelajaran tersebut terdapat pelajar yang gagal. Keadaan ini dapat dilihat apabila 15 orang gagal dalam subjek Hisab Tambahan, dua dalam fizik, lapan dalam kimia dan hanya seorang dalam subjek kajihayat. Manakala 206 orang pula telah lulus dengan gred kepujian dalam matapelajaran Hisab Tambahan, 229 dalam matapelajaran Fizik, 209 dalam matapelajaran Kimia dan 261 orang dalam matapelajaran kajihayat. Bilangan pelajar yang mendapat gred terbaik (A1 dan A2) adalah 55 orang bagi Hisab Tambahan, 60 bagi Fizik, 35 bagi Kimia dan 11 orang

bagi kajihayat.²⁴ Oleh itu, ramai pelajar yang mendapat gred kepujian berbanding gred terbaik (A1 dan A2) dan sekadar lulus (P7 dan P8). Seterusnya jika dinilai mengikut peratusan 'distinction' maksima ke minima bagi setiap matapelajaran didapati hisab moden mencapai peratusan 'distinction' yang tertinggi dengan 63.2%, Bahasa Inggeris kedua dengan 33.8%, Ugama 24.6%, Bahasa Melayu 21.4%, Fizik 19.5%, Hisab Tambahan 18.0%, Kimia 11.3%, Ilmu Alam 5.2%, Kajihayat 3.6% , dan Sejarah adalah satu-satunya matapelajaran yang tidak mencapai sebarang 'distinction' pada tahun ini.²⁵

Secara umumnya, SPM 1980 ini menunjukkan beberapa kenaikan prestasinya berbanding SPM tahun 1979. Ini dapat dilihat dari peratus pencapaian gred pertama dan kedua. Begitu juga dengan pencapaian agregat sembilan ke bawah yang bertambah pada tahun ini serta peratus agregat 25 ke atas yang meningkat kepada 2.0% di antara tahun 1979 dan 1980.²⁶ Jika dibandingkan peratus kelulusan matapelajaran dalam SPM tahun 1980 ini dengan SPM 1981 didapati tidak banyak perbezaan sama ada kenaikan atau penurunan peratus calon. Sehingga tahun 1985 MRSM berjaya mengekalkan peratus kelulusan yang baik terutama dalam matapelajaran Rampaian Sains, Fizik, Kimia dan Biologi.²⁷

²⁴ *Ibid*, hlm. 6

²⁵ *Ibid*, hlm. 6

²⁶ *Ibid*, hlm. 7

²⁷ Tanpa Pengarang, *Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1980, 1981, 1982, 1983, 1984, 1985 MRSM*, Bahagian Pelajaran Menengah MARA, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 3

4.8 Pencapaian SPM 1990

Pada tahun 1990 sebanyak sembilan buah MRSM telah menduduki SPM dengan bilangan calon seramai 2843 orang. Daripada jumlah tersebut 92.0% telah mendapat pangkat 1, 7.4% pangkat 2 dan hanya 0.6% mendapat pangkat 3. Walau bagaimanapun terdapat pelajar yang mendapat SAP dalam peperiksaan kali ini dengan jumlah 0.1% saja.²⁸ MRSM Kulim telah mendapat kelulusan 100% pangkat 1. MRSM-MRSM lain yang terlibat adalah MRSM Balik Pulau, Kota Bharu, Kuantan, Kulim, Kuala Terengganu, Muar, Jasin, Taiping, Terendak, Perlis dan Kerteh.

Pencapaian agregat mengikut 'ranke' pada tahun ini menunjukkan adanya peningkatan dalam agregat 10-15 dan 15-19 yang masing-masing mendapat 36.0% dan 30.7%. Di samping itu pencapaian gred terbaik A1 dan A2 menunjukkan bilangan pelajar yang mendapat 9A dan 8A agak merosot. Sebaliknya pelajar yang memperolehi 3A dan 2A semakin meningkat.²⁹ Jadual 4.14 di bawah ini menunjukkan perbandingan peratus pencapaian gred terbaik A1 dan A2 bagi tahun 1986-1990.

²⁸ Tanpa Pengarang, *Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 1991*, Bahagian Pelajaran Menengah, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 21

²⁹ *Ibid*

Jadual 4.14 : Perbandingan peratus pencapaian gred terbaik bagi tahun 1986 hingga 1990

Tahun	1986	1987	1988	1989	1990
Jumlah calon	1569	1531	2167	1985	2843
9A	1.7	2.4	1.6	3.3	0.6
8A	2.5	4.8	4.0	4.7	1.7
7A	4.0	5.5	5.8	5.9	2.8
6A	5.5	7.2	7.4	7.4	5.3
5A	8.0	8.9	10.1	9.3	7.9
4A	10.3	10.1	12.8	14.3	12.5
3A	11.6	18.8	18.3	17.8	22.6
2A	17.1	23.0	19.0	17.9	24.7
1A	20.8	13.7	14.5	14.5	17.5
0A	18.6	5.8	6.4	5.0	4.5

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Jika dianalisis dari aspek matapelajaran pula, SPM tahun ini tidaklah begitu memberangsangkan terutama matapelajaran Matematik, Matematik Tambahan dan rangkaian subjek sains iaitu Fizik, Kimia dan Biologi.³⁰ MRSM Kulim telah mendapat kelulusan 100% pangkat 1. MRSM-MRSM lain yang terlibat adalah MRSM Balik Pulau, Kota Bharu, Kuantan, Kulim, Kuala Terengganu, Muar, Jasin, Taiping, Terendak, Perlis, Kerteh.

³⁰ Tanpa Pengarang, *Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 1991* MRSM, Bahagian Pelajaran Menengah MARA, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur 1996. hlm. 7

4.9 Analisis Peperiksaan SPM 1996

Seramai 3311 calon daripada 12 buah MRSM telah menduduki SPM pada tahun 1996 dan seperti tahun-tahun sebelumnya, kesemua MRSM tersebut mendapat keputusan 100% lulus. Seramai 3248 calon atau 98.1% mendapat pangkat 1, 62 calon atau 1.8% mendapat pangkat 2 dan seorang saja mendapat pangkat 3 atau 0.1%.³¹ Perbezaan pencapaian SPM pada tahun 1996 ini lebih memberangsangkan daripada tahun sebelumnya. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.15 di bawah;

Jadual 4.15 : Perbandingan pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM 1995 dengan 1996

Keputusan	Bilangan 1996	Peratus 1996	Peratus 1995
Pangkat 1	3248	98.1	95.5
Pangkat 2	62	1.8	4.35
Pangkat 3	1	0.1	0.07
SAP	0	0	0.03
Jumlah	3311	100 %	100 %

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

MRSM Pengkalan Chepa dan MRSM Kuala Berang mendapat keputusan 100% pangkat satu, dan ini adalah pencapaian terbaik MRSM ini buat pertama kalinya. Sementara itu 10 buah maktab lain mendapat 100% lulus dengan 11 buah maktab mencapai 95% ke atas pangkat 1.³² Daripada jumlah tersebut 9 buah MRSM mencatatkan kenaikan peratus pencapaian pangkat 1 dengan MRSM Jasin mencatatkan kenaikan paling

³¹ Tanpa Pengarang, *Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 1996 MRSM*, Unit Ujian, Bahagian Pelajaran Menengah MARA, Ibu Pejabat MARA, 1997, Kuala Lumpur, hlm. 1

³² *Ibid*, hlm. 2

tinggi iaitu sebanyak 7.75% dari 91.96% pada tahun 1995 kepada 99.71% pada 1996. Ini diikuti oleh MRSM Muar dengan kenaikan sebanyak 6.53% kepada 98.53% pada 1996.³³

Selain itu pencapaian agregat terbaik juga amat membanggakan. Seramai 1153 calon atau 34.83% mendapat agregat 10 ke bawah. Dari segi pencapaian terbaik gred A1 dan A2, seramai 10 orang calon mendapat 10 A, 62 orang mendapat 9A dan 64 orang calon mendapat 8A.³⁴ Peperiksaan SPM 1996 ini juga telah berjaya melahirkan seorang pelajar yang dan buat julung kalinya memperolehi 10 A1 manakala 3 orang pelajar mendapat 9 A1.³⁵

Di dalam SPM tahun 1996 ini terdapat peningkatan dalam semua subjek. Keputusan 12 daripada 13 subjek yang di ambil pelajar meningkat antara 2.2% - 31.0% dari segi pencapaian terbaik paling tinggi bagi subjek Sejarah dan diikuti subjek Bahasa Melayu dengan peningkatan sebanyak 30.2%. Sementara itu subjek Matematik mencatat pencapaian yang memberangsangkan. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila kesemua pelajar dari lima buah MRSM iaitu Balik Pulau, Pengkalan Chepa, Kuantan, Jasin dan Taiping mendapat keputusan antara A1-C3.³⁶ Manakala bagi subjek Matematik Tambahan, lapan buah MRSM mencapai keputusan 100% lulus. Ini merupakan satu sejarah dalam perkembangan MRSM. MRSM tersebut adalah MRSM Balik Pulau, Kota

³³ *Ibid*, hlm. 3

³⁴ Tanpa Pengarang, *MRSM Catat Keputusan Paling Baik*, Siaran Berita, Bil. 2/ Tahun 8, Bahagian Pembangunan Sumber, Ibu Pejabat MARA, 1997, Kuala Lumpur.

³⁵ Kesemua pelajar ini daripada MRSM Taiping

³⁶ Tanpa Pengarang, *MRSM Catat Keputusan Paling Baik...*

Bharu, Kuantan, Muar, Jasin, Taiping dan Terendak. Di bawah ini disediakan pencapaian terbaik A1 dan A2 subjek mengikut maktab bagi SPM 1996.³⁷

Jadual 4.16 : Pencapaian gred terbaik (A1- A2) dalam subjek mengikut MRSM

Subjek	MRSM PKP		MRSM BUKAN PKP	
	MRSM	Peratus	MRSM	Peratus
Bahasa Melayu	Taiping	97.1	Muar	92.1
Pend. Islam	P. Chepa	94.5	Muar	50.4
Sejarah	Jasin	86.4	K.Berang	83.3
Bahasa Inggeris	Taiping	72.4	K. Berang	28.9
Matematik	P. Chepa	99.1	Muar	92.1
Matematik Tambahan	Taiping	41.0	Kuantan	31.2
Fizik	Taiping	34.3	Serting	14.9
Kimia	Taiping	38.1	Terendak	23.2
Biologi	Taiping	26.9	Muar	27.1
Pend. Seni	Taiping	100	Beseri	48.7
Prinsip Akaun	P. Chepa	100	PDRM	47.9

Sumber: Bahagian Pelajaran Menengah MARA

³⁷ *Ibid*

4.10 Kesimpulan

Perbincangan tentang keputusan akademik MRSM melalui analisis keputusan peperiksaan LCE/SRP sehingga ia bergelar PMR dan peperiksaan MCE/SPM menunjukkan berlaku peningkatan kualiti dan kuantiti pelajar cemerlang di MRSM. Keadaan ini merupakan perkembangan yang amat baik bagi sejarah pendidikan tanahair. Sesungguhnya MRSM kini telah menjadi rebutan pelajar-pelajar Melayu di seluruh Malaysia untuk mendapatkan asas pendidikan sains yang telah diakui keberkesanannya.

Hak Milik MARA

BAB LIMA

RUMUSAN

Pendidikan merupakan tuntutan umum masyarakat di seluruh dunia biar semundur mana sekalipun masyarakat itu. Pendidikan yang wujud di sesebuah negara di Asia Tenggara khususnya di Malaysia seringkali dikaitkan dengan kedatangan orang-orang barat dari Eropah dalam visi penjajahan mereka ke rantau ini. Walau bagaimanapun pendidikan pertama yang wujud di Malaysia adalah pendidikan agama yang dibawa bersama oleh pedagang-pedagang dari Tanah Arab, Mesir, Turki dan sebagainya lagi ke Melaka.

Walaupun bagaimanapun keagungan sistem pendidikan 'pondok' atau 'madrasah' itu perlahan-lahan digantikan dengan sistem pendidikan yang lebih liberal. Keadaan ini ketara apabila Tanah Melayu mula dicerobohi oleh bangsa-bangsa asing seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Kedatangan Portugis contohnya membawa bersama pendidikan agama Kristian namun sambutannya tidaklah menggalakkan di kalangan penduduk Tanah Melayu. Kedatangan British ke Tanah Melayu pula boleh dikatakan membawa perubahan kepada sejarah pendidikan tanahair kerana dasar British yang drastik memandang kepada keperluan dan kepentingan mereka memberi dan membuka sekolah-sekolah di Tanah Melayu.

Seterusnya pelbagai pergolakan telah berlaku dalam jangka waktu negara mencapai kemerdekaan termasuklah dalam isu pendidikan. Apabila negara mencapai kemerdekaan, isu pendidikan di tanahair sering menjadi perdebatan terutama apabila menyedari kaum

majoriti 'Melayu' telah ketinggalan di dalam memperoleh pendidikan terutama di peringkat yang lebih tinggi.

Pada tahun 1960-an, kesedaran tentang kekurangan orang Melayu dalam bidang iktisas semakin jelas dan rasa tidak puas hati itu semakin ketara pada pertengahan tahun 1960-an. Dasar pendidikan pada zaman kolonial dipersalahkan sehingga menyebabkan ramai orang Melayu yang tidak berpeluang mendapat pendidikan yang sama seperti bangsa-bangsa lain. Sistem vernakular yang dijalankan British itu pula dikatakan punca kepada keretakan hubungan kaum di negara ini. Oleh itu pada tahun 1969, berlaku rusuhan kaum yang dikaitkan dengan rasa tidak puas hati masyarakat Melayu terhadap sistem pendidikan yang masih mirip keinggerisan sehingga menyebabkan masyarakat Melayu tidak begitu berpeluang belajar di peringkat yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun terdapat juga kesedaran di kalangan orang-orang Melayu itu sendiri. Golongan ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin negara, pelajar, wartawan dan guru-guru yang merasakan biarpun dasar pendidikan itu silap tetapi bangsa Melayu perlu meneruskan perjuangan nasib Melayu dengan memperbaiki keadaan ketika itu dengan agar persaingan antara kaum di Malaysia terutamanya di bidang pendidikan itu terubat. Oleh itu kerajaan telah memperbanyakkan lagi sekolah-sekolah dan menyelaraskan dasar pendidikan. Bahasa Melayu dikuatkuasakan sebagai bahasa rasmi di semua sekolah kecuali sekolah cina dan sekolah tamil. Matapelajaran Bahasa Melayu pula diwajibkan lulus bagi calon MCE/SPM untuk meneruskan pengajian ke Universiti. Sementara itu, sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah sains diperbanyakkan lagi. Semua perubahan

ini adalah bagi menambahkan bilangan pelajar Melayu yang mendapat pendidikan khususnya dalam menggalakkan pelajar Melayu terus maju hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada tahun 1960-an ini juga kesedaran tentang kurangnya pelajar Melayu dalam aliran sains juga telah wujud menyebabkan adanya cadangan daripada pihak MARA (Majlis Amanah rakyat) untuk menubuhkan sebuah sekolah yang berorientasikan ilmu sains. Idea ini diperolehi oleh En. Wahab Alwi iaitu seorang pegawai MARA akibat rasa tanggungjawabnya terhadap pendidikan anak Melayu yang seharusnya diberi peluang. Beliau berpendapat, jika anak Melayu itu dididik dengan dengan sistem pendidikan yang berteraskan sains dari awal pengajiannya, kebarangkalian untuk pelajar itu terus menjurus dalam aliran ini dengan baik adalah cerah berbanding dengan perolehan pelajar sains dari sekolah biasa. Di samping itu pelajar ini akan lebih mudah diuruskan di bawah penjagaan MARA.

Pada awalnya kerajaan persekutuan tidak bersetuju dengan ide penubuhan sebuah sekolah yang dikemukakan oleh pihak MARA ini namun MARA akhirnya berjaya meyakinkan semua pihak bahawa ide ini selaras dengan usaha MARA untuk memperkukuhkan kedudukan masyarakat bumiputera di bidang ekonomi dan pelajaran di negara ini. Oleh itu dalam Kongres Ekonomi Bumiputera yang berlangsung pada 5, 6 dan 7 haribulan Jun 1965 di Kuala Lumpur. MARA telah menyatakan rancangannya untuk memperbanyakkan lagi bilangan bumiputera yang bertauliah di bidang ilmu sains dan hiasan. Setersnya dalam kongres ekonomi bumiputera ke-2 yang berlangsung pada tahun

1968 pula telah mencadangkan beberapa perkara berkaitan aktiviti-aktiviti latihan dan pendidikan MARA sebagai satu usaha untuk mencapai keseimbangan dalam ekonomi dan masyarakat di negara ini. Aspek terpenting yang berkaitan dengan ide penubuhan sekolah sains di bawah pengurusan MARA adalah untuk mengadakan sekolah-sekolah kolej rendah dan pra-universiti untuk menyediakan penuntut-penuntut bumiputera memasuki kolej-kolej atau universiti-universiti di dalam dan luar negara.

Sejajar dengan hasrat dan keperluan negara telah ditegaskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama dan kedua itu, MARA terus memupuk perhatiannya untuk menambahkan bilangan orang Melayu dan bumiputera lain yang terlatih dan mempertingkatkan kemahiran dengan cara menggerak, merancang, memaju dan melaksanakan satu-satu program latihan tertentu untuk orang Melayu dan bumiputera lainnya dengan memberi keutamaan kepada lapangan sains dan teknologi ke arah pembentukan semula masyarakat. Justeru itu, dalam usaha mencapai objektif ini, MARA dalam bidang latihan dan pendidikan telah menumpukan seluruh perhatiannya kepada program menubuhkan sebuah sekolah berorientasikan subjek sains dan telah sepakat menamakan institusi ini sebagai Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

Lahirnya MRSM ini setelah kerajaan memberi mandat sepenuhnya pada tahun 1970 apabila proposal pendidikan MRSM ini bergerak atas landasan bahawa matlamat untuk mendapatkan pelajar bumiputera yang layak mengikuti pelajaran tinggi khusus dalam bidang sains dan teknologi. Hasrat ini hanya akan tercapai jika pelajar-pelajar diberi pendedahan dari peringkat awal lagi. Oleh itu MRSM menyediakan asas pengajian bermula

dari tingkatan satu. Pendedahan awal ini akan memberi keyakinan kepada pelajar-pelajar untuk menceburkan diri dalam pekerjaan-pekerjaan yang berasaskan sains dan teknologi.

Menjelang tahun 1970, usaha-usaha penubuhan MRSM pertama semakin rancak dijalankan dan pada tahun 1972 pelajar bagi MRSM pertama telah dipilih bagi menduduki MRSM Seremban dan berjaya dalam LCE pada tahun 1975 seterusnya menghadapi MCE pada 1976. Keputusan akademik bagi kumpulan pelajar sesi pertama MRSM ini sangat menggalakkan kerana telah mendapat kelulusan 100% dalam peperiksaan MCE ini. Seterusnya, pengambilan pelajar bagi MRSM Seremban terus dilaksanakan dan MARA telah memperbanyakkan lagi bilangan MRSM di seluruh negara. Sehingga tahun 1980 sebanyak enam buah MRSM telah dibina dengan jumlah pelajar berdaftar seramai 3477 orang, dan pada tahun 1990 jumlah MRSM terus bertambah kepada 14 buah MRSM. Kini pada tahun 1977, sebanyak 19 buah MRSM wujud di seluruh negara dengan jumlah pelajar seramai 10,025 orang dan 4 buah kolej MARA dengan 1899 jumlah pelajar saja. Bilangan tenaga pengajarnya pula pada tahun 1997 ini berjumlah 1145 orang dengan dibantu oleh 1295 orang kakitangan maktab.

Walau bagaimanapun berlaku rombakan terhadap program pengajian yang ditawarkan di MRSM. Kini terdapat hanya 19 buah MRSM dan 4 buah kolej MARA. Keadaan ini disebabkan MRSM Seremban yang merupakan MRSM pertama menawarkan program pengajian bermula dari tingkatan 1-5 telah ditukar kepada kolej MARA Seremban yang menawarkan program matrikulasi universiti tempatan. MRSM lain yang turut ditukar programnya ialah MRSM Kulim kepada kolej MARA Kulim dan kolej-kolej lain seperti

kolej MARA Banting dan kolej MARA Kuala Nerang. Kolej-kolej ini menawarkan tempat bagi pelajar SPM mengikuti program GCE A-Level dan International Baccalaureate. Justeru itu, MRSM yang wujud pada hari ini adalah hasil daripada perkembangan dan kemajuan yang diusahakan oleh pihak MARA dengan guru-guru yang cemerlang dalam membentuk budaya kerja yang positif, mengadakan kemudahan-kemudahan kepada pelajar seperti asrama yang privacy , mengaplikasikan kepelbagaian bilangan program pendidikan seperti pelajaran komputer dan pembelajaran kemahiran berfikir serta menggalakkan hubungan yang baik antara semua pihak melalui persetiaan yang dijalankan. Di samping itu, penggunaan Sistem Penilaian dan Purata Nilain Gred (PNG) yang diperkenalkan pada tahun 1986 juga telah menggalakkan pelajar untuk mengekalkan prestasi pelajaran yang cemerlang. Situasi ini menunjukkan keberkesanan MRSM tidak dapat dinafikan. Oleh itu, semenjak 1976 sehingga 1977, MRSM telah mengeluarkan sejumlah 34 600 orang pelajar dan daripada jumlah tersebut seramai 31 294 atau 90.4% telah berjaya memperolehi MCE/SPM gred 1. Kebanyakan pelajar ini telah dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan bidang sains serta teknologi yang lain.

Kejayaan MRSM juga boleh diukur jika dilihat pula daripada kualiti pelajar lepasan MRSM semenjak tahun 1976 itu. Sehingga kini, terdapat beberapa orang bekas pelajar MRSM telah berjaya dalam kerjaya mereka. Bekas pelajar MRSM ini bernaung di bawah persatuan bekas pelajar yang mereka tubuhkan sendiri pada tahun 1989 iaitu ANSARA atau 'anak sains MARA'. Tokoh-tokoh terkenal bekas pelajar MRSM dapat dilihat di dalam beberapa bidang penting.

Di dalam bidang kejuruteraan, tokoh terkenal seperti Dr. Yasmin Ashaari merupakan penuntut MRSM Kota Bharu pada tahun 1976. Beliau kini bertugas sebagai Pengurus Kejuruteraan di Paremba Construction Sdn. Bhd. Di dalam bidang ekonomi dan kewangan, Dr. Abdul Rahim Md. Ghouse yang juga dari MRSM Kota Bharu pada tahun 1974 adalah tokoh berjaya dan kini bertugas sebagai Pengarah Eksekutif di Abrar Group International Sdn. Bhd.

Selain itu di dalam bidang penyelidikan pula Aziz Abdullah dari MRSM Kuantan pada tahun 1974 merupakan tokoh terkenal dalam Syarikat Juruukur Wawasan semenjak 1994. Bidang perubatan pula telah memperkenalkan Dr. Tokman Saim yang merupakan penuntut MRSM Seremban pada tahun 1972 dan kini beliau terkenal sebagai pensyarah di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Di samping itu dalam bidang teknologi maklumat telah memperlihatkan Ismail Haji Idris yang pernah menuntut di MRSM Seremban pada tahun 1972, kini sebagai Pengarah Operasi di Origin Technology (M) Sdn. Bhd. Zainal Hisham Yusof dari MRSM Seremban 1972 pula merupakan tokoh dalam bidang media massa dan beliau pernah berkhidmat di Jabatan Perhubungan Awam, ESSO. Bidang undang-undang pula melahirkan Sufian Jusoh dari MRSM Kuantan pada 1981 dan pada 1993 beliau berkhidmat sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaysia.

Seterusnya dalam bidang pembinaan, Khairul Anwar A Jamil dari MRSM Kuantan pada 1974 merupakan tokoh terkenal dalam bidang ini. Beliau bertugas di Lembaga Arkitek Malaysia dan juga ahli dalam Pertubuhan Arkitek Malaysia (APAM). Ahmad

Kamal bin Zakaaria pula adalah tokoh terkenal dalam bidang Kontraktor yang menuntut di MRSM Kulim pada tahun 1977 dan sekarang bertugas sebagai Pengarah Urusan di Silverbase Sdn. Bhd. Seterusnya dalam bidang Alam Sekitar, Dr. Razali Ismail dari MRSM Seremban pada tahun 1973 merupakan tokoh yang mahir dalam bidang penganalisaan kimia yang menggunakan teknik VOLTANMETRY dan kini beliau merupakan Ahli jawatankuasa Penasihat Sungai dan Alam Sekitar di Johor Bharu.

Walaupun tidak semua bekas penuntut MRSM menjurus dalam bidang berkaitan dengan sains dan teknologi tetapi pada umumnya mereka berjaya dalam kerjaya yang diceburu dan meramaikan bilangan Melayu dalam bidang ikhtisas tanahair. Contohnya Mukhriz Mahathir yang merupakan bekas pelajar MRSM yang aktif dalam bidang koperat dan kini aktif dalam memajukan Persatuan ANSARA sebagai presiden persatuan ini. ANSARA ditubuhkan khusus untuk menggalakkan bekas pelajar MRSM menyumbangkan khidmat bakti mereka secara efektif kepada negara.

Justeru itu kejayaan MRSM yang lalu telah menaikkan semangat MARA untuk memaju dan mengembangkan lagi MRSM. Kini bersesuaian dengan alaf baru yang bakal menjelma, MARA meneruskan usaha untuk menambahkan bilangan MRSM kerana masih terdapat ramai lagi pelajar Melayu dan Bumiputera yang layak memasuki MRSM tetapi tidak berpeluang disebabkan masalah kekurangan tempat. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia ke-7 akan datang sebanyak 13 buah MRSM baru telah diluluskan pembinaannya iaitu 6 buah yang dijangkakan siap pada tahun 1999 yang terdiri daripada MRSM Jeli, Langkawi, Batu Gajah, Chenderoh, Sandakan dan Sungai Aceh. Manakala 7 buah lagi

dijangkakan siap pada tahun 2000 yang terdiri daripada MRSM Bachok, Pendang, Kuala Kubu, Segamat, Kuala Lipis, Mersing dan Pontian. Semoga dengan terdirinya 13 buah MRSM ini, impian MARA untuk membantu masyarakat Melayu terutamanya dalam bidang pendidikan lebih berjaya.

Selain itu, selaras dengan perkembangan teknologi maklumat, MRSM juga telah mempertingkatkan kualiti kurikulum MRSM agar seliran dengan kehendak negara menuju ke era globalisasi. Justeru itu, MRSM akan menyediakan model-model sendiri yang lebih bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar-pelajar MRSM. Seterusnya, MARA berusaha pula menjadikan MRSM sebagai satu sistem prasekolah bertaraf dunia agar dapat menghasilkan pelajar yang lebih progresif menjelang abad ke 21.

Kini pada tahun 1997, MRSM buat pertama kalinya telah menyambut perayaan Jubli Perak dan ini bermakna telah 25 tahun MRSM bertapak di tanah air dan memberi sumbangan yang sangat besar kepada pendidikan negara ini. Tahniah MRSM!

RUJUKAN

PRIMER

Laporan

- _____. 1971. *Laporan Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan 1970*. Bahagian Perancang Dan Penyelidikan Pelajaran. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- _____. t.t. *Mara*. Kuala Lumpur : Unit Perhubungan Korporat MARA.
- _____. 1988. *Laporan Unit Perancang Korporat*. Kuala Lumpur : Ibu Pejabat MARA.
- _____. 1981. *Laporan Kajian Perimbangan Pelajaran Melalui SBP : Sekolah Menengah Sains dan Kelas Rancangan Khas*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- _____. t.t. Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA.
- _____. t.t. Kuala Lumpur : Unit Perancang Korporat MARA.
- _____. 1989. *Laporan Tahunan MARA*. Kuala Lumpur : Ibu Pejabat MARA.
- _____. 1986. *Belanjawan MRSM dalam Rancangan Malaysia ke-5*. Kuala Lumpur : Unit Perancang Korporat MARA.
- _____. 1987. *Buku Panduan Guru : MARA* . Kuala Lumpur : Ibu Pejabat MARA.

- _____ . 1976. *Belanjawan MRSM dalam Rancangan Malaysia ke-3*. Kuala Lumpur : Unit Perancang Korporat MARA.
- _____ . 1986. *Carta Organisasi MRSM 1986*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA
- _____ . t.t. *Destinasi Pembelajaran MRSM*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA
- _____ . t.t. *Data Bank*. Kuala Lumpur : Unit Perancang Korporat MARA
- _____ . t.t. *Kurikulum Perkembangan Sahsiyah*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA
- _____ . 1991. *Analisa Keputusan Peperiksaan SRP Malaysia tahun 1990 bagi MRSM*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA.
- _____ . 1997. *Analisa Keputusan Peperiksaan PMR 1996 MRSM*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA.
- _____ . 1981. *Analisa Keputusan Peperiksaan SPM 1980 : MRSM Kota Bharu, Seremban dan Kuantan*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA.
- _____ . 1985. *Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1980, 1981, 1982, 1983, 1984, 1985 MRSM*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA.
- _____ . 1996. *Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 1991*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah.
- _____ . 1997. *Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 1996 MRSM*. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah.

. 1997. *MRSM Catat Keputusan Paling Baik. Siaran Berita.* Bil.2/Tahun 8. Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Sumber MARA.

Abdul Wahab Alwi. t.t. *Penubuhan Maktab Rendah Sains Mara,* Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah

. t.t. *Kurikulum MRSM Dekad 90-an.* Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Sekunder

Buku

Ibrahim Saad. 1986. *Isu Pendidikan di Malaysia.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Saad. 1982 . *Isu- isu Pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chamhuri Siwar dan Surtahman Hasan. 1994. *Ekonomi Malaysia (edisi ketiga).* Print Kuala Lumpur : Gains Print Sdn. Bhd.

Gilbert Khoo & Dorothy Lo.1978. *Asia dalam Perubahan: Sejarah Tenggara, Selatan dan Timur Asia.* Kuala Lumpur : Heinemann Educational Books (ASIA) LTD.

Hall, D.G.E. 1987. *Sejarah Asia Tenggara.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salleh Lebar. 1988. *Perubahan dan Kemajuan dalam Pendidikan di Malaysia.* Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

Harun Derauh dan Shafie Nor.1982. *Cita-cita dan Pencapaian.* Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn Bhd.

Victor, J. Morais. 1969. *Tun Razak: Strategy for Action*. Kuala Lumpur : Penchetak Kerajaan.

Zainal Abidin bin Abdul Wahid. 1976. *Educational in the National Davelopment of Malaysia; A Study of Policy vs. Implementation di dalam Lim Teck ghee and Vincent Lowe (ed.), Towards a Modern Asia: Aims Resources and Strategies*. Kuala Lumpur : Heinemann Education Books.

Latihan Ilmiah

Ab. Alim Abdullah. 1981/1882. *Peranan Tun Razak dalam Pembangunan Luar Bandar*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Rohani Mohamed. 1991/1992. *MARA dan Pendidikan Menengah: Kajian Ke Atas MRSM Kuantan dari Tahun 1974 - 1990*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zarinah Ismail. 1991/1992. *Pengajian Tinggi di Malaysia: Satu Kajian Tentang Pembentukan dan Perkembangan Universiti Malaya di Kuala Lumpur (1900 - 1970-an)*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tesis

Zoraini Wati M. Abas. 1985. *A Theoretical Model of a Computer Literacy Curriculum and in Service Teacher Education Program for MARA Junior Science Colleges (MRSM) in Malaysia*. Dekalb : Nothern Illinois University.

Majalah

Ahmad Mahdzan Ayub. 1969. Punca-punca Kegagalan Pelajar Aliran Melayu dalam Matapelajaran Sains, *Dewan Masyarakat*. Jilid VII. Bil. 5-15 Mei, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Haji Hamdan bin Sheikh Tahir. 1969. Perkembangan dan Kemajuan Pelajaran di Malaysia, *Dewan Masyarakat*, Jilid VII, Bil. 3-5 Mach. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamaruddin Abdul Rahman.1968. Mengapa Orang Melayu Lemah dalam Sains, *Dewan Masyarakat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kelana Putera, 1969. Kenapa Pelajar Melayu Ketinggalan di dalam Pelajaran Teknik, *Dewan Masyarakat*. Jilid VII, Bil. 1-15 Jan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Journal

Prospektus MRSM 1986/1987. t.t. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA.

Prospektus MRSM 1994/1995. t.t. Kuala Lumpur : Bahagian Pelajaran Menengah MARA.

Akhbar

Abdul Razak Din. *Utusan Malaysia*. 4hb. Ogos 1997.

**Temubual
Responden**

Nama : Tuan Haji Ghazali Bin Manaf
Perkerjaan : Timbalan Pengarah Cawangan Pengajian, Bahagian Pelajaran Menengah MARA
Tarikh Temubual : 17 Julai dan 3hb Oktober 1997
Tempat Temubual : Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Nama : Encik Ruzlan bin Haji Abd Malek
Perkerjaan : Ketua Setiausaha Majlis MARA
Tarikh Temubual : 3hb Oktober dan 17hb Julai 1997
Tempat Temubual : Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Nama : Encik Mohd Rezaidi bin Mohd Ishaak
Perkerjaan : Pengurus Besar ANSARA
Tarikh Temubual : 16hb Februari 1998
Tempat Temubual : Pejabat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.


Nama : Encik Norzain Nordin
Perkerjaan : Pengurus hal Ehwal Korporat ANSARA.
Tarikh Temubual : 16hb Februari 1998
Tempat Temubual : Pejabat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

LAMPIRAN 2 : LOGO MRSM




Hak Milik

LAMPIRAN 3 : LOGO KOLEJ MARA




Hak Milik

**LAMPIRAN 4 : CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PELAJARAN
MENENGAH MARA**



LAMPIRAN 5 : CARTA ORGANISASI MRSM



LAMPIRAN 6 : DAFTAR PELAJAR MRSM 1997

Peringkat Pengajian	Program Semasa					Pelajar Tamat	Jumlah
	Anggaran	Bulan ini	Tahun ini	Sedia ada	Jumlah		
Menengah Rendah	1275	0	1009	3485	4485	0	4494
Menengah Atas	3785	0	3847	1740	5587	39078	44665
Jumlah	7520	0	6926	7654	14580	50340	64920

Hak Milik MARA

LAMPIRAN 7 : DAFTAR TENAGA PENGAJAR MRSM

Tahun	1972	1980	1990
Seremban	10	55	47
K. Terengganu	-	31	77
Muar		7	75
Taiping		-	70
Perlis			66
Kuantan		55	77
Jumlah	10	148	412


LAMPIRAN 8 : GURU DAN KELAYAKAN PADA 1986/1987

Kelayakan	Bilangan	Peratus
Sarjana / Ph.d	25	17.9
Sarjana Muda/Diploma	69	49.3
Sarjan Muda	41	29.3
Diploma	5	3.6
Jumlah	140	100

Sumber : Bahagian Pelajaran Menengah MARA

Hak Milik MARA

**LAMPIRAN 9 : FORMULA KECEMERLANGAN DALAM
RANCANGAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
DI MRSM PERLIS (1989-1990)**



LAMPIRAN 10 : JAWATAN KUASA PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN MRSM

AHLI

**Pengarah
Bahagian Pelajaran Menengah, MARA**

**Timbalan Pengarah (Pengajian)
bahagian Pelajaran Menengah, MARA**

**Timbalan Pengarah (Perkhidmatan)
Bahagian Pelajaran Menengah, MARA**

**Pengetua-Pengetua
MRSM**

**Ketua Pegawai Kemajuan
(Projek dan Alatan)**

**Pegawai Pelajaran Kanan
(Urusan Sains)**

**Pegawai Pelajaran Kanan
(Urusan Sains Sosial)**

**Pegawai Pelajaran Kanan
(Urusan Media)**

**Pegawai Pelajaran Kanan
(Urusan Hal-Ehwal Pelajar)**

**Pegawai Pelajaran Kanan
(Latihan dan Perkhidmatan Guru)**

LAMPIRAN 11 : JAWATAN KUASA KURIKULUM MRSM

Anggota Jawatan Kuasa Tertinggi Kurikulum MRSM

- i. Pengerusi : Pengarah, Bahagian Pelajaran Menengah**
- ii. Timbalan Pengerusi : Timbalan Pengarah (Pengajian)
Timbalan Pengarah (Perkhidmatan)**
- iii. Ahli Jawatan Kuasa : Pengetua-Pengetua
Maktab Rendah Sains MARA.
Dua Ahli Jawatan Kuasa Kehormat**

Hak Milik MARA

**LAMPIRAN 12 : JADUAL AKADEMIK MRSM (HARI MINGGU
PADA SABTU DAN AHAD)**

Hari	730	815	900	945	1030	1100	1145	1230	1315	1400	1500	1545
Isnin	1	2	3	4	R	5	6	7	8	R		
Selasa	1	2	3	4	E	5	6	7	E	8	9	
Rabu	1	2	3	4	H	5	6	7	H	8	9	
Khamis	1	2	3	4	A	5	6	7	8	A		
Jumaat	1	2	3	4	T	5	6	Sembahyang Jumaat				

Peringatan : Setiap masa rehat selepas Masa Utama ialah satu jam

Hak Milik MERA

LAMPIRAN 13: JADUAL AKADEMIK MRSM (HARI MINGGU PADA JUMAAT DAN SABTU)

Hari	730	815	900	945	1030	1100	1145	1230	1315	1400	1500	1545	1545
Ahad	1	2	3	4	R	5	6	7	8	R			
Isnin	1	2	3	4	E	5	6	7	E	8	9		
Selasa	1	2	3	4	H	5	6	7	H	8	9		
Rabu	1	2	3	4	A	5	6	7	8	A			
Khamis	1	2	3	4	T	5	6	7		Sembahyang Jumaat			

Peringatan : Setiap masa rehat selepas Masa Utama ialah satu jam

Hak Milik MARA

LAMPIRAN 14 : LAGU MRSM

Wahai putera puteri bangsaku
Ayuh segera menuju
Mengikut gerak langkah maju
Bersatu mencari ilmu

Di zaman sains dan teknologi
Negara perlukan jasamu
Jangan rasa malas lagi
Bersama memegang teraju

Di Maktab Rendah Sains MARA
Tuntut ilmu jangan jemu
Ikrar taat setia pada guru
Berdisplin selalu

Hari ini hari mulanya
Hari esok berjaya
Lengkapkan segala yang ada
Ke kuliah kita segera